

Bil. 73

**Isnin
13 November 2006**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2007

Jawatankuasa:

Jadual

Maksud B.21

(Halaman 21)

USUL:

Anggaran Pembangunan 2007

Jawatankuasa:

Maksud P.21

(Halaman 21)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi - Senator
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. ” Menteri Penerangan, Datuk Seri Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO
12. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
15. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
16. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO
17. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO

18. Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, P.N.B.S., S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang) – MCA.
20. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop - Senator
21. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
22. “ Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. ” Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
28. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO

9. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Taph) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato’ Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato’ Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO

32. Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
39. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman - Senator

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA

15. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam - Senator
16. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. " Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. " Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. " Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. " Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. " Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. " Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. " Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. " Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. " Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
9. " Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
10. " Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
11. " Dato' Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
12. " Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. " Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
14. " Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
15. " Datuk Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
16. " Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
17. " Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
18. " Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
19. " Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
20. " Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
21. " Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
22. " Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
23. " Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
24. " Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
25. " Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
26. " Dato' Chua Jui Meng (Bakri) – MCA

27. Yang Berhormat Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
28. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
29. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
30. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
31. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
32. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
33. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
34. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
35. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
36. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
37. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
38. “ Dato’ Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
39. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
40. “ Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
41. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
42. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA
43. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
44. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
45. “ Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
48. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. “ Datuk Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
60. “ Dato’ Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
61. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
62. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP
63. “ Datuk Seri Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB
64. “ Dato’ Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA

65. Yang Berhormt Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
67. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
69. “ Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
71. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
74. “ Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
75. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. “ Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman (Lipis) - UMNO
77. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
83. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
84. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
90. “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
91. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
92. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
93. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
94. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
95. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
96. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
97. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
98. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
99. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
100. “ Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S, S.S.A., K.M.N, S.S.A.P, (Kuala Langat) - UMNO
101. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
102. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO

-
103. Yang Berhormat Dato' Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
 104. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulong) – UMNO
 105. “ Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
 106. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
 107. “ Dato' Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
 108. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
 109. “ Dato' Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
 110. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
 111. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
 112. “ Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
 113. “ Tengku Razaleigh bin Tengku Hamzah, (Gua Musang) – UMNO
 114. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
 115. “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
 116. “ Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
 117. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
 118. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
 119. “ Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
 120. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
 121. “ Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
 122. “ Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
 123. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
 124. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
 125. “ Datuk Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
 126. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
 127. “ Dato' Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
 128. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen

Haji Kamaruddin Mohamed Baria

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Mahmood bin Adam

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Roosme binti Hamzah

PETUGAS-PETUGAS

PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Supiah binti Dewak

Hajah Kamisah binti Sayuti

Sarimah binti Haji Amran

Ab. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Hairan bin Mohtar

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Habibunisah binti Mohd. Azir

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Norasmawati binti Mohamed Nor

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Zaida Zuriani binti Mohd Zamli

Azmir bin Mohd Salleh

Norhasani binti Yaacob

Nurul Shahida binti Haji Ahmad

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT**

Isnin, 13 November 2006

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)

***mempengerusikan Mesyuarat*]**

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tan Sri Dato' Hew See Tong [Kampar]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan langkah-langkah untuk menyelesaikan masalah siswazah menganggur yang kian meruncing di negara kita.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menangani masalah graduan menganggur di negara ini, Kementerian Sumber Manusia sedang mengambil strategi-strategi jangka pendek dan jangka panjang seperti berikut untuk mengatasinya:

(a) Strategi Jangka Pendek:

Menyediakan skim latihan graduan untuk meningkatkan *marketability* dan *employability* graduan dalam pasaran. Sebanyak 13 program latihan dalam bidang-bidang kemahiran yang ditawarkan adalah seperti berikut:

- (i) Sijil Bahasa Inggeris;
- (ii) Sijil Pembangunan Eksekutif;
- (iii) Sijil Pemasaran;
- (iv) Sijil Perakaunan Perniagaan;
- (v) Sijil *Microsoft Certified System Engineer*;
- (vi) Sijil *Cisco Certified Network And Professional*;
- (vii) Sijil *Linux System Administrator*;
- (viii) Sijil *Web Publishing And Web Application Development*;
- (ix) Sijil Perancangan Kewangan dan Pengurusan Harta;
- (x) Sijil Pemandu Pelancong dan Pengurusan Acara;
- (xi) Sijil Keusahawanan;
- (xii) Sijil Bahasa Mandarin;
- (xiii) Sijil Insurans.

Membuat analisis kekosongan jawatan dalam pasaran pekerjaan yang dilaksanakan melalui akhbar-akhbar utama serta yang dilaporkan oleh majikan melalui *job clearing system* (JCS) bagi

mengenal pasti bidang-bidang pekerjaan yang mempunyai permintaan yang tinggi. Maklumat ini seterusnya disalurkan kepada kementerian atau agensi yang berkaitan, bagi tujuan merangka kursus yang bersesuaian di IPTA dan untuk perancangan sumber manusia di masa hadapan.

- (b) Strategi Masa Panjang:
- (i) mengadakan kerjasama yang erat dengan Kementerian Pengajian Tinggi, Institusi Pengajian Tinggi dan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan dari segi *job matching carrier counseling*. Analisis statistik dan maklumat profil graduan dalam pelbagai bidang pengajian dan IPT serta peluang-peluang pekerjaan baru yang wujud di pasaran pekerjaan dapat membantu fungsi perancangan tenaga manusia dan negara, *demand and supply* dilaksanakan dengan lebih berkesan;
 - (ii) meningkatkan *accessibility* penganggur kepada peluang-peluang pekerjaan bagi membantu penganggur mendapatkan maklumat pekerjaan. Di samping menemukan majikan dan pencari kerja seperti menyediakan perkhidmatan pekerjaan secara *on-line* melalui JCS;
 - (iii) menubuhkan agensi-agensi pekerjaan swasta secara *web base* atau berpejabat dan mengadakan karnival pekerjaan; dan
 - (iv) penyediaan data dan maklumat dapat membantu IPTA, terutama mengenai bidang-bidang pengajian atau kemahiran yang diperlukan oleh industri.

Sekian. Terima kasih.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih timbalan menteri. Masalah pengangguran adalah satu masalah global bukan berlaku di negara kita sahaja, malah merata-rata, seluruh tetapi justeru saya mohon Yang Berhormat menjelaskan tentang penambahbaikan ataupun peningkatan pengetahuan yang dibuat oleh kementerian Yang Berhormat untuk memastikan siswazah kita memenuhi pasaran pekerjaan negara yang kompleks ini.

Dan, satu lagi saya ingin mengetahui, adakah kolej komuniti yang dilaung-laungkan di setiap Parlimen ini akan dibuat untuk memastikan pengangguran-pengangguran ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, itu terkeluar.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Soalan kedua, kolej komuniti itu tidak di bawah kementerian saya, di bawah kementerian yang lain. Walau bagaimanapun terima kasih kepada soalan pertama iaitu tentang penambahbaikan bagi mengatasi atau meningkatkan pengetahuan yang dibuat oleh pihak kementerian, khususnya dalam bentuk global. Pihak Kementerian Sumber Manusia memang menggalakkan pencari-pencari kerja termasuk graduan ini untuk mendapatkan pekerjaan bukan sahaja dalam negara tetapi juga di luar negara.

Buat masa ini, ramai pencari kerja telah mendapatkan pekerjaan di luar negara dan ramai pekerja Malaysia berada di luar negara, lebih daripada 300,000 orang. Termasuk antara negara-negara yang mereka pergi seperti negara jiran kita, Singapura, New Zealand, Australia, Korea, Jepun, Middle East, Europe, Amerika dan yang terakhir iaitu di Dubai sendiri.

Saya baru balik dari Dubai, saya lihat banyak peluang-peluang pekerjaan yang ditawarkan, bukan sahaja kepada pencari kerja, graduan tetapi juga kepada majikan-majikan. Malah, banyak juga syarikat-syarikat Malaysia seperti MRCB dan Paremba sedang bekerja menjalankan projek-projek besar di negara tersebut.

Selain daripada itu, dari segi penambahbaikan juga kita sentiasa memberikan latihan-latihan lanjutan seperti di bawah Jabatan Pembangunan Sumber Manusia Berhad, diberikan skim-skim latihan, malah kita berikan peruntukan *dollar to dollar* kepada majikan-majikan yang melatih pekerja-pekerja termasuk graduan-graduan yang ada. Sekian, terima kasih.

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan angka yang sebenarnya siswazah menganggur ini kerana kita dapat ada angka yang bercanggah ataupun yang berbeza-beza yang disebutkan oleh pihak-pihak yang berlainan dan adakah pihak kementerian membuat suatu analisis tentang pengangguran itu daripada berapa tahun. Adakah siswazah ini dia menganggur dalam satu tahun, tiga tahun atau lima tahun. Jadi kita lihat mungkin ada di antaranya ialah kerana sementara mencari kerja supaya kita boleh betul-betul mengetahui tentang keseriusan pengangguran ini. Kita lihat walaupun banyak kursus yang dijalankan ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalan?

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: Satu lagi. Saya rasa bukan kursus yang itu yang menjadi masalah kepada penganggur ini. Saya rasa ialah sikap-sikap ini yang telah diperolehi itu yang menjadi masalah kerana mereka menjadi tidak *marketable*. Saya rasa pihak kementerian patut lihat dari aspek itu. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sebenarnya jumlah pengangguran yang berada di negara kita terutama di kalangan lulusan sama ada SPM, kolej mahupun universiti, dia berubah-ubah mengikut keadaan pasaran dan juga keperluan. Tetapi secara umumnya jumlah mereka yang menganggur di peringkat lulusan SPM dalam 50,000 campur ataupun tolak.

Dalam kategori lulusan kolej pula di antara 23,000 hingga 25,000 dan untuk ijazah daripada universiti dan sebagainya yang lebih tinggi iaitu dalam lingkungan 20,000. Angka ini sebenarnya telah turun daripada sekian banyak telah menurun disebabkan banyaknya tawaran-tawaran pekerjaan yang baru terutama daripada tindakan JPA itu sendiri membuka peluang-peluang pekerjaan lebih daripada 30,000 baru-baru ini.

Selain daripada itu kalau hendak disebut berapa tahun yang menganggur, ada yang...., kita mengambil enam bulan ke atas, ada yang setahun, ada yang dua tahun, ada yang tiga tahun. Tetapi kebanyakan purata secara *averagenya* atau puratanya, graduan yang menganggur ini ataupun kelulusan kolej ini dalam lingkungan satu tahun.

Ketiganya iaitu ditanya apakah kerana kursus sahaja ataupun kerana apa ataupun kerana sikap dan sebagainya. Sebenarnya selain daripada kelulusan, kebanyakan graduan ini sukar untuk memperoleh pekerjaan disebabkan mereka kekurangan dari segi *soft skill* atau kemahiran untuk umpamanya berkomunikasi, berhubung, bercakap, keterampilan dan juga *attitude* yang lain. Maknanya untuk mendapatkan pekerjaan bukan dijamin dengan akademik semata-mata sekarang ini tetapi juga termasuk *soft skill* yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat. Terima kasih.

2. **Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan langkah konkrit (di luar kotak) yang telah diambil bagi mengatasi pencapaian atlet negara di peringkat antarabangsa yang semakin menurun.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Sa. Vigneswaran]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat. Ramai peminat sukan kurang sedar bahawa terdapat sukan-sukan lain yang bertambah maju walau pun ia kurang popular kalau dibandingkan dengan sukan seperti bola sepak dan badminton.

Atlet-atlet negara telah berjaya melayakkan diri secara merit ke Sukan Olimpik. Misalnya di Sukan Olimpik 2004 di Athens, atlet-atlet memanah dan gimnastik merupakan atlet yang pertama kali melayakkan diri dalam sejarah sukan negara ke Sukan Olimpik secara merit. Mereka diiringi oleh atlet-atlet daripada acara terjun, taekwando, kapal layar, renang, menembak, olah raga dan berbasikal di samping pemain-pemain badminton.

Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara mengambil pendekatan melaksanakan program-program latihan jangka sederhana di samping program-program pembangunan jangka panjang dalam membangunkan sukan negara. Program Jaya 1998 yang dituruti Program Gemilang 2001 dan Program Gemilang 2006 menyaksikan negara mencatat sejarah pungutan pingat bukan sahaja temasya Sukan SEA malah juga prestasi yang agak baik di peringkat Sukan Asia dan Sukan Komanwel.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari kejayaan-kejayaan tersebut, bilangan sukan negara yang berjaya mencapai prestasi peringkat dunia tidak lagi bergantung kepada sukan-sukan seperti badminton, hoki, bina badan dan boling malahan beberapa sukan lagi juga telah berjaya di peringkat tersebut seperti sukan terjun.

Tuan Yang di-Pertua, pembentukan Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan adalah ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Panjang lagi Yang Berhormat?

Tuan Sa. Vigneswaran: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Panjang lagi jawapan?

Tuan Sa. Vigneswaran: Jawapan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Panjang lagi, panjang...

Tuan Sa. Vigneswaran: Ada sedikit lagi. Pembentukan Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan adalah merupakan sebagai usaha kerajaan untuk memperkukuhkan dan memperkemaskan langkah-langkah ke arah meningkatkan mutu sukan di negara ini.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Setiausaha Parlimen yang telah menjawab dengan panjang lebar, menepati tetapi saya masih hendak memberi semangat. Sebelum soalan, Tuan Yang di-Pertua kerana sukan ini mengharumkan nama negara di arena antarabangsa.

Beberapa Ahli: Huah, huah!

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Maka saya hendak tanya apakah semangat patriotik di kalangan jurulatih dan atlet kita sudah menurun? Atau meningkat? Itu yang pertama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, satu soalan.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tidak, satu soalan sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Satulah... [Dewan riuh] Satu tambahan.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Apakah kementerian yakin melalui RMK9 ini benar-benar *strategic planning*..., minta maaf, semangat ini..., dan juga *manpower* yang ada boleh mempersembahkan kepada Jawatankuasa Kabinet... [Disampuk] Kita boleh mencapai kejayaan seperti Misbun Sidek, Razif, Jailani, apa ini..., yang hak mati dah ialah kita katakan bola sepak yang bertaraf dunia, Allahyarham Mokhtar Dahari, contohnya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bukan berucap ya?

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Sudahlah, tidak berucap. Itu soalan... [Dewan riuh]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dia main sukan apa Yang Berhormat?

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Saya hendak ambil *world class* hak yang pernah kita capai seperti "*Amphi Song*", "*Tan Geik Han*" dan juga "*Ambawi*", bolehkah tidak ini kita kembalikan semangat ini. Terima kasih.

Tuan Sa. Vigneswaran: Mudah-mudahanlah Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, boleh itu memang boleh Yang Berhormat. Tetapi untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, pada tahun 60-an dan 70-an memang ahli-ahli sukan kita di negara ini memang telah mengharumkan nama negara.

Tetapi kebelakangan ini, bukan sahaja salah kerajaan tetapi aktiviti-aktiviti di kalangan remaja ini bertambah, seperti televisyen, *video game* dan kalau dibandingkan dengan dahulu, mereka ini bertumpu di padang bola. Tetapi sekarang Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia Dan Sukan membudayakan sukan sebagai dalam kehidupan rakyat dalam acara-acara sukan seperti sukan massa dan sebagainya. Kami berharap kegemilangan yang diharapkan oleh Yang Berhormat itu akan kembali. Sekian, terima kasih.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya agak terkejut juga tadi bila Setiausaha Parlimen menjawab 'mudah-mudahan'. Seolah-olah macam kementerian sendiri tidak yakin dengan kebolehan jurulatih dan atlet kita. Soalan tambahan saya ialah sejauh manakah pihak kementerian betul-betul menyediakan atlet untuk ke kejohanan Sukan Asia di Doha untuk mengembalikan keyakinan rakyat terhadap Kementerian Belia dan Sukan ini. Terima kasih.

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia Dan Sukan mempunyai tenaga kepakaran bukan sahaja dari dalam negeri tetapi kepakaran asing dalam pelbagai keperluan baik sama ada keperluan melatih secara langsung atlet-atlet negara mahupun keperluan menyediakan khidmat sokongan sains sukan dan juga khidmat sebagai juru perunding dan dengan adanya kepakaran ini bukan sahaja mudah-mudahan tetapi kami pasti akan membawa beberapa pingat balik dari Doha. Terima kasih.

3. **Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah polisi Dialog Selatan-Selatan masih lagi penting bagi Malaysia:-

- (a) jika ya, apakah tindakan untuk memastikan ia dijadikan sebagai agenda politik, perdagangan dan keselamatan antarabangsa; dan
- (b) nyatakan jumlah dagangan di antara Malaysia dengan negara-negara tersebut dari tahun 2001- 2005.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Tuan Ahmad Shabery Cheek]: Tuan Yang di-Pertua, adalah jelas bahawa polisi Dialog Selatan-Selatan masih penting bagi Malaysia dan terus diperjuangkan. Inilah adalah dilihat daripada penglibatan aktif Malaysia dalam pelbagai Forum Kerjasama Selatan seperti Sidang Kemuncak Negara-negara Selatan, Kumpulan 77, G-15 serta peranan menerajui pertubuhan penting seperti NAM dan OIC.

Penekanan kerjasama diberikan dalam pelbagai bidang terutamanya perdagangan dan pembinaan kapasiti. Di bidang perdagangan, Malaysia mencatatkan jumlah dagangan sebanyak RM1.483 trilion dengan negara-negara Selatan sepanjang lima tahun dari tahun 2001 hingga 2005. Ini menggambarkan pertumbuhan perdagangan hampir dua kali ganda dalam masa lima tahun tersebut iaitu daripada jumlah dagangan sebanyak RM211,714 juta ataupun RM2.1 bilion pada tahun 2001 kepada RM404,796 juta pada tahun 2005. Malaysia akan meneruskan usaha menggerakkan polisi Dialog Selatan-Selatan dan mengambil manfaat yang lebih besar daripada usaha-usaha ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dunia buang masa, Tuan Yang di-Pertua... [Ketawa] Sebenarnya apa pun...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat jangan buang masa.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya tidak buang masa. Apa dialog pun, apa keputusan pun yang dibuat di dunia ini tidak akan berfaedah selagi kepentingan Amerika tidak dijaga.

Contohnya Tuan Yang di-Pertua, satu tragedi yang paling hina yang berlaku di Bangsa-Bangsa Bersatu pada minggu lepas. Resolusi Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu mengutuk kekejaman serangan Israel di bumi Gaza, Palestin. Amerika dengan bangganya veto keputusan ini. Dia bercakap tentang demokrasi, tentang hak asasi manusia tetapi jelas dunia mengutuk Israel kerana kekejaman serangan di Gaza, Amerika dengan bangga tolak veto ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan, soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Inilah yang saya hendak soal, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau tidak ada soalan, Yang Berhormat bagi Langkawi hendak kemukakan soalan tambahan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Selepas saya, giliran Yang Berhormat bagi Langkawi, Tuan Yang di-Pertua... [Ketawa] Saya hendak tanya, apakah pendirian Malaysia ataupun dasar luar negara kita tentang sikap Amerika yang begitu biadab, yang menolak satu usul mengutuk kekejaman Israel yang terang dan nyata dikutuk oleh seluruh dunia - Amerika. Apa ini *South-South*, Selatan-Selatan, Utara-Utara? Apa bendanya, Tuan Yang di-Pertua?

Dunia sebenarnya sedang dicatur oleh Amerika dan kita sebenarnya tidak berkuasa hendak menentang. Cuma kita hendak soal mereka, apakah engkau layak jadi juara demokrasi hak asasi manusia dengan sikap yang paling jijik yang pernah berlaku dalam abad ini?...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup. Kalau hendak berucap, berucaplah nanti. Cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading di atas keprihatinan beliau dan juga rasa resah beliau terhadap sistem dunia sekarang ini. Saya percaya bahawa keresahan beliau itu dikongsi oleh banyak pihak, sebab itulah NAM misalnya, yang menggabungkan lebih daripada seratus buah negara yang merangkumi lebih daripada dua per tiga negara anggota-anggota Bangsa-Bangsa Bersatu ditubuhkan kerana rasa tidak senang dengan sistem dunia ini.

Yang Berhormat perlu faham bahawa sistem dunia terutama sekali dalam sistem di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu itu berlaku sedemikian rupa kerana akibat daripada bebanan sejarah yang terpaksa kita pikul selepas Peperangan Dunia Kedua, di mana negara-negara yang menganggap bahawa merekalah yang menjadi juara, yang memenangi perang tersebut dalam mengalahkan pakatan Jerman, Jepun dan Itali. Pada waktu itu, lima negara inilah yang sebenarnya menjadi negara tetap di dalam Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu yang mempunyai kuasa veto. Ini adalah kerana mereka menganggap bahawa mereka menang perang dan dunia bergantung kepada mereka.

NAM ditubuhkan kerana kita menganggap bahawa sejarah ada peranannya. Tetapi kita dalam berhadapan ke depan, kita perlu mempunyai satu sistem yang lebih adil. Sebab itulah NAM ditubuhkan dan Dialog Selatan-Selatan ditubuhkan supaya negara-negara kuasa besar tidak boleh selama-lamanya mengatakan kerana dunia terhutang kepada mereka semasa Perang Dunia Kedua dahulu, maka mereka boleh melakukan apa sahaja termasuk menggunakan kuasa veto mereka sewenang-wenangnya sehingga boleh merasakan bahawa negara lain sentiasa tertindas dan tidak ada pembelaan.

Dalam konteks Israel, kita tahu bahawa Israel itu dianggap sebagai anak kepada Barat. Ia dilahirkan akibat kesalahan Barat. Apa yang mereka lakukan terhadap kaum Yahudi di Jerman pada waktu itu, mereka merasakan ada tanggungjawab mereka untuk membelanya dan kita tahu bahawa ada waktunya banyak pembelaan mereka itu tidak adil. Saya percaya berilah keyakinan bahawa Dialog Selatan-Selatan dan Pergerakan Negara-negara Berkecuali sekarang ini memberikan tekanan yang besar terhadap reformasi di dalam Bangsa-Bangsa Bersatu supaya keadilan lebih diberikan, peranan kuasa veto dapat dihadkan dan kita semua akan beroleh keadilan yang sepatutnya. Terima kasih.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas jawapan dan alhamdulillah, Dialog Selatan-Selatan masih lagi relevan dan masih lagi diteruskan kerana ia menampakkan satu gejala yang baik, imej Malaysia telah naik dengan jayanya di mata dunia. Malahan program perniagaan kita sekarang ini pun disebabkan oleh Dialog Selatan-Selatan ini yang telah menjalar dan meluas di mata dunia dan di India terdapat juga syarikat-syarikat kita yang begitu berprestasi baik.

Soalan saya ialah mengapakah LID iaitu satu daripada langkah Dialog Selatan-selatan ini yang selalunya dibuat di Langkawi dua tahun sekali dan saya difahamkan sepatutnya diadakan di Langkawi pada bulan Julai tetapi telah di *cancel*. Adakah ini menampakkan kita tidak serius dalam hal Afrika ini kerana dalam perdagangan, kita seharusnya melabur. Misalnya Zimbabwe hendak mengimport daripada kita, ia tidak semestinya melalui Paris ataupun London, sekarang ia terus pergi ke Zimbabwe. Begitu juga dengan lain-lain perniagaan. Saya hendak kepastian adakah LID yang kita adakan setiap dua tahun sekali adakan diteruskan? Terima kasih.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Langkawi dan terima kasih di atas keprihatinan beliau. Orang Langkawi merasakan bahawa *Langkawi International Dialogue* itu adalah satu perkara yang mesti diteruskan dan perlu difahamkan bahawa kita mengadakan *Langkawi International Dialogue* setiap dua tahun dan tahun seterusnya itu diadakan di negara Afrika yang dianjurkan oleh apa yang disebutkan SAID - *Southern African International Dialogue* secara bergilir-gilir.

Untuk buat masa ini, oleh kerana terdapat beberapa perkembangan semasa, tidak ada satu keputusan tetap tentang bilakah *Langkawi International Dialogue* yang ditangguhkan, yang sepatutnya diadakan pada bulan tujuh baru-baru ini sama ada akan diteruskan untuk tahun ini. Tetapi tidaklah dianggap bahawa apabila LID tidak dibuat lagi, ianya tidak penting. Tetapi saya percaya di bawah pimpinan kita yang baru, terdapat beberapa pengubahsuaian ataupun beberapa pendekatan yang lebih besar yang akan dilakukan sesuai dengan tuntutan semasa dan cabaran global kita hari ini. Terima kasih.

4. **Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan bilangan penerima skim geran penyelidikan dan pengkomersilan di bawah MTDC untuk masyarakat Melayu, India dan Cina dan golongan etnik lain. Berapakah jumlah geran yang akan dimajukan untuk golongan ini bagi 2006 dan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Bagaimanakah kesahihan penerima pinjaman dan keberkesanan skim ini terpelihara dan apakah mekanisme pemantauan yang diguna pakai oleh Kementerian.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Geran di bawah pengurusan MTDC adalah skim dana pengkomersilan R&D ataupun dengan izin, *Commercialization of R&D*

Fund (CRDF). CRDF bukanlah geran penyelidikan tetapi adalah geran untuk mengkomersialkan hasil R&D.

Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan sehingga 30 Julai 2006 sebanyak 34 syarikat IKS telah mendapat pembiayaan di bawah skim geran CRDF dan jumlahnya yang telah diluluskan adalah sebanyak RM39 juta. Walau bagaimanapun, masih belum terdapat sebarang kelulusan skim geran CRDF di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan kerana program di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan hanya bermula pada Jun tahun ini.

Maklumat mengenai IKS yang telah mendapat bantuan geran CRDF tidak dibahagikan mengikut golongan etnik tetapi hanya mengikut klasifikasi berikut: Klasifikasi syarikat milik 100% bumiputera, tujuh syarikat. Syarikat milik majoriti bumiputera, tujuh syarikat. Syarikat milik majoriti bukan bumiputera, lapan syarikat dan syarikat milik 100% bukan bumiputera, 12 syarikat. Jumlah peruntukan geran CRDF di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan adalah sebanyak RM105 juta dan daripada jumlah ini sebanyak RM15 juta diperuntukkan bagi tahun 2006. Jumlah sekarang ini terbuka kepada semua IKS tanpa mengira golongan etnik.

Seterusnya untuk memastikan kesahihan permohonan, setiap pemohon yang diterima akan diproses dan dibuat penilaian mengikut *Standard Operating Procedure* atau SOP yang telah ditetapkan. Secara ringkasnya berikut adalah prosedur yang diguna pakai oleh MTDC. Pertama, setiap permohonan mestilah disertakan dengan dokumen sokongan seperti berikut:

- (i) dokumen pendaftaran syarikat bagi membuktikan bahawa syarikat telah pun berdaftar dengan ROC;
- (ii) salinan perjanjian pengkomersilan R&D ataupun pemindahan teknologi, draf atau yang telah ditandatangani daripada pihak pembekal teknologi sama ada daripada universiti ataupun daripada institusi penyelidikan tempatan;
- (iii) lawatan ke premis syarikat akan dijalankan untuk memastikan kesahihan maklumat yang dikemukakan di dalam permohonan tersebut; dan
- (iv) pemohon dikehendaki membentangkan permohonan dan cadangan projek kepada Jawatankuasa Teknikal di mana syarikat akan menerangkan secara terperinci terhadap rakan syarikat serta projek pengkomersilan yang dicadangkan.

Terima kasih.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya pada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, dalam pelaksanaan dan pengkomersilan R&D ini, iaitu CRDF, kita perlu melihat dasar pelaksanaan pemantauan dan pengkomersilan. Apa yang saya dapati, makluman daripada semua maklum balas ini, masalah dalam pemprosesan empat peringkat tadi adalah:

- (i) terlalu lama, sehingga teknologi yang hendak dikomersialkan atau satu penemuan baru sudah menjadi *outdated* dengan izin dan benda itu tidak *viable* lagi oleh sebab terlalu lama. Ini disebabkan oleh sebab tidak ada kekurangan sumber manusia di peringkat kementerian; dan
- (ii) oleh sebab proses pemantauan dan pengkomersilan tidak mengikut lunas UTPIST....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat soalan. Soalan.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:*Prototype* iaitu berkaitan dengan teknologi *scalling, index technology market evaluation* dengan izin, *funding for necessary market related R&D, IP protection technology marketing*.

Soalan saya adalah, walaupun kerajaan akan memberi duit yang begitu banyak sekali dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, saya rasa mungkin bila sampai ke peringkat pengkomersilan, benda itu tidak *viable* lagi. Apakah langkah-langkah kerajaan untuk memastikan bahawa kita betul-betul kompetitif dari perspektif R&D. Bolehkah pensyarah-pensyarah dan kakitangan universiti seperti di Howard University, MIT (Massachusetts Institute of Technology) diberi peluang untuk keluar, terlibat sebagai CEO dalam syarikat selama tiga tahun dan kembali berkhidmat seperti yang dibuat oleh model ini. Minta penjelasan.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kaedah birokrasi yang tebal di dalam pengeluaran ataupun pengagihan daripada program CRDF ini telah kita ambil satu pendekatan yang baru. Itu sebab dalam Rancangan Malaysia Kesembilan MTDC diletak di bawah kementerian yang lain di bawah MITI sebelum ini telah diletakkan di bawah MOSTI. Geran penyelidikan diletakkan di bawah Kementerian Sains, jadi ada *delay* di antara dua geran apabila pemohon ingin melaksanakan selepas *prototype* selesai di bawah R&D ingin mendapat geran pengkomersilan MTDC di bawah MITI. Itu sebab di dalam Kabinet baru tahun 2004, MTDC sekarang telah diletakkan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Jadi kita sudah menjadi *One Stop Agency* ataupun *One Stop Center* di mana penyelidikan dipohon di bawah MOSTI dan *commercialization* pun akan terus boleh dipohon di bawah MOSTI. Untuk maklumat Yang Berhormat, sebenarnya semua penerima geran adalah kita pantau iaitu dibuat perjanjian dengan MTDC. Antara isi kandungan perjanjian adalah seperti berikut "*Syarikat adalah dikehendaki menyediakan Laporan Suku Tahunan bagi projek yang diluluskan dan mengemukakan laporan kepada MTDC.*"

Laporan ini akan diteliti oleh MTDC dan kemudiannya dibentangkan kepada Jawatankuasa Teknikal dan kelulusan untuk pembayaran dibuat seterusnya. Pembayaran hanya dibuat setelah syarikat mengemukakan dokumen bagi membuktikan bahawa syarikat mempunyai kemampuan kewangan dan juga syarikat berjaya mencapai *milestone* seperti yang telah dinyatakan di dalam perjanjian.

Jadi di dalam sistem pengagihan yang baru, kita mempunyai Jawatankuasa Teknikal untuk menentukan bahawa semua permohonan akan diproses dengan cepat dan bagi projek-projek yang *viable* akan kita berikan kelulusan yang segera, secepat mungkin yang boleh. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua,...

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Satu lagi soalan belum dijawab lagi Tuan Yang di-Pertua, mengenai model Universiti Howard itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sebenarnya Yang Berhormat dibenarkan satu soalan tambahan sahaja. Ini terpulang kepada kerajaan....

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tidak, ini berkaitan Tuan Yang di-Pertua.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Ok, saya boleh jawab soalan yang kedua, tiada masalah. Sebenarnya kalau kita tengok semua institut penyelidikan dan IPTA sekarang telah dibenarkan oleh Kementerian Kewangan untuk menubuhkan syarikat subsidiari. Jadi dengan penubuhan syarikat subsidiari ini mana-mana *researcher* boleh menjadi CEO untuk membangunkan '*spin-off*' daripada hasil-hasil penyelidikan, tanpa masalah. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya peranan MIMOS bersama dengan pihak kementerian. Saya difahamkan MIMOS telah diperuntukkan berbilion ringgit untuk membuat kajian penyelidikan. Saya ingin tahu, apakah benda-benda yang telah ataupun perkara-perkara yang telah di *commercialize* kan oleh pihak MIMOS dan setakat manakah MIMOS mampu untuk juga melibatkan diri dalam penyelidikan dan pengkomersilkan teknologi ini.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, soalan berikutan bersama dengan MIMOS tadi ialah berkenaan dengan iaitu adakah pihak kementerian mesti berkongsi atau menggunakan MIMOS untuk berusaha sama dengan syarikat-syarikat yang telah mengemukakan penyelidikan atau pun mengemukakan permohonan geran penyelidikan. Apakah kita mesti berusaha sama dengan MIMOS ataupun kementerian akan menetapkan sama ada syarikat-syarikat tertentu akan berusaha sama ataupun syarikat-syarikat milik kerajaan akan berusaha sama dengan orang-orang yang telah mengemukakan penyelidikan ataupun permohonan geran penyelidikan. Kita kena lihat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, tambah sedikit saja, satu ayat, boleh Tuan Yang di-Pertua? Saya difahamkan bahawa di peringkat *prototype* ini pun pihak kementerian memerlukan supaya syarikat-syarikat memohon itu berusaha sama dengan MIMOS ataupun dengan lain-lain, bukan di peringkat *commercialization*. Jadi apakah, di manakah kelonggaran, di manakah cara pembentukan keperluan ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sudah dua, tiga ayatlah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih, saya akur Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Sebenarnya MIMOS pada mula-mula ditubuhkan adalah merupakan satu agensi badan separa kerajaan sebagai peneraju dalam di penyelidikan dalam bidang mikro elektronik. Jadi oleh sebab sebagai peneraju sebagai *leader* jadi kepakaran berada di situ, jadi banyak penyelidikan-penyelidikan yang dibuat oleh agensi-agensi kerajaan ataupun bukan kerajaan seperti daripada IPTA dan sebagainya boleh mendapatkan kepakaran MIMOS untuk diguna sama.

Tetapi pada masa sekarang MIMOS telah dikenal pasti sebagai sebuah pusat penyelidikan sepenuhnya dan penekanan dalam penyelidikan MIMOS adalah berkaitan *hardware* iaitu dalam bidang mikro elektronik. Itu sebab kita lihat sekarang ini MIMOS telah mengeluarkan komputer yang kebanyakan komputer ini digunakan oleh semua agensi kerajaan dan sebagainya. Baru-baru ini kita telah menghantar 200 komputer ke negara Quba iaitu komputer daripada had penghasilan daripada MIMOS itu sendiri. Seperti yang saya nyatakan berkongsi kepakaran memang adalah satu strategik *alliances* yang patut dilaksanakan.

Bagi penyelidik-penyelidik oleh sebab MIMOS mempunyai kepakaran yang agak banyak jadi kita cadangkan, tidak semestinya mereka mesti bersama tetapi kita mencadangkan kepakaran luar untuk guna sama kepakaran yang ada di MIMOS tetapi tidak semestinya wajib. Terima kasih.

[Soalan No. 5 - Y.B Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) tidak hadir]

[Soalan No. 6 - Y.B Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) tidak hadir]

[Soalan No. 7 - Y.B Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) tidak hadir]

8. **Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan terhadap pemaju-pemaju yang curang yang telah menyebabkan projek-projek terbengkalai dan kerugian kepada pembeli-pembeli rumah dalam negara kita.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, di antara tindakan yang diambil oleh pihak kementerian terhadap pemaju-pemaju perumahan yang terlibat di dalam projek-projek terbengkalai adalah seperti berikut:-

- (a) Kementerian akan menyenaraihitamkan syarikat pemaju yang bermasalah:
 - (i) untuk permohonan lesen baru;
 - (ii) untuk memperbaharui permit iklan dan jualan bagi memastikan kemungkinan pembeli-pembeli baru tidak menghadapi masalah yang sama; dan
- (b) Pada masa ini pemaju-pemaju yang gagal untuk menyiapkan projek-projek yang telah mereka jual kepada pembeli-pembeli dan membayar ganti rugi lewat, serah milik kosong, akan disenaraihitamkan.

Syarikat-syarikat tersebut dan juga pengarah-pengarah yang terlibat di dalam syarikat berkenaan tidak akan dibenarkan membuat permohonan lesen pemajuan yang baru. Sekiranya pemaju lewat menyerahkan rumah kepada pembeli, hak tuntutan ganti rugi boleh dibuat terhadap pemaju mengikut Peraturan Pemajuan Perumahan Kawalan dan Pelesenan 1989. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, saya ingin tahu setakat manakah dan berapa banyak pemaju selama ini yang telah pun disenaraihitamkan. Saya faham daripada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat tadi bahawa nama syarikat dan juga nama pengarah akan turut disenaraihitamkan. Jadi soalan saya, saya ingin bertanya sama ada selain daripada itu nama pemegang-pemegang saham juga sama ada mereka juga akan turut disenaraihitamkan, jika tidak mengapa? Terima kasih.

Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai maklumat tentang bilangan syarikat-syarikat yang telah disenaraihitamkan tetapi senarai-senarai ada di dalam *website* kementerian kita yang boleh diperolehi dan untuk masa sekarang cuma syarikat dan pengarah-pengarah sahaja disenaraihitamkan dan pemegang saham di dalam syarikat-syarikat ini tidak disenaraihitamkan, tidak tahu berapa orang yang pemegang saham.

Kadang-kadang ada ratusan-ratus orang, kita tidak boleh menyenaraihitamkan kesemuanya dan ada isu legal di dalamnya di mana di dalam proses menyenaraihitamkan ini cuma maklumat ini dibuat di dalam *website* kementerian, tidak dihebahkan di dalam surat khabar dan sebagainya kerana selain daripada keadaan di mana tindakan mahkamah telah diambil dan mahkamah telah membuat satu keputusan, selepas itu ini sudah jadi satu maklumat yang boleh diseragamkan kepada *public* dan pada masa itu keadaan ini boleh dihebahkan kepada media massa.

Tetapi di dalam proses pentadbiran di kementerian, semasa proses menyenaraihitamkan ini dibuat, maklumat ini boleh didapati daripada *website* kementerian sahaja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Soalan saya ialah sudah beberapa kali saya bangkitkan di sini tetapi saya harap Yang Berhormat SUP dengar baik-baik ya, saya hendak cadang ini. Mengenai tribunal tuntutan yang telah ditubuhkan di bawah kementerian, *okay* cantik usul-usul dia, semua *okay*. Tetapi setakat ini, kes selesai pun *okay*, tetapi sedar kah Yang Berhormat orang yang pergi menuntut selepas tribunal kata *okay*, ini telah selesai di bawah Akta S&P bagi 10% tetapi sedarkah Yang Berhormat ramai mereka tidak dapat tuntutan daripada pemaju dan ini merupakan satu masalah yang serius khususnya di kawasan-kawasan seperti di kawasan saya di Puchong. Talam Corporation, bagi saya dengan izin, *is a main corporate*.

Saya hendak tahu bagaimana atau cara mana yang lebih efektif daripada kementerian untuk mengurangkan masalah ini kerana ini adalah dari *life saving* mereka untuk membeli satu rumah idaman mereka dalam keluarga yang masih muda. Tetapi masalahnya mereka masih membayar kepada bank dan pada masa yang sama mereka tidak dapat tuntutan itu walaupun kementerian sudah meluluskan. Saya hendak tahu apakah tindakan yang berkesan sekali. Saya harap inilah kali terakhir saya hendak cakap mengenai isu ini. Bolehkah Yang Berhormat bagi sedikit pandangan mengenai isu ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Yang Berhormat bagi Puchong. Soalan yang dibangkit tentang ingkar mematuhi keputusan tribunal. Di dalam akta kalau seseorang pemaju tidak mengikut keputusan yang telah dibuat oleh pihak tribunal, kementerian mempunyai hak untuk membawa pemaju itu ke mahkamah dan di mahkamah kita akan mendapat satu keputusan di mana mereka boleh didenda dan dipenjarakan dan di samping itu, dengan keputusan mahkamah juga, pemaju diwajibkan membayar bayaran tambahan sebanyak 10% daripada kosnya untuk satu tahun yang dikira pada tiap-tiap hari mulai dia ingkar membuat bayaran tribunal dan perkara ini telah ada di dalam akta.

Sekiranya ada pembeli yang telah mendapat keputusan daripada tribunal dan menghadapi situasi ini di mana pemaju ingkar untuk mematuhi itu, mereka boleh buat laporan kepada kita dan kita boleh membawa pemaju itu ke mahkamah mengikut apa yang telah ditetapkan dalam akta.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Mengikut apa yang diberitahu banyak laporan sudah dibuat. Boleh saya tahu berapa tindakan mahkamah telah dibuat terhadap pemaju ini, boleh saya tahu? Banyak laporan sudah dibuat Yang Berhormat SUP, boleh saya tahu berapa pemaju telah diheret ke mahkamah kerana mengingkari keputusan tribunal? Boleh saya tahu?

Dr. S. Subramaniam: Maklumat tentang bilangan pemaju yang telah dibawa ke mahkamah itu saya akan beri kepada Yang Berhormat bagi Puchong. Memang ini ialah satu tindakan yang kita buat secara berterusan. Terima kasih.

[Soalan No. 9 - Y.B Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) tidak hadir]

10. **Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]** minta Menteri Pelajaran menyatakan senarai nama sekolah rendah dan menengah (termasuk jumlah kos dan tahun pembinaan) yang akan dibina dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) di kawasan Parlimen Kuala Selangor.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa berusaha menyediakan kemudahan pendidikan yang sempurna dan mencukupi mengikut keperluan dan keutamaan sesuatu kawasan.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, bagi kawasan Parlimen Kuala Selangor, Kementerian Pelajaran telah merancang pembinaan bangunan sekolah baru, tambahan, gantian dan ubahsuai naik taraf yang meliputi 45 projek bagi sekolah rendah dan sekolah menengah dengan kos sebanyak RM86.96 juta. Terima kasih.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Bagi pihak rakyat dan pengundi di kawasan Kuala Selangor, saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan, khususnya Kementerian Pelajaran yang peka dan berhasrat membina sekolah baru dan juga bangunan tambahan. Saya berharap kementerian dapat membekalkan senarai yang berkenaan.

Soalan tambahan, apakah dasar kementerian bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil yang menghadapi masalah kurang murid? Adakah dasar *relocation*, dengan izin, dilaksanakan kerana terdapat Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Kuala Selangor, guru lebih ramai daripada murid dan juga sekolah Tamil yang terlalu berdekatan. Adakah

cadangan Kementerian untuk pembinaan sekolah baru melalui konsep penyatuan sekolah berkenaan? Terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, saya akan cuba memberi senarai 45 projek yang saya sebutkan tadi yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Selangor. Dari segi sekolah kurang murid, tidak kiralah sama ada sekolah itu sekolah kebangsaan ke, sekolah jenis kebangsaan sama ada Tamil atau Cina, setakat ini Kementerian tidak ada mana-mana cadangan ataupun dasar untuk menutup ataupun mencantumkan sekolah. Sekiranya sebelum tindakan seperti itu diambil, Kementerian akan mengadakan perbincangan dengan semua pihak yang terlibat termasuk juga pemimpin-pemimpin masyarakat dan juga masyarakat setempat sama ada mereka ini sanggup bertukar lokasi ataupun *relocation*, dengan izin.

Setakat ini kita hanya ada dua sekolah pusat ataupun sekolah cantuman. Satu di Sekolah Bumbun, sebuah sekolah di Sarawak dan sebuah lagi di Sabah. Sebelum Kementerian mengambil keputusan sama ada untuk menukar lokasi, menutup ataupun mencantumkan, kami akan juga mengambil kira sama ada lain-lain sekolah di kawasan yang berdekatan atau tidak. Sekian, terima kasih.

11. **Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan potensi yang ada pada negara sebagai pencipta, pereka dan pengeluar produk perubatan berasaskan herba seperti tongkat ali, kacip fatimah dan sebagainya untuk menembusi pasaran antarabangsa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Pontian. Malaysia adalah merupakan sebuah negara mega diversiti yang mempunyai potensi kepada industri herba untuk mencatatkan jumlah tahunan lebih daripada RM4.5 bilion dan dijangka berganda menjelang tahun 2010. Seperti mana kajian yang telah dilakukan oleh Kumpulan Industri Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MiGHT). Keupayaan ini boleh dicapai kerana Malaysia memiliki hutan hujan yang tertua di dunia yang mempunyai kepelbagaian bio yang berpotensi besar bagi perubatan ataupun nilai herba.

Sudah menjadi lumrah bagi sesebuah negara untuk meneroka sumber yang kaya ini melalui penyelidikan bioteknologi dan pembangunan. Selain daripada itu hasrat ini boleh dicapai melalui mengurangkan penggantungan produk herba dan perubatan yang diimport tetapi turut mewujudkan produk baru dan pasaran untuk meneroka industri yang lumayan di peringkat nasional dan antarabangsa. Selain daripada itu dasar bioteknologi negara juga memberi fokus kepada kemajuan khusus produk bio farmaseutikal dan bio perubatan yang relevan kepada pembangunan masa depan industri herba negara.

Tuan Yang di-Pertua, dua produk tempatan yang sedang dikaji di peringkat pesakit sekarang ialah dukung anak untuk merawat penyakit hepatitis dan Kacip Fatimah untuk merawat ketidakseimbangan hormon yang timbul semasa putus haid. Kementerian juga menggiatkan usaha mendapatkan lebih banyak lagi produk herba moden untuk memasuki pasaran antarabangsa.

Di antara langkah yang dilaksanakan adalah untuk mendapatkan amalan makmal terbaik, *good laboratory practice* ataupun GLP, dengan izin, dari negara *Organization of Economic Corporation and Development* (OECD). Amalan ini sangat penting dimulakan di Malaysia supaya setiap produk herba moden yang diuji mengikut GLP yang dibangunkan oleh OECD bagi menilai aspek keselamatan produk dapat benar-benar menjamin bahawa produk-produk tempatan adalah selamat untuk digunakan mengikut piawaian antarabangsa. Terima kasih.

Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Kita pun memang sedia maklum tentang kepelbagaian biodiversiti kita ini mengenai sumber herba di negara kita. Tetapi Yang Berhormat juga tentu boleh bersetuju bahawa walaupun kita mendapat penemuan terhadap sesuatu yang istimewa yang ada dalam negara kita, tetapi kebanyakan daripada industri hasil daripada kekuatan yang ada dalam negara kita ini, contoh

kepelbagaian bio tadi itu kita hanya mampu setakat orang kata dalam bentuk pembangunan industri *cottage* sahaja ataupun industri kecil-kecilan sahaja.

Tetapi kita menggambarkan seolah-olah potensinya cukup hebat, boleh menembusi pasaran antarabangsa. Maka saya tidak nafikan akan penyelidikan, kemampuan negara kita menemui pelbagai hasil daripada sumber yang ada dalam negara kita. Tetapi Yang Berhormat, saya ingin bertanya sama ada kementerian ada memikirkan untuk membantu menaikkan potensi yang ada ini untuk melalui promosi-promosi yang menyeluruh kerana ini menelan belanja yang begitu besar untuk mempromosi.

Saya percaya ginseng sebagai contoh, bukan suatu ramuan yang diterima semula jadi. Tentu melalui proses promosi yang hebat dan perbelanjaan yang besar yang tidak dapat ditanggung oleh industri kecil. Jadi di mana pendirian kerajaan dalam usaha untuk mempromosikan supaya pengusaha-pengusaha negara kita mendapat manfaat yang sepenuhnya daripada potensi yang ada.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pontian. Sebenarnya pihak kerajaan telah membuat pelbagai rancangan ataupun *strategic plan* untuk membangunkan industri bioteknologi. Itu sebab pada masa sekarang, pada mulanya kita menubuhkan tiga institut untuk melaksanakan ujian, makmal *testing* dan sebagainya dalam bidang bioteknologi iaitu pertama Institut Agro Bioteknologi yang diletakkan di UPM dan MARDI yang lebih kepada bioteknologi yang berasaskan pertanian.

Kedua, Institut Genom Kebangsaan yang berada di UKM. Ini adalah untuk melihat berkaitan dengan genom dan juga *genetic engineering* dan sebagainya dan kita juga telah menubuhkan Institut Farmaseutikal dan Nutrasetikal yang diletakkan di USM.

Jadi ketiga-tiga makmal ini adalah merupakan makmal asas supaya mana-mana produk bioteknologi yang hendak dikomersialkan boleh dilaksanakan pada peringkat *testing* di ketiga-tiga makmal ini. Dan juga kita telah pun membangunkan satu *pilot plant* yang menggunakan sistem GMP iaitu *good manufacturing practice* yang diadakan di bawah Inno Biologi Sdn. Bhd. yang mana ini adalah merupakan *pilot plant* yang boleh digunakan pelbagai produk untuk membuat *test* dalam *test* makmal dan sebagainya.

Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Tuan Yang di-Pertua, saya bertanya mengenai promosi. Minta maaf, Yang Berhormat. Promosi tadi, mungkin macam mana kita hendak *promote* supaya George Bush pun makan Tongkat Ali, Tuan Yang di-Pertua.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Promosi ini sebenarnya pada anggapan saya belum berapa begitu kita ketengahkan oleh kerana kita mesti menyediakan asas R&D dahulu dalam bidang bioteknologi ini sendiri sebab jikalau kita tidak mempunyai asas atau makmal asas yang kukuh, kita membuat promosi pun kita tidak boleh menghasilkan produk. Jadi kita mesti menghasilkan produk terlebih dahulu dengan menyediakan kemudahan-kemudahan makmal dan sebagainya dan produk itu *will become commercially viable* apabila telah diuji di makmal dan sebagainya. Terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat dasar kerajaan bagi membangunkan bio-teknologi ini tidak menyeluruh. Ini kerana yang pertama kita mesti melihat kepada penghasilan produk-produk herba.

Yang kedua adalah penghasilan ubat-ubatan bio-farma iaitu ke peringkat yang lebih tinggi lagi. Penyelidikan dan kajian-kajian memang sudah lama dijalankan tentang produk-produk herba tetapi semuanya ini tidak diselaraskan oleh kementerian. Umpamanya selepas *screening* sesuatu bahan, kita mungkin sudah tahu kegunaan bahan ini sebagai produk herba ataupun perubatan herba.

Tetapi ujian mesti juga dijalankan sehinggalah kompaun-kompaun kimia itu dikenal pasti ataupun *chemical structure* dikenal pasti, untuk kompaun-kompaun ini yang amat muharab untuk sesuatu penyakit. Ini akan menghasilkan bio-farma nanti kerana kita kena buat *clinical trial*. Soalan saya ialah bagaimanakah kerajaan menyelaraskan aktiviti-aktiviti ini agar ianya semua berfokus kepada pertama pengeluaran ubatan herba dan yang kedua pengeluaran bio-farma. Itu soalan dia, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Yang Berhormat bagi Mambong itu sebab seperti yang saya nyatakan tadi pada dasarnya kita perlu memfokuskan semua hasil-hasil penyelidikan kita dan kita dapat memfokuskan ini dengan mengadakan *clinical trial* yang mana tiga makmal utama ini telah kita bangunkan dan bersama juga dengan satu *pilot plant* oleh Inno Biologics Sdn Bhd.

Jadi, sebahagian daripada produk-produk herba ini sebenarnya telah berada di *market*. Ini adalah dilaksanakan oleh *private sector*, yang mana kerajaan tidak mempunyai sebarang hasil ataupun kaitan di dalam produk-produk ini. Tetapi pada masa akan datang semua produk-produk terutama yang berkaitan untuk kesihatan dan sebagainya perlulah di buat *clinical test* melalui pihak kementerian dan sebagainya. Daripada sinilah kita boleh menyelaraskan mana produk yang selamat untuk digunakan dan mana produk yang tidak boleh digunakan dan sebagainya terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat oleh kerana ada tetamu, jadi dengan ini saya bagi pihak Parlimen mengalu-alukan kedatangan delegasi Horn. Madam Tran Thi Tam Dan dan delegasi dari National Assembly of Vietnam ke Malaysia. Sekarang saya jemput Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa untuk mengemukakan soalnya.

12. **Dato' Haji Abdul Halim Bin Abdul Rahman [Pengkalan Chepa]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan apakah program kementerian untuk memperkukuhkan sistem keluarga yang dapat mengelak timbulnya secara berleluasa gejala sosial di kalangan kanak-kanak dan remaja.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua institusi kekeluargaan merupakan satu benteng yang perlu diperkukuh oleh semua pihak sebagai usaha mencegah gejala sosial terutama di kalangan kanak-kanak dan remaja.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara iaitu LPPKN telah merancang dan memulakan beberapa program sebagai langkah pencegahan untuk mengelak gejala sosial di kalangan kanak-kanak dan remaja dari berleluasa. Di antaranya sebagai sokongan kepada usaha-usaha menangani gejala sosial remaja, LPPKN telah menubuhkan dua buah pusat remaja yang telah diberi nama kafe@TEEN di Kuala Lumpur dan Butterworth. Melalui kafe@TEEN ini remaja berusia 13 ke 24 tahun boleh mendapat pengetahuan, perkhidmatan dan membangunkan kemahiran diri di samping mengisi masa lapang dengan berfaedah. Pakar perubatan, kaunselor dan rakan sebaya mengendalikan khidmat nasihat mengenai kesihatan remaja, pengurusan kesihatan mental remaja dan pembangunan kemahiran diri.

Dalam usaha bagi meningkatkan daya tahan para remaja kementerian menerusi Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga iaitu MPWKN juga menganjurkan program-program seperti *Smart Solat* untuk remaja Islam. Program yang merangkumi sesi praktikal keagamaan dan penerapan nilai-nilai murni ini bertujuan untuk membentuk karakter remaja yang berakhlak mulia melalui solat yang sempurna. Di samping itu, kementerian turut menyediakan perkhidmatan kaunseling kepada remaja yang menghadapi masalah. Seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum peranan dan tanggungjawab setiap ibu bapa sendiri amat penting bagi mengelak para remaja terjebak dalam kegiatan-kegiatan yang tidak sihat.

Oleh itu, satu program pendidikan keibubapaan bagi ibu bapa bekerja akan dijalankan oleh LPPKN iaitu *parenting @ work*. Program ini bertujuan membantu ibu bapa mengimbangi kehidupan berkeluarga dan kerjaya. Buat permulaan, program ini akan dijalankan di kementerian-kementerian dan agensi kerajaan sebelum diperluaskan kepada pihak swasta. Dalam pada masa yang sama, pendidikan keibubapaan yang dijalankan oleh LPPKN menerusi modul-modul yang sedia ada di bawah pakej kasih akan diteruskan dalam bentuk ceramah, kursus dan sebagainya supaya ibu bapa lebih mahir dalam mengasuh dan mendidik anak-anak.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Soalan tambahan, saya percaya kementerian Yang Berhormat tidak mampu untuk mengatasi ini secara bersendirian. Apakah pelan strategi untuk mengatasi bersama dengan menubuhkan sebuah jawatankuasa di antara kementerian Yang Berhormat dengan Kementerian Pelajaran dan Kementerian Belia dan Sukan, dan apakah cadangan-cadangan untuk mempertahankan memperkenalkan nilai-nilai murni untuk dijadikan satu mata pelajaran di sekolah-sekolah prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah sama ada swasta ataupun kerajaan di buat?

Datin Paduka Chew Mei Fun: Cadangan yang diutarakan oleh Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa ini adalah cadangan yang baik, namun begitu setakat ini memang Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan seperti jawatankuasa untuk mengkaji pendidikan seks pun kita terlibat dan kita bekerjasama dengan PIBG sekolah telah menganjurkan banyak program untuk remaja kita. Terima kasih.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kita juga memperjuangkan wanita juga Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Tuan Yang di-Pertua, saya bila bangun sahaja Yang Berhormat bagi Batu Gajah dan Bukit Mertajam mesti kacau Tuan Yang di-Pertua. Ini kali pertama saya bangun selepas cuti ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mungkin dia hendak membantu Yang Berhormat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Soalan saya Tuan Yang di-Pertua mudah sahaja. Kita memang amat bersetuju dengan apa yang telah diunjurkan oleh pihak kementerian apabila menubuhkan pelbagai pusat dan pendekatan bagi mengelakkan gejala sosial ini daripada melanda para remaja kita sebagai contoh pusat remaja yang ditubuhkan oleh LPKKN tadi di Butterworth dan Kuala Lumpur. Tindakan yang baik dan kita harapkan ia dapat menepati kehendak dan keperluan remaja masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pihak kementerian ini adakah ianya berasaskan daripada data-data ataupun maklumat-maklumat ataupun *information* dan daripada jabatan-jabatan di peringkat kerajaan tempatan ataupun tidak.

Soalannya mudah, saya tanyakan ini kerana apakah asasnya hari ini kalau kita kata satu keluarga perlu membentuk keluarga yang sihat. Ini kerana kalau semua keluarga tidak mempunyai anak-anak yang terlibat dengan gejala sosial anak-anak kita akan bebas daripada masalah sosial. Sekarang ini adakah pihak kementerian menggunakan maklumat-maklumat yang terdapat di kerajaan tempatan. Di majlis-majlis bandar raya, di majlis-majlis perbandaran yang mempunyai maklumat lengkap tentang keluarga tersebut keluarga mana yang ada masalah dan sebagainya saya hendak tanya kementerian. Terima kasih

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih Yang Berhormat. Bukan sahaja kita gunakan maklumat-maklumat atau data-data dan statistik-statistik yang dikumpulkan oleh kementerian-kementerian yang lain termasuk juga Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan dan sebelum kita melancarkan Program kafe@TEEN atau program-program yang lain, kita juga telah mengadakan satu *survey* atau satu *research* yang mana kita telah dapat menjalankan soal selidik dengan remaja-remaja kita. Apakah keperluan mereka dan selain daripada itu, kementerian kita ambil satu *approach* yang mana kita selalu berbincang dan selalu ada mesyuarat *consultative* dengan NGO-NGO yang terlibat dalam bidang ini. Sekian, terima kasih.

13. **Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan berapa banyakkah peruntukan diberi kepada kerajaan negeri pada tiap-tiap tahun untuk memperbaiki Jalan-jalan Persekutuan di negeri Sabah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah peruntukan yang diberikan kepada Kerajaan Negeri Sabah pada setiap tahun untuk memperbaiki Jalan-jalan

Persekutuan adalah sebanyak RM65.75 juta. Peruntukan ini dibahagikan kepada dua iaitu penyelenggaraan melalui penswastaan dan penyelenggaraan secara jabatan. Melalui penswastaan jumlah peruntukan adalah sebanyak RM60.5 juta manakala, melalui jabatan, adalah sebanyak RM5.25 juta. Peruntukan jabatan digunakan untuk membina papan tanda baru, membaiki persimpangan jalan lampu jalan dan lampu persimpangan.

Peruntukan penswastaan diberi berdasarkan kepada kadar harga bagi penyelenggaraan rutin serta jadual. Kadar harga bagi penyelenggaraan berkala dan kecemasan yang terkandung di dalam dokumen perjanjian antara kerajaan dan syarikat konsesi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar harga penyelenggaraan rutin pada tahun 2006, bagi zon Pantai Timur Sabah adalah sebanyak RM2,216 sekilometer sebulan, manakala bagi zon Pantai Barat adalah sebanyak RM2,420 sekilometer sebulan. Sekian, terima kasih.

Tuan Eric Enchin Majimbin [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Kita tahu memang peruntukan itu agak besar yang diperuntukkan untuk Jalan-jalan Persekutuan di Sabah. Tetapi, apa yang sedih kita lihat ialah pemantauan itu tidak begitu kena kepada tempatnya. Contohnya di mana kita tahu banyak kawasan terutama sekali kawasan di yang mempunyai bukit-bukau dan gunung-ganang di mana sering kali kita dapat lihat banyak keruntuhan dalam pembinaan jalan. So, apakah langkah-langkah kerajaan untuk memperbaiki supaya keruntuhan ini tidak berlaku lagi?

Dato' Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, memang kita ada pemantauan untuk semua kerja, tetapi saya hendak tahu di mana jalan ini kalau Yang Berhormat tadi kata, kerana kita tahu jalan-jalan di negara kita ada dibahagikan kepada Jalan Persekutuan, jalan negeri dan juga bagi pihak berkuasa tempatan. Bagi itu, kita ada sini yang saya jawab, semuanya adalah Jalan Persekutuan sahaja di mana dibahagikan kepada dua zon, zon barat dan zon timur. Saya hendak bagi sedikit maklumat, di zon Pantai Timur adalah meliputi kawasan Sandakan, Telupid, Lahad Datu, Kunak, Beluran dan Tawau. Manakala di Pantai Barat pula, Kota Kinabalu, Tenom, Sipitang, Beaufort, Keningau dan Kota Belud dan serta juga Kudat, sekian terima kasih.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masalah Sabah Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Bukan-bukan, ini papan tanda. Dia sebut papan tanda tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya tentang dasar kementerian berhubung dengan pembuatan papan tanda, kerana terakhir ini kita tahu, harga besi naik dan banyak papan tanda di Jalan-jalan Persekutuan dan juga negeri yang kecurian sehingga kadang-kadang kita hendak sampai satu kawasan terpaksa turun dan tanya di setiap simpang. Jadi, apakah dasar kementerian untuk mengubah daripada menggunakan besi sebagai untuk buat papan tanda kepada bahan-bahan lain supaya kejadian kecurian ini tidak berlaku dengan berleluasa terima kasih.

Dato' Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, ini cadangan yang baik. Kita tahu sering berlakunya papan tanda yang dibuat daripada besi atau keluli dia hendak curi dan harganya sudah tinggi. Kalau di mana ada orang hendak beli kilang-kilang hendak beli mesti ada orang hendak curi, saya harap juga, pihak kilang-kilang jangan beli barang ini dan orang tidak curi lagi, sekian terima kasih.

14. **Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan apakah rasional bagi cadangan memperkenalkan sistem pendidikan awal yang melibatkan kanak-kanak berusia dua setengah tahun dan sejauh manakah keberkesanan sistem ini dapat menyediakan kemampuan psikologi dan emosi anak-anak untuk menjadi pelajar yang berwibawa dan berkebolehan ketika memasuki sekolah rendah dan seterusnya menengah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian

Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memberi tumpuan kepada bidang pengasuhan dan perkembangan awal kanak-kanak yang melibatkan kanak-kanak yang berumur sehari hingga ke empat tahun. Peringkat awal perkembangan kanak-kanak adalah tempoh formatif yang kritikal bagi pembangunan seseorang individu. Pengasuhan dan perkembangan kanak-kanak di peringkat awal adalah sangat penting dalam memastikan kanak-kanak mendapat pengasuhan yang sesuai dengan perkembangan masing-masing dari segi fizikal, bahasa, sosioemosi, rohani dan kognitif iaitu perkembangan secara holistik dan optimum bagi melahirkan individu yang bersahsiah, berpotensi dan memiliki nilai-nilai murni. Berdasarkan penerangan di atas, pendidikan awal kanak-kanak bukan semata-mata bermaksud untuk memberikan pendidikan formal kepada kanak-kanak berumur dua setengah tahun supaya mereka berupaya membaca buku pada usia yang muda.

Pendidikan awal kanak-kanak sebenarnya bermula dari saat seseorang bayi itu lahir bagi merangsang pertumbuhan dan perkembangan awal kanak-kanak yang seimbang dan optimum. Ini dapat melahirkan individu yang sihat, cergas, cerdas, berdaya fikir dan mempunyai nilai keperibadian yang murni. Menyedari hakikat bahawa keperluan pengasuhan dan perkembangan awal kanak-kanak ini, adalah penting sebelum mereka melangkah ke alam pendidikan, kementerian sedang merangka dasar pengasuhan dan perkembangan awal kanak-kanak yang menekankan kepada pengasuhan dan perkembangan holistik kanak-kanak dari lahir hingga lapan tahun serta perwujudan persekitaran dan amalan yang bersesuaian dengan perkembangan bagi merangsang pertumbuhan dan perkembangan awal kanak-kanak yang bukan hanya menyediakan mereka untuk melangkah ke alam pra-pendidikan tetapi juga kanak-kanak dibekalkan dengan nilai-nilai murni seperti jati diri, daya tahan, daya saing, toleransi, inovatif dan lain-lain. Sekian terima kasih.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih setiausaha Parlimen. Saya melihat dan bersetuju untuk pengukuhan sistem pemantauan dan juga penggredan secara persijilan semua taman asuhan kanak-kanak ini. Jadi, kalau kita melihat daripada sudut pemantauan dan juga kawalseliaan, saya kira apa yang dijawab oleh Setiausaha Parlimen satu tujuan yang murni. Cuma dari segi realiti sekarang, begitu banyak taman asuhan yang ditubuhkan. Tapi apakah usaha kita untuk mendaftar semua taman asuhan ini supaya mereka dapat dikawal selia dengan lebih baik dari segi sudut keselamatan?

Kedua, kesihatan dan juga kemampuan tenaga-tenaga pengasuh yang dilahirkan ini dapat mendidik dan mengasuh anak-anak seperti mana yang diharapkan oleh pihak kementerian. Iaitu individu tadi, yang dapat berdaya saing, berdaya tahan dan bersahsiah tinggi di samping berilmu dan juga berkemahiran tinggi. Jadi apakah sudut dari segi kawal penyeliaan ini yang sedang kita hadapi masalah pada masa ini? Begitu banyak taman asuhan kanak-kanak, tapi tidak berdaftar? Terima kasih.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh dinafikan buat setakat ini, masih ada banyak lagi taman asuhan kanak-kanak belum lagi berdaftar. Ini adalah mengapa baru-baru ini kita telah membuat satu pindaan ke atas Akta Taman Asuhan Kanak-kanak, 2006. Selepas Akta ini dilaksanakan, kita akan dapat peruntukan untuk mewujudkan atau menubuhkan satu pasukan penguatkuasaan supaya kita dapat menjalankan pemantauan dan kawal penyeliaan. Untuk maklumat Yang Berhormat, dari sudut keselamatan dan kesihatan, sebelum sesebuah taman asuhan kanak-kanak ini ditubuhkan, mereka mesti mendapat kelulusan dari PBT, iaitu pihak berkuasa tempatan dan juga jabatan kesihatan. Terima kasih.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa pendidikan peringkat awal kanak-kanak ini adalah merupakan satu perkara yang amat penting. Ia lebih penting daripada universiti. Kalau mereka tidak dididik pada peringkat awal, mereka tidak akan pergi ke universiti. Tetapi sekarang kita tidak mempunyai satu dasar, *early childhood education policy*, tidak ada.

Saya rasa adalah lebih penting kita mengadakan satu dasar dahulu. Menggubal satu dasar, *early childhood education policy*, barulah kita boleh *determine* bagaimana kita hendak laksanakan. Sekarang tidak ada dasar. Setiap tadika boleh buat apa yang mereka

suka. Jadi bilakah kementerian ini akan bersama-sama dengan Kementerian Pelajaran untuk menggubal satu dasar *early childhood education*?

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Seperti apa yang saya telah maklumkan tadi, kementerian menyedari hakikat bahawa keperluan pengasuhan dan perkembangan awal kanak-kanak ini adalah penting. Oleh itu, sekarang ini kita sedang merangka dasar pengasuhan dan perkembangan awal kanak-kanak. Oleh itu, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu telah pun diambil kira dan tindakan sedang diambil, okey? Terima kasih.

15. **Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah kementerian bercadang supaya Pentadbir Cemerlang Pendidikan tidak dinaikkan pangkat sebagai Pengetua atau Guru Besar Sekolah tetapi mereka dinaikkan pangkat sebagai Pegawai Pelajaran Daerah (PPD) atau sebagai pegawai di Jabatan Pelajaran Negeri kerana dengan cara ini mereka boleh menyebarluaskan pengalaman kejayaan mereka di kalangan rakan pentadbir sekolah serta menaikkan imej PPD dan Jabatan Pelajaran Negeri. Jika tidak mengapa, jika ya, bila akan dilaksanakan?

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan tadi. Laluan kenaikan pangkat bagi pentadbir-pentadbir di pejabat pelajaran daerah dan jabatan pelajaran negeri adalah mengikut laluan biasa berdasarkan kepada jawatan-jawatan naik pangkat. Manakala laluan kenaikan pangkat bagi pengetua cemerlang yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia, adalah khusus bagi pengetua-pengetua sekolah.

Cadangan Yang Berhormat memang satu cadangan yang baik, tetapi untuk melaksanakan mungkin Kementerian Pelajaran menghadapi beberapa masalah. Kerana pegawai pentadbir itu, bila sampai masa untuk naik pangkat dan jika jabatan itu tidak ada kekosongan. Di samping itu, terdapat kekosongan di sekolah dan juga pegawai itu memenuhi semua syarat naik pangkat dan juga ini pilihan beliau, maka Kementerian Pelajaran tidak ada halangan untuk naik pangkat supaya pegawai itu dihantar balik ke sekolah menjadi guru ataupun pengetua sekolah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sedap bunyinya Yang Berhormat Timbalan Menteri, cadangan yang baik. Tetapi nampaknya tidak boleh dilaksanakan. Kita dianjurkan untuk menganjak paradigma fikiran, berani berbeza.

Kalau ia baik, kenapa tidak sekurang-kurangnya dilakukan satu bentuk percubaan di peringkat dalaman? Kerana Tuan Yang di-Pertua, kita dapati mereka yang cemerlang ini boleh menjadi contoh dan kita menganjurkan supaya mereka ini daripada PPD, pejabat pendidikan daerah ataupun di jabatan pelajaran, bila melawat ataupun meninjau sekolah-sekolah, mereka merupakan pembimbing, pemandu. Tetapi kalau mereka sendiri tidak dianggap cemerlang, maka pastinya integriti maruah kepada mereka ini kurang dibandingkan dengan guru cemerlang. So, apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya satu bentuk percubaan, mungkin di negeri ataupun di daerah tertentu, demi kepentingan masa hadapan anak-anak kita dapat dilaksanakan dalam konteks yang lebih segera. Terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih. Memang saya setuju bahawa kalau boleh, memang itu cara boleh kita cuba. Hanya saya sebut tadi kalau tidak ada kekosongan di pejabat daerah atau di jabatan pelajaran negeri, maka bila sampai masa dia naik pangkat dan juga kekosongan di sekolah dan ini juga pilihan beliau. Maka kita tidak menghalang beliau dinaikkan pangkat di sekolah. Saya bersetuju dan saya juga menganggap kalau pegawai itu dilantik sebagai pengetua sekolah, kerja pengetua juga merupakan kerja pentadbiran. Jadi itu juga memerlukan pegawai yang mempunyai *skill* pentadbiran yang baik untuk mentadbir sesebuah sekolah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kuala Krai.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mendapat tahu bahawa kenaikan pangkat ini tidak diutamakan kepada kawasan sedangkan bila ambil di luar kawasan, menjadi satu masalah. Mereka terpaksa berulang dan sebagainya. Adakah kementerian sedar bahawa kawasan tempatan itu patut diutamakan di daerah masing-masing dahulu daripada mengambil yang di luar? Kerana ini akan memberikan prestasi yang lebih baik kepada kawasan itu sendiri. Jadi saya minta kementerian mengambil berat kerana kita dapat tahu, rata-rata bila naik pangkat, diambil daripada luar. Jadi kompelin rata-rata datang dari tempat sendiri, kenapa diambil daripada luar sedangkan di kawasan sendiri ada? Minta penjelasan daripada pihak kementerian. Ini berlaku. Terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, ini memang berlaku. Saya tidak dapat menafikan memang kenaikan pangkat mengikut gred pegawai. Kalau gred itu sampai, walaupun dia dari luar kawasan tetapi kekosongan ada di tempat lain, maka pegawai itu juga hendak pergi ke kawasan yang mempunyai kekosongan. Jadi ini memang satu amalan yang biasa. Walau bagaimanapun, kami akan sentiasa mengambil berat apa yang dicadangkan supaya kalau ada calon dari tempatan maka peluang memberikan kepada pegawai-pegawai dari tempatan supaya dapat mengisi kekosongan yang ada di kawasan itu. Terima kasih.

16. **Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah langkah dan tindakan keseimbangan yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk menyeimbangkan dasar-dasar '*affirmative action*' seperti DEB dan dasar keterbukaan ekonomi negara dalam era globalisasi supaya kepentingan dan kesejahteraan rakyat tanpa mengira kaum terjamin?

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Tuan Ahmad Shabery Cheek]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Jabatan Perdana Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, baik.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan mempunyai iltizam yang tinggi untuk meneruskan agenda pengagihan bagi memastikan penyertaan yang seimbang dan saksama di kalangan pelbagai kaum dalam negara ini. Usaha memperbetulkan ketidakseimbangan ekonomi ini melibatkan pelaksanaan beberapa langkah atau tindakan *affirmative* yang bertujuan meningkatkan lagi tahap pencapaian ekonomi dan pendidikan antara kaum terutama sekali pihak bumiputera supaya setanding dengan bukan bumiputera. Tindakan *affirmative* ini adalah dari segi beberapa aspek pengagihan yang masih belum mencapai sasarannya. Terutamanya dari segi hak milik ekuiti korporat, guna tenaga profesional dan ketidaksamaan pendapatan antara kaum.

Ini termasuklah dengan menghidupkan semula DEB dan meningkatkan lagi komitmen atau kesungguhan semua pihak dalam melaksanakan strategi-strategi asas DEB iaitu pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum dan penyusunan semula masyarakat bagi menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, atas kesedaran ini usaha untuk mengingatkan prestasi ekonomi bumiputera akan terus diberikan penekanan oleh kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dengan memperkenalkan dan melaksanakan langkah-langkah strategik yang lebih berkesan. Di samping itu, usaha ini akan dilengkapi dengan memperkukuhkan sistem dan mekanisme pemantauan bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan program-program yang bertujuan membantu mengurangkan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi. Selagi terdapat ketidakseimbangan ekonomi antara kaum, selagi itulah negara memerlukan dasar dan agenda pengagihan bagi memastikan penyertaan yang lebih seimbang dan saksama di kalangan pelbagai kaum dan yang paling penting untuk mencapai perpaduan negara.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2007
DAN
USUL
ANGGARAN PEMBANGUNAN 2007
Jawatankuasa

Aturan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2007 dan Anggaran Pembangunan 2007 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. “[*Hari Kelima*]

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

[Tuan Pengerusi (Datuk Lim Si Cheng)] *mempengerusikan Jawatankuasa*

Maksud B.21 [Jadual] –
Maksud P.21 [Anggaran Pembangunan 2007] –

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.21 dan Kepala Pembangunan P.21 di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat bagi Bagan, sila.

11.32 pagi.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk mencadangkan satu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 66(9) iaitu perbelanjaan yang dicadangkan untuk diluluskan dengan syarat dikurangkan sebanyak RM10 daripada Maksud Bekalan B.21, kod 10000 emolumen di bawah Butiran 040000 iaitu memotong gaji Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani sebanyak RM10.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: RM10 Yang Berhormat?

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Yang Berhormat-Yang Berhormat, saya mencadangkan kurangkan RM10 kerana Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani hendak mengenakan berjuta-juta ringgit atas kesengsaraan nelayan-nelayan. Saya rasa RM10 sudah kira banyak kurang.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Sangat bersimpati.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Pengerusi, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui LKIM telah melaksanakan satu dasar di mana nelayan-nelayan perlu mengisi borang e-pendaratan iaitu setiap perahu dan bot nelayan yang keluar untuk menangkap ikan apabila mereka datang balik dari laut mereka perlu mengisi borang e-pendaratan. Bot nelayan dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu ‘A’, ‘B’, ‘C’, U2, sampan dan lain-lain. Bagi kategori ‘A’ mereka perlu mengisi borang dengan dikenakan RM2 sekeping. Kategori ‘B’ telah dikenakan RM3 sekeping borang dan ‘C’, RM5 untuk sekeping borang e-pendaratan. Tidak dikecualikan juga kepada sampan-sampan. Sampan-sampan juga dikenakan RM1.

Tuan Pengerusi, pada sesi mesyuarat Julai tahun ini apabila Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani berkata kementerian beliau berhasrat melaksanakan untuk mengisi borang hasil laut. Pada masa itu saya ada membangkitkan memberitahu Yang Berhormat Menteri bahawa bukan semua bot yang keluar laut apabila mereka balik ada penuh dengan hasil laut. Kadang-kadang tidak ada apa pun, kosong. Inilah kesengsaraan mereka.

Tuan Pengerusi, dua minggu lepas, nelayan-nelayan di Kuala Sepetang iaitu di Perak mereka menjemput Ketua Pembangkang, saya dan beberapa Ahli Dewan Undangan

Negeri dari Perak untuk menyertai perbincangan mereka di mana mereka juga mengadakan satu tunjuk perasaan di satu dewan tokong Cina dan sebagai contoh di Kuala Sepetang di mana bukan sahaja Kuala Sepetang ada nelayan, tapi di seluruh Malaysia ada satu juta nelayan dan semua terlibat dengan sistem e-endaratan ini dan mungkin ia akan dilaksanakan secara berperingkat.

Tuan Pengerusi, saya ambil contoh di Kuala Sepetang di mana Kuala Sepetang ada bot jenis 'A' sebanyak 299 buah. Sekiranya sebuah dikenakan RM2 maka dalam sehari mereka perlu membayar RM598 dan dalam satu bulan 28 hari mereka perlu membayar RM16,744 dan kalau dikira dalam satu tahun maka ia perlu membayar RM200,928. Ini untuk jenis 'A' sahaja dan juga bot jenis 'B' ada 333 buah. Satu tahun mereka perlu bayar RM332,642 dan kepada 'C' iaitu bot dalam laut sebanyak 15 buah. Mereka perlu bayar RM4,500 untuk satu tahun. Jadi di Sepetang sahaja, ketiga-tiga jenis bot ini iaitu 'A','B','C' dalam satu tahun mereka perlu bayar RM538,068 untuk satu tahun. Ini satu tempat sahaja. Kalau dikiralah di seluruh negara kita termasuk Sabah dan Sarawak, termasuk Pantai Timur maka jumlah kutipan mengisi borang e-endaratan ini mungkin mencecah berjuta-juta ringgit.

Saya ingin bertanya kepada kementerian, mengapa kerajaan perlu memastikan nelayan mengisi borang-borang ini. Adakah kerajaan berpendapat kerana ini hendak membuktikan bahawa mereka pergi ke laut maka mereka boleh dapat subsidi diesel dan petrol untuk mereka menggunakan bagi perahu-perahu mereka ini. Tetapi saya ingat ada cara yang lain di mana mereka tidak perlu mengisi borang e-endaratan bagi membuktikan mereka ada pergi ke laut. Tuan Pengerusi, ada juga mengatakan RM1 ini dikutip untuk perbelanjaan pegawai-pegawai LKIM. Tak akan kerajaan miskin sampai hendak muflis dan mengenakan caj ini untuk bayar gaji kepada LKIM.

Beberapa Ahli: [*Tepuk*]

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ya, rakyat sudah susah.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Kakitangan LKIM digaji oleh kerajaan dari hasil rakyat. Tak akan hendak mengenakan RM1 atau RM2 ini supaya menampung gaji mereka. Ini satu perkara yang memalukan kalau betul berlaku. Tuan Pengerusi...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *Haiyo*, tekan nelayan sahaja.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Di negeri Perak sahaja di Pantai Remis 20 September dikuatkuasakan di satu tempat pantai di Krian 1 Oktober, di Pulau Pangkor 15 Oktober dan Sepetang 1 November dikuatkuasakan.

Dan ini akan dijalankan di seluruh negara dengan berperingkat. Cuba bayangkan berapa pemungutan yang boleh dipungut oleh LKIM untuk *fee charge* orang e-endaratan ini? Sebenarnya e-endaratan kah, e-kerajaankah, semua ini untuk meringankan beban rakyat dan juga memudahkan segala-gala prosedur. Tetapi bukan semua nelayan pandai, kerana mereka buta huruf, kerana mereka tidak ada pelajaran maka mereka memilih nelayan sebagai satu kerja yang menggunakan tenaga mereka untuk pergi ke laut. Dan mereka kadang-kadang mendapati susah hendak mengisi borang seperti ini.

Ada satu contoh borang ini di mana ikan bukan sahaja kata ikan 10kg, udang 10kg atau sotong 5kg, bukan. Ikan dibahagikan kepada berpuluh jenis, ada gelama, kembung, kerapu, kerisi, merah, panjang senarainya, siakap itu mungkin air tawar mungkin, dia campur-campur. Jadi udang pun dibahagikan kepada tiga jenis, udang besar, udang tengah, udang kecil.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ucapan ini panjang lagikah? Saya nak anggarkan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Ada-ada, ada dua, tiga. Selain daripada dua, tiga sebab-sebab utama, saya masih ada penternak, ada khinzir.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, hari ini usul di bawah Butiran ini memang ikan sahaja.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: *Okay*, saya tumpukan kepada Butiran 040000 iaitu perikanan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Itu nanti kalau ada peluang, saya ambil peluang untuk membahaskan lain-lain tajuk.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu nanti, Yang Berhormat, masa terbuka untuk di bahas.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: *Okay*, sekarang ikan sahaja. Okey, saya sudah selesai borang e-pendaratan. Yang kedua, borang permit pengangkutan.

Tuan Pengerusi, apabila sesebuah lori hendak mengangkut hasil laut dari satu tempat ke satu tempat, LKIM mengenakan satu permit untuk satu kali *transport* atau satu kali pengangkutan. Katalah saya mengupah sebuah lori kecil satu tan untuk mengangkut ikan dan udang ke, apa-apa hasil laut ke satu tempat, ia perlu membayar RM1 satu kotak. Di sini saya ada satu borang untuk permit pengangkutan iaitu udang dua peti, dikenakan RM2. Satu peti ikan campur, hanya 30 kg pun kena RM1. Bayangkan kalau satu lori kecil boleh memuatkan 100 peti ikan, atau udang atau lain-lain hasil laut, maka ia dikenakan RM100 untuk borang permit. Upah mengupahkan satu lori kecil untuk mengangkut hasil laut ini pun tidak sampai RM100. Tuan punya lori kena membelanjakan upah tenaga untuk memandu kena bayar *road tax*, kena menyelenggarakan kenderaannya, kena bayar diesel, semua dia kena bayar, akhirnya dia untung mungkin RM10-RM20 atas upah pengangkutan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Tetapi LKIM duduk di sana, panggil dia buat permit ini, dia untung lebih dari tuan punya lori. Adakah patut?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tak patut.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Akhirnya semua ini akan di caj kepada pengguna dan para suri rumah yang pergi membeli ikan-ikan di pasar mereka turut kompelin. Di tepi laut nelayan jual sekati ikan baru RM3, tetapi beli di pasar mungkin RM8, itu sebablah dia datang. Jadi semua ini disebabkan oleh kerajaan sendiri, jangan tuduh penjaja-penjaja bahawa mereka untung banyak. Kalau kerajaan mahu tambah, orang-orang tengah lagi tambah, orang ketiga lagi tambah, sampai akhirnya penjaja juga kena tambahlah. Jadi siapa yang susah? Pengguna yang susah.

Tuan Pengerusi, ada satu lagi berkenaan dengan lesen bot nelayan baru. Nelayan ini dikatakan lesen baru kerana mereka selama ini tiada lesen tetapi bukan bermakna mereka baru sahaja memasuki bidang penangkapan ikan ini. Mereka telah menangkap ikan 20-30 tahun, tetapi tanpa ada lesen kerana kerajaan bekukan lesen perahu untuk nelayan. Jadi daripada bulan Julai, Jabatan Perikanan juga telah pergi ke tempat itu iaitu Kuala 'Sipitang' untuk mengukur

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jangan sebut 'Sipitang', itu kawasan saya.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Kuala Sepetang, Perak.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sepetang, Sepetang Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Sepetang, okey. Tuan Pengerusi punya kawasan ada nelayan ke?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada, ada Yang Berhormat tapi kawasan saya ...

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Ada juga ya? Saya membantu Yang Berhormat menyuarakan rintihan nelayan di kawasan Yang Berhormat jugalah ya.

Seorang Ahli: Tak perlu.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Oh tak perlu! Ini Islam Hadhari ya..?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Takutnya, takutnya.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Pengerusi, pada Julai tahun ini, pegawai Jabatan Perikanan Malaysia telah pergi ke tempat tersebut untuk mengukur dan membanci dan juga untuk menemu duga dengan para nelayan yang memohon lesen untuk bot-bot mereka. Semua sudah sempurna tetapi sampai sekarang belum ada berita. Dan mereka kata, mereka telah memohon lama dari sejak mereka menceburi bidang ini mereka sudah memohon tetapi sampai sekarang tidak ada. Bila mereka tidak ada lesen, mereka hendak membeli petrol atau diesel, mereka perlu beli dengan *market price* dengan izin, dan bukan untuk mendapat diesel subsidi atau petrol subsidi.

Tuan Pengerusi, di sini pada masa saya bertemu dengan mereka, mereka ada membuat satu petisyen iaitu satu tandatangan untuk merayu supaya e-pendaratan dan borang permit dimansuhkan. Sebentar lagi saya akan menyampaikan tandatangan ini kepada menteri yang berkenaan. Tuan Pengerusi, satu lagi ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat cakap Pengerusi Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Ya, ya Pengerusi. Satu lagi berkenaan dengan nelayan-nelayan kita yang sering kali ditahan oleh tentera laut Indonesia atau lanun-lanun di lautan kita. Di surat khabar pun ada banyak liputan berkenaan dengan perkara ini.

Tuan Pengerusi, dalam tempoh sepuluh bulan yang lalu tahun ini, di pantai barat Semenanjung Malaysia telah berlaku 40 bot nelayan ditahan oleh tentera laut Indonesia. Setelah membayar wang tebusan sebanyak RM800 juta, mereka dilepaskan. Kepada mereka yang tidak mampu membayar wang tebusan, mereka dijatuhkan hukuman penjara. Berikut ini adalah temu duga oleh surat khabar dengan nelayan-nelayan di Teluk Intan, Bagan Datoh, Perak. Semasa nelayan mengadakan tunjuk perasaan berkenaan dengan perkara ini.

Yang Berhormat dari Bagan Datoh seorang Timbalan Menteri Jabatan Penerangan dan juga Yang Berhormat dari Teluk Intan, kedua-dua mereka sedar bahawa ada berlakunya peristiwa ini. Kedua-dua mereka ada menyuarakan bahawa perkara ini akan dibawa ke pihak atasan untuk tindakan selanjutnya. Tetapi sama ada mereka sudah bawa atau tidak, saya tidak tahu. Sekiranya ada bawa, mengapa perkara ini masih sering kali berlaku di negara kita ini?

Tuan Pengerusi, saya mengambil contoh Pengerusi Syarikat Koperasi Nelayan Hilir Perak, Encik Kee Kui Poh berkata, sekiranya kerajaan tidak mahu pandang serius berkenaan dengan perompak-perompak di laut terhadap nelayan kita ini, maka industri penangkapan ikan akan lumpuh.

Pada 28 hari bulan Oktober tahun ini tiga buah perahu nelayan milik 'Loo Chin Huat' telah ditahan oleh tentera laut Indonesia di lautan negeri Perak. Beliau diberi masa satu jam sahaja di atas laut untuk memutuskan sama ada hendak bayar wang tebusan atau ditarik balik ke Indonesia untuk didakwa. Beliau terpaksa membayar sejumlah RM495,000 iaitu RM165,000 untuk sebuah bot, beliau ada tiga buah. Jadi beliau bayar dekat RM500,000...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, itu dasar, Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Ya! Bukan. Saya ambil contoh-contoh ini untuk menyokong Usul saya Tuan Pengerusi.

Pemilik bot 'Chia Kar Choon' berkata dalam masa lapan bulan ini, dua buah bot beliau telah ditahan oleh tentera laut Indonesia kerana tidak bersetuju dengan bayaran tebusan, maka bot beliau telah ditunda ke Indonesia dan didakwa di mahkamah. Bot beliau dirampas, setelah mendapat tahu bahawa bot beliau akan dirampas. dia berunding dengan orang tengah...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, tumpukan kepada potong gaji, usul.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Ya inilah, ini untuk menyokong usul saya, kesengsaraan para nelayan di atas lautan besar dan beliau membayar sejumlah RM350,000 dan awak-awak bot dilepaskan.

Pada 4 hari bulan Oktober tahun ini juga, nelayan Ong Hung Meng, bot beliau ditahan pada pukul 2.30 petang berdekatan Pulau Jerjak Pulau Pinang, selepas berunding satu jam setengah di atas laut, beliau terpaksa membayar RM85,000 baru dapat dilepaskan.

Pada 28 hari bulan Oktober 2006, tekong 'Ong Peng Huat' dan bot ditahan di perairan kita. Selepas Tentera Laut Indonesia berunding dengan tuan punya *vesse!*, maka dibayar RM170,000 dan dilepaskannya.

Nelayan 'Kee Cheng Poh', *last* sekali, pada 6 tahun dahulu, oleh sebab pemilik bot, iaitu tuan punya bot tidak dapat membayar permintaan Tentera Laut Indonesia, beliau dihukum penjara dan botnya dirampas. Keluarga Kee perlu menghantar wang bulanan ke Indonesia supaya beliau dapat tidur lena dalam penjara. Kalau tidak bayar tiap-tiap bulan, maka kehidupan beliau dalam penjara paling susah, dan juga tidak dapat tidur dan tidak dapat makan. Apabila beliau balik ke Malaysia, beliau sudah jadi sakit jiwa, tidak boleh ingat apa-apa lagi.

Jadi inilah kesengsaraan mereka dan apa kerajaan kita buat? Saya pernah membangkitkan satu Ucapan Penangguhan pada 5 Julai 2004. Pada masa itu juga berlaku dua bot nelayan di Kuala Sepetang di negeri Perak...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Itu betul...

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Juga ditangkap, saya pernah membangkitkan ini dan mereka membayar wang tebusan melalui *bank account* di bandar Taiping. Ada *bank account* wang sudah masuk tetapi kerajaan tidak dapat kesan (*trace*) siapa penjahat itu di Indonesia. Jadi alasan-alasan dan sebab-sebab semua ini memaksa saya membuat satu usul dan saya berharap kerajaan boleh memandang berat tentang kesengsaraan-kesengsaraan nelayan demi untuk memansuhkan semua *charge*, borang-borang dan juga apa-apa kerumitan yang dihadapi oleh nelayan-nelayan kita ini. Sekian sahaja terima kasih... [Tepuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada menyokong?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Pengerusi, saya berdiri untuk menyokong Usul pindaan Yang Berhormat bagi Bagan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah. Yang Berhormat tidak boleh berucap.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan saya mahu berucap?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Belum, belum lagi, kita berbahas dahulu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Belum? Okey.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tentu saya perlu beri..., untuk menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah. Yang Berhormat sudah sokong, cukuplah. Nantilah saya beri berucap.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan, kerana saya menyokong, bukan oleh kerana saya ingin berucap, sebab itu saya mahu teruskan...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, ya. Ini belum dibahaskan lagi. Baru menyokong sahaja, cukuplah...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Nanti saya ..., okay.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Nanti saya beri, saya beri peluang. Okey.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Usul seperti mana yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bagan tadi terbuka untuk dibahaskan. Ya, Ipoh Timor. *[Dewan riuh]*

11.55 pagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Seperti mana yang diterangkan oleh Yang Berhormat bagi Bagan pada 26 Oktober, dia, saya dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (DAP) di Perak, kita ada pergi Kuala Sepetang, oleh kerana masalah-masalah yang ada diketengahkan oleh Yang Berhormat bagi Bagan mengenai pendaratan.

Saya percaya di sini adalah Ahli-ahli Parlimen termasuklah Ahli Parlimen Barisan Nasional yang ada mewakili nelayan-nelayan yang ada menghadapi masalah yang sama.

Saya harap dalam perbahasan ini mereka akan berdiri untuk menyuarakan masalah-masalah yang dihadapi oleh nelayan-nelayan oleh kerana e-endaratan dan bahawa tidak diam sahaja, diam sahaja menunjukkan bahawa mereka tidak sensitif, peka mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh nelayan-nelayan orang Melayu, orang Tionghoa atau tidak kira apa kaum tetapi kaum nelayan.

Skim ini ialah e-endaratan (*e-landing*). Kalau e-endaratan itulah satu jenis *e-government* dan tujuan *e-government* ialah supaya *paperless* meringankan beban rakyat jelata. Tetapi tengok ini e-endaratan mana ada *paperless*? lebih banyak *paper*. Semua borang yang perlu diisikan dan bayaran yang dikenakan, setiap hari perlu bayar, setiap bot nelayan RM2 dan angka-angka yang ada dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Bagan tidak perlu saya ulangi, tetapi ini menunjukkan ini konsep *e-government*, konsep e-endaratan diputarbelitkan, tidak faham. Sebenarnya ia digunakan nampaknya ia sangat terkini tetapi bukan e-endaratan tetapi 'e-beban'....

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini satu e-beban, di mana e-kerajaan digunakan untuk menambahkan beban rakyat jelata, khasnya nelayan di sini.

Di sini saya harap bahawa kita tahu, tujuan, maksud kenapa rancangan e-endaratan dikenakan supaya menghentikan penyalahgunaan sistem subsidi diesel supaya mereka yang dikehendaki untuk diberi kepada nelayan-nelayan tidak disalahgunakan oleh kumpulan-kumpulan tertentu untuk dapat keuntungan, kita tidak bersetuju, tidak bersetuju bahawa semua *abuses* semacam ini perlu diberhentikan, tetapi bukan cara e-endaratan di mana menambahkan beban kepada nelayan-nelayan yang akhirnya akan masuk bil pengguna-pengguna dengan kenaikan harga ikan-ikan. Sebab itu saya berharap bahawa, yang pertama semua Ahli Parlimen di sini, Barisan Nasional khasnya, yang adalah mewakili nelayan-nelayan berdiri menyuarakan masalah yang dihadapi oleh nelayan-nelayan.

Kita di DAP sebenarnya bukan kawasan DAP, tetapi oleh kerana tanggungjawab kita ialah untuk membela nasib semua rakyat yang menghadapi ketidakadilan dan menghadapi masalah, kita menyuarakan di sini sebab ini bukan satu masalah dalam kawasan DAP. Saya harap bahawa dalam perkara ini kita boleh tidak kira apa-apa parti berdiri atas kepentingan rakyat jelata, khasnya nelayan dalam kumpulan di sini.

Yang kedua, menyeru bahawa skim e-endaratan yang sebenarnya e-beban ini dimansuhkan dan sekurang-kurangnya *suspend* serta-merta supaya satu rancangan yang baru, satu skim yang baru boleh difikirkan di mana tujuannya ialah untuk memberhentikan penyalahgunaan skim subsidi diesel, tetapi tidak menambah beban kepada nelayan-nelayan dan inilah mustahak dan kita berharap bahawa dalam perkara ini boleh dapat suara sokongan semua Ahli Parlimen menunjuk kepada nelayan-nelayan bahawa Parlimen suara miskin, orang miskin, kaum miskin boleh dapat keprihatinan dan saya mahu tahu kenapa skim ini disebarkan sebagai e-beban, e-endaratan yang sebenarnya e-beban. Kenapa?

Lebih banyak *paper* lebih banyak bayaran dan dengan itu saya harapliah bahawa dalam perkara ini, ini satu perkara yang besar. Bukan kepada orang kaya raya, bukan

kepada menteri bukan satu isu besar kepada NEP Putera, bumiputera, UMNO Putera, ini bukan satu isu besar. Tetapi kepada rakyat yang biasa ini lah satu perkara yang besar dan ini pun satu ujian sama ada Parlimen ini untuk UMNO Putera dan NEP Putera atau satu Parlimen untuk rakyat jelata. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan usul dibawa oleh Yang Berhormat bagi Bagan tadi. Sebenarnya saya meneliti hujah yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat bagi Bagan, ada sebahagiannya saya rasa merupakan rintihan daripada nelayan. Saya tetap menghormati hak Yang Berhormat untuk menyampaikan pandangan rakyat. Itu tidak salah. Tetapi apabila Yang Berhormat mengheret kegiatan lanun dan mengheret perkara ini bersabit dengan pemotongan gaji menteri, saya rasa ini adalah satu perkara yang saya ibaratkannya sebagai kerana marahkan nyamuk, kelambu pula dibakar.

Saya rasa ini adalah satu perkara yang agak serius kalau kita nak melakukan atau meluluskan usul ini. Saya juga perhatikan atau meneliti hujah Yang Berhormat bagi Bagan tadi, sebenarnya apabila Yang Berhormat membuat perhitungan tentang statistik setiap hari berapa jumlah yang mereka kena bayar dan kali dengan 30 untuk satu bulan, 365 hari untuk satu tahun. Sebenarnya penonjolan statistik ini tidak menggambarkan keadaan yang realiti kerana nelayan tidak keluar menangkap ikan setiap hari.

Apabila menonjolkan statistik itu dengan cara ini, ianya akan menimbulkan kemarahan. Saya rasa memang kalau ada masalah kita boleh sampaikan kepada LKIM. Itu memang tanggungjawab kita sebagai wakil rakyat dan Yang Berhormat, nampaknya Yang Berhormat ini menafikan apa yang kerajaan buat untuk membantu nelayan. Tdak ada satu pun disebut. Saya masih ingat dalam Dewan Rakyat ini, bermati-matian Ahli Parlimen dari Barisan Nasional memperjuangkan subsidi untuk nelayan dan ia nya tidak disentuh langsung. Kalau kitalah nak melihat cara kita untuk membantu nelayan, saya rasa ada beberapa cara dan Yang Berhormat juga...

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Bolehkah?

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Biarlah saya habis dulu. Tak apa, saya menghormati hak Yang Berhormat bercakap, biarlah saya...

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Bagi saya peluang untuk mengira unjuran unjuran atau angka-angka..

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Sekejap, biar saya habis dulu ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tak bagi Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Kepong bangun.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat bagi Kepong, biar saya habis. Saya tak tahu *floor* saya tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tak bagi Yang Berhormat.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Biar saya habiskan dulu. Yang Berhormat tadi mengatakan tentang statistik itu. Dan saya juga, di mana saya tadi? Okey, saya tadi menyebut tentang subsidi diesel dan kita telah memberi banyak subsidi kepada para nelayan dan itu lah kerajaan yang prihatin. Kita membantu nelayan, tidak kata kerajaan langsung tidak melakukan apa-apa. Yang Berhormat tadi memberikan hujah dan begitu bersemangat tetapi Yang Berhormat kata ada cara lain untuk kita buat dan sampai sekarang saya tidak dengar apa cara atau alternatif untuk mengenal pastikan siapa yang keluar untuk menangkap ikan.

Saya rasa kalau kita nak bagi satu pandangan, biarlah bagi satu pandangan yang konstruktif. Bagi saya kalau kita buat penganalisan tentang satu perkara atau pun kita membuat justifikasi untuk memotong gaji, ianya adalah satu perkara yang perlu dilihat secara total, secara komprehensif. Dan saya juga di sini ingin mengatakan bahawa Yang Berhormat menteri sejak dilantik sebagai menteri, saya nampak banyak pembaharuan dalam sektor pertanian dan banyak perkara yang telah dilakukan dan sebagai contoh saya

rasa, hasrat menteri untuk menjadikan sektor pertanian sebagai satu sektor yang progresif, satu sektor yang moden, satu perkara yang amat dialu-alukan oleh rakyat. Baru-baru ini juga MAHA 2006 yang berlangsung...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kepong bangun Yang Berhormat.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Biar saya habis dulu. Sikit lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tak bagi, Yang Berhormat Kepong sila duduk.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang berlangsung dalam bulan ini. Yang Berhormat juga, saya rasa saya terharu Yang Berhormat telah berjaya menjemput negara China sebagai *guest nation* untuk mengambil bahagian. Saya rasa Yang Berhormat bukan seorang Yang Berhormat ekstremis, Yang Berhormat Menteri bukan orang yang begitu. Berpandangan jauh untuk menarik lebih pelabur-pelabur asing.

Yang keduanya juga, saya dapati Yang Berhormat Menteri sejak menjadi Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, telah berkali-kali pergi ke negara China untuk menjalin hubungan yang baik, untuk memajukan sektor pertanian moden ini. Saya rasa itulah satu cara yang perlu diterap atau pun kita menjalin persahabatan untuk melihat pasaran yang lebih besar di luar negara. Saya rasa, atas dasar inilah saya rasa Yang Berhormat Menteri juga menjalankan kerjanya dengan baik.

Mengenai perkara yang telah disebut oleh Yang Berhormat bagi Bagan tadi tentang PFA, saya rasa PFA itu satu keputusan yang telah dibincangkan di peringkat Kabinet, Yang Berhormat Menteri Pertanian membawa perkara ini dan ia nya dapat diteruskan...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah Yang Berhormat, nak bagi jalan Yang Berhormat bagi Kepong?

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Dan janjinya ialah penternak-penternak khinzir itu dapat menjamin alam sekitar yang lebih baik.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Saya rasa perkara itu yang telah disebut oleh Yang Berhormat tadi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, nak bagi jalan?

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Biar saya habis.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tak bagi jalan Yang Berhormat. Sila duduk Yang Berhormat bagi Bagan dengan Yang Berhormat bagi Kepong.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Hujah-hujah saya. Nanti kita boleh *settle* lagi ya.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tak bagi Yang Berhormat. Itu dia punya *floor*. Ya, dia punya peluang.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Sebagai kesimpulan Tuan Pengerusi, sebenarnya saya rasa Yang Berhormat Menteri telah menjalankan tanggungjawab ataupun kerja dengan baik. Saya tidak nampak kenapa ianya perlu diheretkan dan saya rasa kita perlu memikirkan satu cara yang terbaik untuk menyampaikan rintihan dan bukan dengan cara menyampaikan usul ini. Dengan itu saya menolak usul ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Sri Gading. Yang Berhormat bagi Bagan sila duduklah.

12.04 tgh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Usul Yang Berhormat bagi Bagan, usul DAP ini berniat jahat. Berniat jahat dan berbau politik. Dia nak mencari publisiti murah yang sebenarnya tidak pun membela nelayan. Yang membela nelayan, memajukan nelayan, yang tahu menjaga nasib nelayan Kerajaan Barisan Nasional. Bukan DAP. DAP nak cari salah. Usul ini juga berniat jahat nak memalukan Yang Berhormat Menteri. Saya tak boleh terima. Dewan ini tak boleh terima Menteri Pertanian seorang menteri yang cemerlang, menteri yang rajin, menteri selalu turun padang, menteri yang memikul tugas dan amanah Perdana Menteri untuk menentukan industri pertanian kita maju buat masa depan. Seorang menteri yang saya rasa telah memikul amanah yang begitu besar...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kepong bangun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: cuba dimalukan oleh DAP dengan usul Yang Berhormat bagi Bagan ini. Tuan pengerusi, kita tak boleh terima Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Kepong bangun Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya tak hendak Yang Berhormat bagi Kepong. Yang Berhormat bagi Kepong pun, dia DAP, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tak bagi. Yang Berhormat bagi Kepong, sila duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bukan dia daripada nelayan. DAP. Dan bukan *floor you*lah. Ini saya punyalah, ya? Jadi, dengan ini Tuan Pengerusi, saya menolak dengan sekeras-kerasnya usul ini dan kita sokong kementerian dan menteri yang sentiasa memberikan perhatian yang berat bagi membela petani, nelayan, penternak untuk hidup lebih baik dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Insya-Allah, Yang Berhormat Menteri ini mampu memikul tugas dan amanahnya. Saya menolak usul ini, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya rasa...

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: *[Menyampuk]*

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tuan Pengerusi, pembangkang dia tidak mahu mengizinkan saya berbahas...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, teruskan Yang Berhormat. Jangan pedulikan.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Izinkan saya, Tuan pengerusi. Saya rasa begitu kecewa kerana di Dewan yang mulia ini, ada golongan-golongan seperti yang dikatakan tadi oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading, berniat jahat. Kerana saya bagi satu contoh mengenai menteri ini, Tuan Pengerusi. Cameron Highlands adalah satu tempat di mana pertanian merupakan satu yang begitu penting sekali. Walaupun saudara Ahli Parlimen tadi atau Yang Berhormat tadi mengatakan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ada e-endaratan di Cameron Highlands?

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Ya Tuan Pengerusi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: E-penerbangan ada? E-penerbangan, mana ada e-endaratan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, sabar.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Saya minta Yang Berhormat bagi Ipoh Timor pun tak ada. Apa mahu bising?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa isu, apa isu di hadapan kita? E-endaratan? Dia e-penerbangan.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Soalnya adalah keperibadian menteri.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ipoh Timor pun tak ada.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Ketokohan menteri dipersoalkan di sini. Saya nak menegakkan di sini, Yang Berhormat Menteri ini adalah seorang yang prihatin, yang rajin, yang berwibawa, itu yang dikatakan di sini.

Tuan Pengerusi, beliau telah datang tiga kali ke Cameron Highlands...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: E-penerbangan.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tiga kali. Beliau telah menghantar rombongan FAMA dengan pengerusinya, Yang Berhormat bagi Kudat untuk bincang masalah petani-petani yang diperalatkan oleh golongan orang tengah untuk mewujudkan satu *distribution centre*, satu-satu yang tidak pernah berlaku 50 tahun...

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Semua tidur. Dulu punya menteri semua tidur.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Ini niat jahat. Duduklah, duduklah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain, yang lain diamlah. Yang Berhormat bagi Bagan...

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Maka saya mengatakan, saya membantah dan menolak usul ini Tuan Pengerusi, kerana berniat jahat. Kerana saya secara peribadi telah melihat di kawasan perkampungan Jelai, perubahan yang berlaku kan 30 peratus berganda *output* dia. Ini bukan nak indah khabar dari rupa, ini betul-betul.

Janganlah jadi gelagat pohon rambutan jantan, orang berbunga, dia berbunga, orang berbuah dia tidak Tuan Pengerusi. Apa fasal ni? Fasal pertanian la ni, betul tak? Maka itu tak betullah macam ni. Saya menasihatkan kepada pembangkang jangan buat isu. Kenapa kenakan seorang menteri yang berkebolehan? Yang telah diamanahkan oleh Perdana Menteri dengan berbilion-bilion ringgit untuk memajukan pertanian. Ini dah kacau saja buat apa dah membuang masa Dewan yang mulia ini. Buang masa kita. Kita ada banyak bahas untuk ini. Tuan Pengerusi, ini banyak nak bincang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan pengerusi dia yang buang masa. Mana...

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Duduklah Ketua Pembangkang.

Maka Tuan Pengerusi, saya sekali lagi menyuruh atau menasihatkan Pembangkang kita supaya berwaspada, waras fikiran dan tidak keluar daripada landasan Dewan yang mulia ini. Jangan rugikan rakyat. Itulah, saya mintaklah. Terima kasih. Saya menolak terus.

Datuk Dr. Yusof bin Yacob [Tuan Pengerusi]: Saya bagi Yang Berhormat bagi Jasin dulu Yang Berhormat.

12.12 tgh.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya Tuan Pengerusi, rasa terpanggil dengan usul yang tidak ada nilai ini oleh Yang Berhormat

bagi Bagan. Kalau nak bercakap mengenai e-endaratan saya kira saya lebih arif daripada beliau dan lebih arif daripada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor kerana semua orang tahu dalam Dewan ini saya pengendali pelabuhan. Pelabuhan Kuala Linggi saya pengendalinya, ikan pun naik di situ, LKIM pun ada pelabuhan di situ berharga RM15 juta Tuan Pengerusi. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor mana ada pendaratan ni? Tak ada. Yang nak dipertikaikan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya sudah cakap tidak tapi kira berdiri untuk memperjuangkan. Ada orang-orang yang ada kawasan yang tidak berani. Itulah masalah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Siapa kata tak berani? Sekarang DAP sedang membuang masa Dewan ini untuk membincangkan Kementerian Pertanian di Peringkat Jawatankuasa yang lebih penting. E-endaratan yang dihebahkan. Tahu tidak Yang Berhormat bagi Bagan yang mana hari ini kerajaan belanja jutaan ringgit untuk subsidi diesel.

Kebanyakan yang kita tahu ada di kalangan nelayan, tetapi bukan nelayan yang betul-betul cari makan. Tetapi nelayan yang hidung belang, menggunakan subsidi ini bukan untuk tangkap ikan tetapi menjual diesel. Kerana harga subsidi diesel RM1... 'at-pump'...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Duduk, duduk dulu belum habis.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: 'At-pump' RM1.59 dan belah Perak, belah Kedah, belah Penang didapati bahawa banyak diesel diseludupkan ke Thailand kerana harga diesel lebih daripada RM2 1 liter. Jadi borang e-endaratan ini ialah untuk kita tak nak ambil tahu. Engkau dapat terima subsidi diesel, apa yang kau tangkap? Jadi pada hari ini, jelas pada hari ini DAP menyokong orang-orang yang selewengkan subsidi diesel. Yang duit borang, saya tahu. Saya tahu Tuan Pengerusi, yang borang RM1, RM2, RM3 ini bukan LKIM ambil, bukan kerajaan ambil...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Peraturan, Peraturan Mesyuarat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tetapi di ambil oleh Persatuan Nelayan sendiri.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Peraturan apa Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Peraturan apa?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Peraturan 36(12). ...mengelirukan Dewan yang mulia ini. Apa yang Berhormat kata. Itu tidak..., itu niat yang sangat jahat...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Menyampuk]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Niat jahat...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Kalau usul nak potong gaji Menteri, niat tak jahat kah?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Duduklah Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Nak potong gaji tak jahat ke? Ada ke niat tak jahat tu.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini merupakan satu Barisan Nasional yang tidak boleh menerima teguran, tidak boleh mendengar...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Teguran tak baik...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Teguran tak berasas.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Pendirian nelayan. Adakah mereka juga tidak langsung...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, dia tidak mahu Yang Berhormat. Cukuplah...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Dia menyelewengkan Dewan ini

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah..

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Menyampuk]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Suruh beliau, Yang Berhormat tarik balik. Apa tuduhan...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya takkan tarik balik.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kalau tidak ialah..

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tak ada salah, apa mahu tarik?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang mereka ialah...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Akan tarik usul ni. Usul ni Yang Berhormat bagi Bagan tarik. Tu yang betul.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tidak membela nelayan. Merekaancam kehidupan nelayan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, cukuplah Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Bagi peluang..

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tuan Pengerusi, kita kerajaan bagi subsidi diesel, kita juga bagi subsidi bot, kita juga bagi subsidi enjin kepada nelayan-nelayan kita. Betapa hebatnya Kerajaan Barisan Nasional ini membantu nelayan. Tapi ucapan Ketua Pembangkang, ucapan pembangkang, ini subsidi UMNO Puteralah, itu Puteralah, apa semua dia kutuk nelayan. Saya pun tak tahulah Bagan. Seharusnya cerita-cerita tentang nelayan kita di heret ke tengah oleh pihak berkuasa Angkatan Laut Indonesia, jangan bawa ke dalam Dewan. Bawaklah kepada polis, bawak kepada Kementerian Luar. Ini cara kita. Yang dok bincang macam ini buat apa?

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Yang Berhormat bagi Bagan duduk, jangan nak cari fasal...

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Bagi penjelasanlah...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Nelayan kawasan saya. Nelayan di Melaka pun menghadapi masalah yang sama. Tetapi kita mengikut saluran dan..saluran yang betul. Jangan menuduh Yang Berhormat bagi Bagan. Kalau tak tahu Yang Berhormat bagi Bagan, *study* betul-betul.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan. Saluran yang betul. Penjelasan. Adakah cara saluran yang betul tutup satu mata atau tutup dua mata?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Itu bodoh.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Itu soalan yang bodoh daripada Ketua Pembangkang. Itu soalan yang bodoh kerana tidak tahu cerita yang sebenar, yang menuduh tutup mata sebelah dan sebagainya. Jangan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Inilah mentaliti, inilah sikap, fikiran tutup satu mata atau tutup dua mata.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Inilah *you* punya sikap. Surat khabar lama.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Untuk makluman Dewan yang mulia ini, caj-caj yang dikenakan RM1, RM2 tadi bukan masuk dalam kantung kerajaan. Dia masuk di dalam kantung Persatuan-persatuan Nelayan Tempatan. Untuk pengurusan dia kerana...

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Itu mintaklah dengan persatuan. Berurusan dengan persatuan nelayan masing-masing. Ini tak tahu main cakap aja...bukan masuk dalam kantung kementerian. Itulah sebabnya pada hari ini, kalau tak faham isu ini, jangan sewenang-wenangnya nak cari publisiti murah membuatkan usul nak memotong gaji menteri. Jangan sampai Yang Berhormat bagi Jasin pula kemukakan usul supaya memotong gaji Yang Berhormat bagi Bagan pula RM10.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Berani buat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kalau berani, buat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Buang masa Parlimen..., kerana kita nak membincangkan Kementerian Pertanian di Peringkat Jawatankuasa yang lebih mustahak untuk masa depan petani, nelayan dan rakyat Malaysia.

Oleh yang demikian Tuan Pengerusi, saya menolak sekeras-kerasnya usul yang di bawa oleh Yang Berhormat bagi Bagan. Terima Kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Santubong.

12.19 tgh.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima Kasih Tuan Pengerusi. Saya masuk ke dalam Dewan, apabila dengar Bagan memberi usul gaji dan fakta-fakta yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Bagan ke hadapan Dewan untuk dipertimbangkan adalah perkara yang tidak relevan. Jauh terkeluar daripada isu-isu yang di bawa. Jadi, kalau kita lihat dari segi sejarah, saya sendiri daripada satu kawasan Batang Lupar dulu kawasan nelayan, sekarang saya pergi ke Santubong, juga kawasan nelayan. Inilah dua kawasan nelayan yang terbesar di Sarawak. Jadi menteri ini telah menunjukkan sikap dan tanggungjawab yang sempurna sekali kepada nelayan.

Saya boleh menjadi saksi dan bukti kepada tugas dan tanggungjawab, keprihatinan Menteri Pertanian ini kepada masyarakat nelayan, khususnya di kawasan-kawasan saya. Jadi, saya tidak membawa soalan ini soalan politik tetapi satu perlu kita ingat, pihak DAP, Tuan Pengerusi, apabila dia tidak ada isu lagi, isu potong gaji inilah selalu berlaku. Saya pernah melihat pada tahun 1995, 1996, 1997 dahulu, memang tidak ada benda lain, potong gaji menteri, potong gaji menteri, sebab dia tidak ada isu hendak bawa. Isu ini sahajalah yang dia bawa.

Bila sudah ketandusan idea, ketandusan isu, tidak ada benda lagi hendak ditegur, potong gaji menteri. Walaupun isu, fakta hendak menyokong hendak potong gaji menteri itu hanya fakta impian dan tidak relevan langsung. Jadi sekarang kita telah membincangkan isu-isu yang penting di dalam Dewan ini dan masa telah dibuang begitu sahaja untuk membincangkan perkara yang mungkin tidak dapat dilaksanakan di Dewan ini. Walaupun ada fakta-fakta rasuah berlaku di Indonesia tetapi ini bukan tempatnya, bukan faktanya yang diguna pakai, jadi kita sepatutnya rasional, bukan *irrational*, kita patut bijak jangan bodoh membawa isu-isu sedemikian.

Nampaknya, kebijaksanaan itu tidak diguna pakai atau tidak wujud dalam pemikiran pembawa usul. Saya meminta jangan buang masa Dewan, membawa isu yang remeh, menteri bersikap bertanggungjawab, menteri yang prihatin, menteri yang turun padang, menteri yang bijaksana, kita meremehkan dia. Maknanya dengan sendiri kita boleh menilai bahawa usul ini tidak ada kesempurnaannya tetapi hanya agenda politik pihak Yang Berhormat bagi Bagan ataupun DAP sahaja, Tuan Pengerusi.

Jadi, saya cukup yakin kita sepatutnya menolak usul ini. Tidak ada tempat lain baginya tetapi mungkin di dalam tong sampah sahaja kita tolakkan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bandar Kuching.

12.22 tgh.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak merujuk kepada perbahasan Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Tadi Yang Berhormat bagi Bagan hendak penjelasan, dia tidak bagi. Sekarang dia sudah lari ke luar, mengenai pengiraan caj-caj. Tadi dia kata, tidak mungkin nelayan boleh menangkap ikan 30 hari, sebulan dan menurut apa Yang Berhormat bagi Bagan sebut tadi, perkiraan untuk kelas 'A'.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: [*Memasuki Dewan*].

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Sudah balik. Untuk kelas 'A', pengiraannya berdasarkan 28 hari, untuk kelas 'B' - 28 hari, untuk kelas 'C' - 5 hari sahaja dan apa-apa caj yang disebutkan olehnya adalah berdasarkan 5 hari untuk kelas 'C'.

Apa yang Yang Berhormat bagi Ayer Hitam sebut tadi adalah tidak berasas. Memang kita prihatin tentang kesengsaraan nelayan. Di sini Yang Berhormat-Yang Berhormat dari Barisan Nasional menyokong sekuat-kuatnya menteri kementerian ini.

Saya boleh buat satu cabaran, marilah kita sama-sama pergi jumpa nelayan itu dan beritahu apa yang telah diucap dalam Dewan ini. Berani kah? Mungkin tidak ada nyawa balik... [*Ketawa*] Memang, ini memang betul. Mungkin tidak ada nyawa balik kerana apa yang mereka rasa telah ...

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: DAP menghasut kah?

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Bukan hasut, ini kebenaran.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ini kebenaran, ini hakikat. Apa yang mereka rasa, wakil rakyat di sini tidak rasa sama dengan nelayan. Saya percaya ramai mereka juga ada undi Barisan Nasional tetapi kerana telah *betrayed by* Barisan Nasional. Di sini ada satu pantun dalam bahasa Cina, yang ditulis oleh nelayan. Biarkan saya baca dan saya akan terjemahkan maksudnya... [*Bercakap dalam bahasa Mandarin*]

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Yang Berhormat bagi Ayer Hitam tidak tahu. Yang Berhormat bagi Ayer Hitam terjemah sedikit.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat bagi Ayer Hitam boleh terjemah tetapi tidak apalah, dia sudah berucap. Saya akan terjemah apa yang ditulis di dalam ini adalah rintihan mereka bahawa mereka membantah e-caj, e-beban yang disebutkan tadi. Mereka berasa yang menjadi pegawai-pegawai atau wakil rakyat tidak merasai kesengsaraan mereka. Sebagai nelayan, mereka menghadapi risiko yang banyak untuk menangkap ikan. Kadangkala cuaca buruk, kapalnya tenggelam dan nyawa hilang.

Semasa mereka hendak jumpa pegawai untuk berbincang dan berunding, semua duduk di bawah kipas, di bawah *aircond*, tidak rasa kesengsaraan mereka. Oleh itu, inilah apa yang mereka rasa. Saya harap sebagai wakil-wakil rakyat, kita haruslah prihatin tentang kesengsaraan rakyat. Di sini juga saya hendak sebut tentang nelayan di Sarawak yang sentiasa mengadu tentang *foreign charter vessel*, penyewaan *foreign charter vessel*.

Saya telah bangkitkan beberapa kali di sini dan beberapa kali kementerian telah berjanji akan memberhentikan polisi sewa *foreign charter vessell* untuk menjalankan penangkapan ikan laut dalam tetapi mungkir janji. Hingga sekarang polisi ini masih dibenarkan. Ada orang mengadu kepada saya pemegang-pemegang lesen kroni menteri juga ada, Ahli Parlimen punya kroni pun ada, syarikat-syarikat kroni menteri, kroni Ahli Parlimen...

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Sebab itu tidak mahu tinggalkan!

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: ACA boleh pergi siasat. Saya percaya kementerian ada senarai pemegang lesen penangkapan laut dalam dan sewaan bulanan ada RM5,000 sebulan, duduk sana sahaja. Diberi lesen, ia menyewa *foreign charter vessel*, tiap-tiap bulan RM5,000. Ini tidak adil dan sekarang apa yang telah terjadi, oleh kerana teknik-teknik menangkap ikan yang digunakan oleh *foreign charter vessel* yang sangat baik dan canggih, oleh itu hasil lautan kita sudah habis, sudah habis. Ramai nelayan sekarang, walaupun dengan subsidi minyak diesel mereka keluar menangkap ikan, balik ada ikan tetapi rugi tidak semacam dahulu.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bukankah nelayan-nelayan di Sarawak telah meminta, merayu kepada kerajaan untuk menghentikan permit-permit seperti ini? Adakah kerajaan telah memberi perhatian kepada mereka? Bukankah ini satu sebab Barisan Nasional kalah teruk pada pilihan raya yang lepas di Sarawak? Adakah ini betul?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Itulah saya sebut tadi, ada mungkir janji dan mungkir janji-mungkir janji ini adalah salah satu sebab Barisan Nasional kalah banyak di Kuching. Mungkin angin itu bertiup ke sini dan diulangi satu kali lagi dalam pilihan raya yang akan datang.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Kesianlah, ramai yang di sana tidak akan balik lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, gulunglah, gulung.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Ini sudah lompat pagar. Lompat pagar.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya tidak ada sebut *foreign chartered vessel* itu dan saya haraplah kerajaan... kementerian ada sebut hendak tamatkan lesen-lesen penyewaan *foreign chartered vessel*. Kalau tidak salah, saya ingat sekarang kali yang ketiga mereka berjanji akan tamat di akhir tahun ini tetapi saya tidak tahu sama ada akan dibatalkan janji ini.

Oleh itu, saya berasa satu *impression* yang diberi kepada saya adalah kerajaan sekarang, Kerajaan Barisan Nasional mencari apa-apa jalan sahaja untuk memungut lebih banyak duit daripada.... Hisap darah daripada rakyat. Minyak, petrol, cukai, *inland revenue* dan sekarang, nelayan pun mereka mahu buli. Menggunakan kuasa politik untuk memungut cukai dan menghisap darah rakyat. Ini adalah tidak patut. Oleh itu, saya sokong RM10 terlalu ringan tetapi satu simbolik harus disokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Puchong. Selepas itu Yang Berhormat bagi Pasir Puteh dan selepas itu kementerian menjawab, ya.

12.32 tgh.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan selepas mendengar apa yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Bagan, bagi saya hujah-hujah beliau ini tidak logik kerana kalau pihak di sana menuduh bahawa pihak di sini ialah pihak kerajaan yang sentiasa ingin mencari untung daripada nelayan, saya ingat ini tidak betul. Ini kerana kalau kita lihat daripada jumlah subsidi diesel dan petrol daripada kerajaan, kalau tidak silap saya lebih kurang RM19 bilion untuk tahun yang lalu.

Semasa harga minyak naik bertubi-tubi di dalam pasaran dunia ini, kerajaan sentiasa mencari strategi dan tindakan untuk mengurangkan beban nelayan-nelayan di negara kita. Kerajaan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk memberi subsidi kepada nelayan-nelayan di seluruh negara kita. Tetapi adakah logik kalau kerajaan hendak mengecaj satu, dua ringgit daripada nelayan? Kalau kita rela untuk berbelanja berjuta-juta

ringgit untuk membantu nelayan tetapi pada masa yang sama adakah logik kerajaan kita ini mengecaj seringggit, dua ringgit atau lima ringgit yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bagan ini?

Kalau macam ini, saya menyerulah Yang Berhormat bagi Bagan supaya cek betul-betul apakah maklumat yang telah diterima. Adakah betul atau tidak betul kerana kalau tidak silap saya, saya difahamkan bahawa caj-caj ini adalah daripada persatuan nelayan tertentu supaya operasi, kegiatan ataupun aktiviti mereka dapat dijalankan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Tak payahlah, tak payahlah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya mahu memberi penerangan oleh kerana Yang Berhormat tidak tahu.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Saya ada sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, dia tidak bagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan, saya tidak maki hamun. Yang Berhormat jangan takut, saya cuma hendak menjelaskan perkara.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Penjelasan di luar, boleh?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa guna kalau di luar? Kalau di luar, lepas itu kalau hendak berucap, ucapah?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Yang kedua ialah mengenai...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tak bagi lagi, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini tak tahu butiran-butiran. Tidak tahu dia mahu ucap, saya mahu tanya sama beri jawapan, dia takut. Dia mahu bodek sahaja.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Yang kedua ialah mengenai...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk Yang Berhormat, ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini *tripod* lah. Yang Berhormat bagi Puchong, dia *tripod* bagi Barisan Nasional sahaja. Itu peranan beliau. *Tripod*. Apa guna *tripod* di sini?... *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, dia tak bagi jalan. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor dipersilakan duduk.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Duduk, duduk, duduk. Okey, yang kedua ialah mengenai butiran-butiran yang kononnya nelayan dipaksa mengisi apa semua ini. Bagi saya ini satu... di mana saya percaya dan yakin bahawa kementerian ini adalah untuk membuat satu perancangan jangka panjang.

Tahukah Yang Berhormat bagi Bagan bahawa defisit makanan ataupun pertanian kita ialah sebanyak RM5 bilion setiap tahun dan kalau tiada perancangan jangka masa panjang untuk mengurangkan defisit kita dan perancangan ini bermula daripada maklumat. Maklumat yang paling baik sekali ialah maklumat daripada nelayan.

Kalau tidak silap saya, caj-caj yang dikenakan ini ialah caj perkhidmatan di mana semua butiran dan juga maklumat-maklumat mengenai tangkapan itu dapat direkodkan supaya perancangan jangka panjang itu dapat dirancang untuk negara kita. Maka dengan ini, saya berharaplah Yang Berhormat dan yang juga di sebelah sana, bila hendak cakap dan potong gaji ini, saya ingat hendaklah berhati-hati. Bukan kita hendak berhujah kerana modal politik dan seterusnya dan yang paling penting ialah kita berucap mengikut logik dan juga fakta-fakta yang benar. Maka dengan ini, saya berasa usul ini adalah tidak logik dan saya menolak dengan sekeras-kerasnya. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, lepas itu kementerian menjawab.

12.37 tgh.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat sejahtera Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya cuba mengambil bahagian oleh kerana saya digelar Hadhari ini, saya tidak mahu pukul orang. Tetapi saya hendak menyatakan bahawa usul yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Bagan tadi, apabila saya memerhati daripada luar apabila saya masuk ke Dewan, tidak logik sebagaimana yang telah dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi kerana fakta dia tidak cukup.

Kalau dalam mahkamah dipanggil *prima facie*. *Prima facie* tidak ada, tolah kes. Tidak ada kes. Makna ini menunjukkan bahawa kalau kita hendak potong gaji menteri RM10, kita ada 199 Ahli Parlimen Barisan Nasional menyokong dan melantik menteri. Macam mana kita hendak potong RM10? Walaupun ada peruntukan dalam undang-undang, bagi saya ini satu kerja yang buang masa.

Kita... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Ini prinsip kita sebagai Hadhari. Cakap benar walaupun pahit.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tetapi tidak benar..., tidak bagi laluan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Islam Hadhari tidak bagi jalan?

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tidak bagi jalan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Islam Hadhari tidak bagi jalan?

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tidak bagi jalan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa Islam Hadhari ini?

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Sebab saya tidak bagi jalan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apakah Islam Hadhari tidak logik? Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, dia tidak bagi jalan.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tidak bagi jalan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, dia tidak bagi jalan, jangan ganggu dia.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tak bagi jalan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Pemuda-pemuda sahaja takut Islam Hadhari.

Beberapa Ahli: [*Bangun*] [*Dewan riuh*]

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Saya tak bagi jalan. Tak bagi jalan sebab dia sudah cakap banyak.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tidak logik ialah Yang Berhormat ...

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tak bagi jalan. Ada *our Prophet Muhammad*, dengan izin...

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Dia saja-saja kacau ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini tidak beri nama baik kepada Islam Hadhari.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor cukuplah. Dia tak bagi jalan. Sila duduk.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tadi dia ada bagi jalan.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Saya tidak bagi jalan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bagi jalan?

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tak bagi. Tak bagi. *Sorry*. Sila duduk dahulu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Islam Hadhari... Kalau begitu mana boleh buat soalan tambahan.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Mana boleh, *this is my floor*, duduk dahulu. *Floor* saya, duduk.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Saya hormat Ketua Pembangkang, *very senior lawyer* dalam dunia, tak usah bubuh dalam Malaysia. Tetapi hormatilah *floor* saya. Ini hak saya, siapa boleh bangkang? Tidak ada seorang pun boleh bangkang kecuali Tuan Yang di-Pertua ataupun Tuan Pengerusi. Hormat Tuan Pengerusi.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Saya hendak menyatakan bahawa ...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Hukum Islam Hadhari ...

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: ... dengan izin bahawa *Prophet Muhammad s.a.w said...* *[Membaca sepotong hadis]* Jangan marah. Tetapi pembangkang DAP termasuk PASlah, kalau dia bercakap, marah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa *Prophet Muhammad* kena-mengena dengan Islam Hadhari?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat Ipoh Timor, jangan ganggu dia.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini pendaratan. *Prophet Muhammad* apa kena-mengena?

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Hadhari. Hadhari. Hadhari. *Don't touch*, dengan izin...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain jangan kacau, Yang Berhormat.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Ini sudah hendak habis dah ini. Kalau kacau, tak habis.

Saya hendak menyatakan bahawa kita mesti bercakap benar. Tetapi fakta tidak benar, seleweng. Saya minta ambil tindakan supaya orang yang bercakap itu dikenakan hukuman sebab dia berbohong. Saya tidak mahu setiap Ahli Parlimen Barisan Nasional termasuk DAP, termasuk PAS membohongkan fakta, satu kesalahan yang besar.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Boleh beritahu yang mana satu?

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tak bagi.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang mana satu ialah yang bohong?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, sila duduk.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tak bagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tak bagi jalan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini Peraturan Mesyuarat 36, sudah jelas jangan menyelewengkan Dewan ini.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tuan Pengerusi, tak bagi.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang mana satu bohong?

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tak bagi.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Buktikan yang mana satu.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tak bagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, yang lain sila duduk.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Apa yang dibohongkan, cakap?

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tak bagi. Saya minta ...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *[Menyampuk]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Habis tak bagi, 36(11).

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: *[Bangun]*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *[Menyampuk]*

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Duduk dahulu, saya jelaskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia sudah cakap umumlah Yang Berhormat.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Bagi saya jelas.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini sangat Islam tidak Hadhari.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Nanti saya jelas. Nanti saya jelas.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain, sila duduk. Sila duduk, ya.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Hendak jelaslah Hadhari ini.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tak Islam pun ini.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Duduk dahulu.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tidak Islam, tidak Kristian. Pemuda pun...

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Duduk rakan-rakan daripada DAP...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Mana-mana, ini fitnah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Menyampuk]*

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Duduk.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk. Sila duduk, ya.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Duduk.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Fitnah, fitnah.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: 36(6). Saya ...

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Duduk.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ya. Saya tahu Yang Berhormat 36(6), saya tahu. Tetapi dia boleh cakap, cakap.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tahu dah. Tak payah cerita. Apa 36? Baca 36 apa? Baca?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *Okay*, duduk dahulu.

Beberapa Ahli: *[Bangun][Bercakap tanpa pembesar suara] [Dewan riuh]*

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: *[Membaca Peraturan Mesyuarat 36(6)]*
“Seseorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli yang lain.”...

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tahu.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta satu *ruling*. Dia kita apa yang saya cakap tidak berasas, bohong, tidak benar. Adakah ini satu kebenaran? Adakah tadi apa yang saya sebutkan tadi itu tidak wujud?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, cukup. Cukuplah, Yang Berhormat. Saya dengar...

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Islam Hadhari..

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Duduk. Duduk. *Floor* saya.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Duduk, Yang Berhormat bagi Bandar Kuching. *This is my floor.*

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Peraturan 26(1)(p).

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, sila duduk. Yang Berhormat bagi Tanjong pun sila duduk.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Peraturan 26(1)(p), merujuk Yang Berhormat bagi Pasir Puteh dan Yang Berhormat bagi Bagan ke Jawatankuasa untuk membuktikan siapa yang sudah melanggar keistimewaan dalam Dewan ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak payahlah, Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak payahlah, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini mesti diuruskan.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Ini satu peraturan yang amat penting.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Bagi peluang saya hendak bercakap.

Beberapa Ahli: *[Bangun] [Menyampuk]*

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Ya, ini satu peraturan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tanjong, Bukit Mertajam dan Bagan, sila duduk.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Saya sudah ikut, dua kali tidak betul.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pasir Puteh saya hendak bercakap dulu. Yang Berhormat tidak usah ikut perbincangan beliau. Beliau bercakap mengenai perkara yang umum. Jadi...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tidak boleh.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tidak.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat. Saya mendengar, Yang Berhormat. Tidak payahlah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Pengerusi, saya pun duduk di sini. Saya pun dengar ucapan beliau.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Dia kata apa yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Bagan itu semua bohong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, dia kata, jangan bercakap bohong. Itu sahaja.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bukan, bukan. Tuan Pengerusi janganlah membela Yang Berhormat dari UMNO atau daripada Barisan Nasional.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Duduk. Duduk. Saya cakap.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Saya bawa Usul 26(1)(p) belum diputuskan lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah. Tidak payahlah. Saya tidak benarkan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sekurang-kurangnya beritahu beliau untuk menarik balik apa yang beliau katakan.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Sikap tanggungjawab atas apa yang dikatakan.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Saya kata, jangan cuba membawa fakta-fakta yang bohong dalam Dewan - membawa fakta. Saya tidak kata Bagan.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Saya kata, jangan cuba membawa isu-isu yang membohongkan fakta dalam Dewan... *[Disampuk]* You dengar dulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain sila duduk. Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, habiskanlah ucapan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Mesti buat satu keputusan, demi untuk menjaga nama baik Dewan yang mulia ini.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Dengan ini saya menolak usul ini sekeras-kerasnya.

Beberapa Ahli: [Bangun] [Menyampuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat. Sila duduklah. Kementerian sila bagi jawapan. Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, sila duduk.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Pengerusi, untuk menjaga nama baik ini, mana boleh...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya mengikut perbahasan, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kalau mereka tidak boleh terima pun beri hak bersuara. Tapi janganlah menuduh apa-apa tuduhan yang liar, tuduhan yang tidak betul tapi Tuan Pengerusi pun tidak mahu tegur juga.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya sudah tegur, Yang Berhormat. Setiausaha Parlimen, sila jawab.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Pengerusi, saya ingin memberi penjelasan

tentang beberapa perkara yang dibangkit dalam usul yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Bagan untuk menjustifikasikan kenapa usul ini harus ditolak, dan saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua kawan-kawan daripada Barisan Nasional yang begitu waras dalam ucapan mereka iaitu Ahli Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, Yang Berhormat bagi Sri Gading, Yang Berhormat bagi Cameron Highlands, Yang Berhormat bagi Jasin, Yang Berhormat bagi Santubong, Yang Berhormat bagi Puchong dan Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, yang telah sebenarnya membantu saya kenapa justifikasi akan diberi untuk menolak usul ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, khasnya Yang Berhormat daripada parti pembangkang, saya rasa dengan membawa Usul Potong Gaji ini tidak menyelesaikan apa-apa masalah dan sebenarnya saya dan kementerian selama ini, saya rasa sesiapa sahaja membawa isu atau kes-kes kepada kita telah kami layan. Jadi apa lagilah hendak membawa usul yang memalukan kementerian dengan memotong sepuluh ringgit.

Yang Berhormat, saya rasa saya layan semua. Menteri layan semua dan apa-apa sahaja yang diluluskan oleh kerajaan ...

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penjelasan.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Apa-apa yang diluluskan oleh kerajaan bukan sahaja kepada nelayan Barisan Nasional tetapi merangkumi semua, Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penjelasan. Penjelasan.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Jadi, bagi saya, Yang Berhormat, tadi kita telah menggunakan beberapa jam. Sepatutnya beberapa jam tadi digunakan untuk perbincangan di dalam jawatankuasa yang memang akan kami ambil maklum segala yang diucapkan oleh Yang Berhormat.

Tetapi tidak mengapa, Yang Berhormat. Mengenai beberapa isu yang saya catatkan di sini satu, e-endaratan. LKIM tidak pernah mengenakan apa-apa bayaran semasa membuat pengesahan yang disebutkan iaitu cop borang pengisytiharan e-endaratan oleh nelayan untuk mendapatkan bekalan minyak bersubsidi tetapi bayaran yang dimaksudkan adalah merupakan caj perkhidmatan yang dikenakan oleh persatuan nelayan kerana perkhidmatan mengisi borang pengisytiharan pendaratan ikan-ikan nelayan dan untuk menyampaikan maklumat pendaratan tersebut kepada LKIM.

Yang Berhormat, Yang Berhormat berilah saya peluang saya menjawab sebab Yang Berhormat boleh sambung lagi nanti di bawah jawatankuasa. Sebelum kita mengenakan apa-apa caj, kementerian melalui LKIM telah mengadakan majlis perjumpaan dengan semua nelayan dipanggil, ditanya pula itu setuju tidak? Selepas itu bila dikatakan setuju, ditanya berapa?

Jadi, Yang Berhormat, tuduhan tadi memanglah melulu mengatakan bahawa LKIM pula yang mengecaikan. Ini sebenarnya dipersetujui dan sebenarnya bermula di Perak. Negeri-negeri lain belum lagi. Sebab apa di Perak? Sebab di Peraklah pendaratan ikan yang terbanyak. Jadi, kerajaan pun melalui LKIM, kita hendak berhati-hati. Kita bermula dengan Perak dahulu. Jadi apa kelemahan, apa sungutan, apa masalah, kalaulah tidak memungkinkan ia dilaksanakan sebab menimbulkan banyak masalah, berkemungkinan perkara ini akan kita semak semula.

Kita tidak buat keseluruhan negara sekali gus. Kita bermula dengan Perak di mana persatuan nelayan di Perak, namanya Penggerak. Penggeraklah yang memberitahu bahawa caj-caj ini harus dikenakan. Untuk makluman, caj bagi Zon 'A' ialah RM2 dan RM2 ini atas apa-apa pendaratan ikan. Kadang-kadang pendaratan ikan ini bukannya seringgit, dua ringgit, Yang Berhormat. Sebagai contoh, katakanlah Zon A, katalah nilai tangkapannya dalam RM4,000, dia hanya di caj RM2 iaitu kurang daripada satu peratus.

Begitu juga di Zon B dicajkan RM3. Katalah contoh, bagi Zon B iaitu lima ke 12 batu nautika, katalah tangkapannya 2,500 di caj RM3. Selepas itu Zon C, 12 hingga 33 batu nautika, katalah perolehan 5,000 semasa itu tangkapan di darat, caj hanya RM5. Bagi sampan, katalah, tadi Yang Berhormat kata banyak manalah perolehan sampan, berilah

300 sebagai contoh. Kita hanya mengecaikan persatuan nelayan hanya mengecaikan RM1 bagi setiap pendaratan. Jadi, pentingnya pendaratan.

Saya ingin menjawab yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Ini e-e selepas manual. Yang Berhormat, sebenarnya sebelum kita sampai *fully 'e'*, dengan izin, kita menggunakan manual. Sebab bukan semua Yang Berhormat dapat terus masuk ke e-e ini. Jadi, insya-Allah pada Februari tahun 2007, ia akan dilaksanakan sepenuhnya *on-line*. Insya-Allah. Jadi, dari masa ini sehingga masa itu akan diberikan kursus dan sebagainya. Jadi untuk makluman semua, ini bukan pergi kepada LKIM tetapi kepada persatuan. Jadi persatuan ini pun...

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penjelasan, penjelasan.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang Berhormat saya habis kepada yang lori, tong-tong dulu Yang Berhormat. Selepas itu dikatakan pula kos *transport* untuk mengangkut, bukan main pula banyak *charge*. Untuk makluman Yang Berhormat itu dinamakan permit. Jadi LKIM hanya mengenakan permit membawa ikan atau dinamakan dengan izin, *declaration* permit, iaitu mengikut jenis kenderaan bukan mengikut tong. Sebab dikatakan tadi setong, saya dengarlah saya rasa betul setong. Jadi ini pun juga telah dipersetujui di antara pengusaha ikan dengan syarikat-syarikat pengangkutan.

Jadi yang LKIM ini hanya *declaration* permit yang di caj tetapi kos pengangkutan itu lain yang akan dipersetujui di antara pengusaha atau penangkap ikan dengan syarikat pengangkutan. Jadi permit ini adalah bagi van, kereta dan sebagainya RM1 tetapi bagi lori, *trailer* dan kontena RM3. Jadi ini adalah untuk membolehkan kita mengetahui di manakah ikan-ikan ini dibawa sebab pun ada gunanya maklumat ini Yang Berhormat. Katalah di Selayang, ikan mahal. Jadi kita akan mengarahkan persatuan-persatuan nelayan lain untuk menghantarkan ikan di Selayang, ini adalah *demand* dan *supply*, jadi supaya harga ikan itu dapat dikawal.

Jadi maklumat-maklumat ini memerlukan permit dan kita boleh mengawal dan mengetahui di manakah agaknya tempat-tempat ikan itu dibawa. Jadi Yang Berhormat saya berharap dengan segala-gala ini...

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penjelasan, penjelasan.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Saya habiskan sedikit Yang Berhormat. Saya berharap dengan segala-gala ini supaya dileraikan, tidak perlu Yang Berhormat hendak bawa usul potong gaji, Yang Berhormat bukan sahaja boleh berbahas di dalam Dewan kita mengambil kira segala-galanya Yang Berhormat juga selalu berjumpa dengan saya di luar. Segala yang saya bawa Yang Berhormat baik daripada Barisan atau bukan Barisan saya bawa kepada kementerian, kepada pengetahuan Yang Berhormat Menteri sehingga macam subsidi ini tidak ada pun hendak mengata terima kasih. Untuk makluman dari segi e-endaratan ini sebab berlakunya penyelewengan.

Bagi RM1 tetapi dijual RM1.70 di pasaran sekarang ini nelayan pula sudah menjadi satu kerja pula. Kerjanya menjual minyak bukan menangkap ikan, padahal kami memberi subsidi ini untuk membolehkan nelayan pergi ke laut dengan harapan industri perikanan asyik berkembang dan tidak terbantut oleh kenaikan harga minyak yang begitu tinggi. Jadi sebab itulah pentingnya borang e-endaratan ini dan kita lantikan ejen iaitu Persatuan Nelayan bukan orang sebarang pun. Jadi Persatuan Nelayan dia kenakan *service charge*, tidak salah ini akan balik semula kepada nelayan.

Tetapi Yang Berhormat tadi menegaskan kata tidak sampai kepada nelayan itu perkara lain, itu kena bincang bersama di dalam Lembaga Pengarah mereka dan kalau ada lagi Yang Berhormat yang dirasakan tidak puas hati, bawalah usul tidak perlu bawa usul potong gaji tetapi bawalah dalam ucapan, tulis surat, beri justifikasi, insya-Allah Yang Berhormat kadang-kadang kita buat dasar ini bukan sahaja ini kita ambil semua pihak tetapi mestilah Kerajaan Barisan Nasional kita mendengar daripada kawan-kawan kita yang juga sangat prihatin.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Baik, bagi peluang.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tidak perlu potong gaji, dengan itu saya sebab masa ini. Dengan itu...

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Beri jalan, tadi sudah cakap jangan mungkir janji.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tidak, sebab ada lagi banyak ruang Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Jangan mungkir janji, jangan mungkir janji.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Jadi dengan ini saya ingin menolak Usul Potong Gaji iaitu di bawah Mesyuarat 66(99) dalam perbahasan Peringkat Jawatankuasa Undang-undang Perbekalan 2007. Terima kasih.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Jangan mungkir janji.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat, sila duduk.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Mungkir janji punya kakilah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dia tidak janji sama *youlah*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan diluluskan dengan syarat RM10 daripada maksud Bekalan B.21 kod 10000 emolomen di bawah Butiran 040000 iaitu dengan memotong gaji Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani sebanyak RM10 hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat minta bertenang. Kepala Bekalan B.21 dan Kepala Pembangunan P.21 di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

12.55 tgh.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakatuh, selamat sejahtera. Tuan Pengerusi, yang saya hormati Ketua Pembangkang, yang saya hormati Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya cuba mengambil peluang untuk memarang Undang-undang Perbekalan 2007 Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Beritahu Butiran Yang Berhormat.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tuan Pengerusi, sekejap tengok Butiran, lupa tadi. Tuan Pengerusi, Butiran 010500, satu masalah pemotongan padi. Padi menjadi masalah yang besar khususnya negeri Kelantan dan terutama di Pasir Puteh. Seramai 500 dalam surat khabar Tuan Pengerusi telah meluahkan perasaan tidak senang dengan pemotongan padi yang begitu tinggi, melonjak ketara sekali. Saya ada bawa guntingan saya hendak tunjuk dahulu sebelum saya bercakap sepatah dua. Ini ada 500 petani, 500 petani telah meluahkan perasaan tidak senang hati.

Tetapi mereka bersyukur, sebelum itu bersyukur berterima kasih kerana kerajaan Barisan Nasional khususnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani kerana bijak membuat keputusan menaikkan harga padi, diluluskan oleh kabinet betul tidak? Daripada RM550 bagi satu tan metrik kepada RM650, ini bijak. Tetapi yang tidak bijaknya ialah peringkat *implementation*, satu babnya ialah pemotongan padi itu sahaja, satu bab potongan padi. Saya mintalah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, tolong sampailah hasrat ini kepada Perdana Menteri, saya mewakili 35 ribu penanam padi di Pasir Puteh.

Saya harap penderitaan ini boleh diselesaikan bagi saya dengan izin, *there is a small matter, not a big matter*. Benda ini benda kecil tetapi risikonya besar kepada rakyat terutama kepada politik saya, politik bukan sayalah semua Ali-ahli Parlimen yang berada di Kelantan. Saya hendak buat sedikit perbandingan. Tuan Pengerusi, kos satu ekar bukan satu hektar, kalau satu hektar, dua ekar lebih. Satu ekar, apakah dia 'gala', 'gala' ini takut tidak faham dengan izin, bahasa kita 'gegala', bajak, RM250, benih RM124, racun RM65,

baja tambahan RM75, menuai RM165, ini satu ekar ini jangan silap faham. Tambang-menambang RM50, bayar kepada BERNAS.

Kelantan BERNAS tetapi BERNAS ambil RM5 sahaja, murah caj dia, maka jumlah semua RM734. Satu ekar ini Tuan Pengerusi, kalau kita kira pendapatanlah, kalau hendak kira saya sudah kira tadi. Kalau satu ekar boleh satu tan setengah metrik kalau padi itu molek. Kalau tidak molek padi tidak bagus, satu tan metrik satu ekar bukan satu hektar jangan silap faham, satu ekar. Apabila kita dengar tadi satu tan metrik RM650, jadi kita belanjanya semua sekali itu tidak masuk sewa tanah. Kalau yang buat padi itu pesawah itu tidak ada tanah, dia terpaksa sewa tanah RM100 lagi, itu saya tidak ambil kira itu. Tetapi maka kita tengok RM734 dengan RM650 termasuk subsidi, *tubiklah* RM800 lebih satu ekar pendapatan, tolak dengan kos RM734 tetapi kalau saya campur RM100 sewa tanah satu ekar ertinya RM834, yang kita boleh untung berapa dalam satu ekar ialah RM55.40.

Ini statistik yang saya buat setelah saya majmuk dengan penanam-penanam padi, saya turun ke padang, saya turun ke *grass roots* saya tidak bercakap dalam kertas. Sebelum saya hendak buat kertas ini saya turun, saya tanya seorang-seorang pembuat padi yang lama-lama. Dia kata saya tidak puas hatinya Yang Berhormat ialah tentang potongan, berapa potongan sekarang? Potongan saya sudah dapat, ini jelas kalau kita tengoklah potongan daripada 14% hingga 16% ke atas basah padi, dia selain basah itu ialah ada lagi kotoran, bercampur barang-barang dari luar, air dalam padi. Maka dulu potongan 14% hingga 16% tetapi sekarang ini dia potong 20%...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat sambung petang.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Setuju, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dewan bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tangguhkan mesyuarat ini sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat bagi Pasir Puteh untuk terus berucap.

2.32 ptg.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Assalamualaikum warahmatullah, salam sejahtera Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ingin menyambung sedikit sahaja lagi mengenai dengan Butiran 050000 iaitu Pemberian Subsidi Harga Padi dan mungkin saya akan menyebut sedikit Butiran 160900, dalam jangka masa 10 ataupun 9 minit saya akan tamatkan, Tuan Pengerusi. Saya tidak akan menghampakan harapan rakan-rakan lain yang hendak berucap.

Saya menyahut seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani kerana hasrat kerajaan hendak memenuhi pengeluaran negara 90% padi tempatan. Ini yang saya ambil peluang. Cuma saya melahirkkan pada pagi tadi ialah rungutan daripada 500 rakyat yang tidak senang hati dengan tindakan pemotongan padi basah. Bukan sahaja basah, juga melibatkan padi yang tidak bersih, hampa dan campuran bahan-bahan kotoran yang lain. Kalau kita melihat tahun lepas, tahun lalu ialah potongan yang dilakukan ke atas pembelian padi ialah 14

hingga 18 paling tinggi. Maksimum 18. Mulai pada tahun ini potongan dibuat ialah bermula 20 hingga ke 30.

Tuan Pengerusi, saya mencadangkan supaya potongan hendaklah dilakukan bawah pada 20. Paling tinggi 20%. Padi dibuat analisis sebelum potongan dibuat menggunakan sejenis mesin *moist meter*, dengan izin. Bahasa Orang Putih tetapi saya baca Kelantan.

Tuan Pengerusi: Apa dia?

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Bahasa Inggeris dengan bahasa Kelantan, *moist meter*.... [Disampuk] *Moist?* Jadi minta tolong Yang Berhormat bagi Ketereh sebut dengan betul.

Tuan Pengerusi: Oh, *moist*.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: *Moist, moist*.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: *Moist*. Apabila kita ambil 100 kilogram, taruk dalam mesin, picit sahaja boleh keluar berapa *percent* basah. Itu yang tepat. Kita tidak boleh gunakan akal sahaja untuk menilai basah kering. Dia ada dia punya sistematiknya. Bukan hendak bersyarah, Tuan Pengerusi, minta maaf, semangat!

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ya, boleh?

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Padi dibuat...

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Yang Berhormat, boleh saya minta penjelasan?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ketereh.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Oh, Yang Berhormat bagi Ketereh, saya terpaksa bagilah.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Yang Berhormat. Bila Yang Berhormat sebut *moist meter*, sebenarnya adalah ia bermaksud *water vapor content meter*. Alat itu hanya mengukur jumlah *water vapor*, dengan izin, dalam padi. Tetapi kalau ianya dibaca sebanyak 25% *water vapor content*, tidak boleh potong 25 sebab saya pernah bawa alat ini pergi kepada satu *drying machine*, mesin pengering. Padi yang telah masuk pengering selama 18 jam, bacaan *water vapor content*nya adalah 14%. Ertinya padi yang kering, bacaannya 14%. Jadi kalau baca 25, kena potong 10, bukan potong 25. Boleh Yang Berhormat bersetuju?

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Saya amat-amat bersetuju, Yang Berhormat bagi Ketereh kerana saya perjuangkan tidak akan berbelah bahagi dengan Yang Berhormat bagi Ketereh. Saya tidak akan menyokong pembangkang, saya akan menyokong Barisan Nasional.

Yang akhirnya, Tuan Pengerusi, pembelian padi juga hendaklah BERNAS teruskan juga pada hari Sabtu. Minta jasa baik wakil menteri kita ada di sini dan dia pun akan naik, insya-Allah. Jangan berhenti hari Sabtu kerana jangka padi berpanjangan musim padi, merugikan kepada pesawah. Analisis mutu padi bukan sahaja di BERNAS. Kita beri juga peluang di syarikat-syarikat swasta supaya ada persaingan. Saya hairanlah Yang Berhormat SUP. Minta maaflah SUP tidak berapa sedap, Setiausaha Parlimen, sahabat saya, Pasir Puteh boleh pergi jual padi ke Besut. BERNAS juga beli.

Bukan sekadar padi itu dipotong rendah, harga padinya standard tetapi drebar yang bawa padi itu boleh buat duit. Saya tidak tahu cara mana dia buat. Tetapi BERNAS saya di Pasir Puteh, drebar tidak dapat apa, potongan padi maksimum 18, 20 ke 30. Menangis tidak berlagu. Dia menangis tidak berlagu, Tuan Pengerusi. Menangis biasanya ada lagu tetapi ini tidak berlaku. Pasal apa? Buat padi satu ekar saya sudah kira tadi

untung RM55.50 sen. Sebab padi naik, harga daripada RM550 satu metrik tan naik kepada RM650, RM100.

Tetapi apabila kita potong 20 sampai 30, dia akan rugi lebih daripada itu. Ertinya buat padi hari ini kepada petani, rugi, Tuan Pengerusi, bukan untung. Kita hendak bina petani. Hasrat Perdana Menteri begitu tinggi dengan Hadharinya ialah membawa perubahan. Kita tidak mahu lagi beras Siam. Kalau boleh saya sudah kempen sekarang ini, tidak pakai lagi beras Siam kalau kita boleh keluarkan beras tempatan kerana hasil tadi akan meningkat, kita akan tingkatkan harga padi kalau kita makan beras tempatan.

Saya sendiri makan beras Siam pasal apa? Padi kita tidak ditingkatkan dia punya *standard of quality*, dengan izin Tuan Pengerusi. Saya mintalah supaya apa yang saya kemukakan tadi...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih. Boleh minta sedikit?

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Ha, boleh.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Minta jalan sedikit. Terima kasih.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Yang Berhormat bagi Larut, tidak boleh buat apa.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, saya pun simpati dengan Yang Berhormat, mungkin rakan-rakan yang lain masalah padi ini selalu kita bangkitkan di sini. Saya kalau hendak cakap pertanian ini banyak. Kawasan saya kawasan pertanian juga. Tadi Yang Berhormat sebut pasal BERNAS. Kita sudah banyak kali sebut masalah BERNAS di Parlimen ini. Kalau boleh kita minta pihak yang berkenaan, kerajaanlah, sesiapa juga yang memegang lesen ini, minta supaya bukan hanya BERNAS diserahkan tanggungjawab ini, diberi juga kepada pihak-pihak lain.

Barangkali kalau pihak swasta itu mungkin kita boleh tentukan pihak Peladang katakan, yang terlibat di kawasan Kelantan ini untuk turut sama membantu menyelesaikan masalah ini, bukan hanya dikawal oleh BERNAS sahaja. Ini mungkin lebih baik supaya ada persaingan macam pembelian yang lain. Apakah Yang Berhormat bersetuju kalau perkara ini dapat dilebarkan lagi, diberi kepada pihak-pihak lain untuk turut sama, bukan hanya BERNAS sahaja yang terlibat dalam pembelian ini. Saya setuju Yang Berhormat sebut tadi kalau katakan hari Sabtu kerana Sabtu cuti, Yang Berhormat.

Saya hendak cadang Tuan Pengerusi kalau bolehlah pihak kerajaan lihatlah balik mungkin ada jabatan-jabatan lain hari Sabtu ini kena kerja Tuan Pengerusi. Saya lajak sikit ke pertanian ini, contohnya pihak berkuasa tempatan perlu dibuka pada hari Sabtu kalau boleh, sebab untuk menyelesaikan pembayaran bil. Pejabat Tanah yang melibatkan orang awam, kalau hari Sabtu pun cuti ini menimbulkan masalah. Mungkin kerajaan boleh melihat supaya cuti, cuti juga tetapi dibuat secara dengan izin, *shift* yang kerja sebelah pagi yang kerja minggu ini dan minggu depan berterusan sebab Pejabat Tanah mustahak kalau diteruskan. Jangan kalau cuti panjang sangat sampai hari Sabtu ini akan menimbulkan masalah.

Macam disebut oleh Yang Berhormat bagi Pasir Puteh tadi ini bukan hanya melibatkan pembelian padi, penjualan padi tetapi mungkin kaunter-kaunter yang lain. Saya suka mencadangkan juga di sini kalau boleh pejabat-pejabat kerajaan ini pada hari makan tengah hari boleh juga turut dibuka kaunter-kaunternya. Kalau tidak silap saya Lembaga Pelesenan Kenderaan, Pengangkutan telah pun memulakannya iaitu pada hari makan tengah hari juga tidak ditutup Tuan Pengerusi dibuka.

Keadaan ini boleh diperkenalkan dan diguna pakai supaya *delivery system* kita, perkhidmatan kita lebih baik. Saya juga ingat perlu difikirkan hari Sabtu ini kaunter-kaunter tertentu seperti Pejabat Tanah, PBT dan Jabatan lain perlu diteruskan bukan bercuti pada hari Sabtu. Kalau kita hendak menyelesaikan banyak masalah. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Itulah perjuangan saya, saya terima sebulat. Bukan terima bulat saya terima sebulat. Tuan Pengerusi, saya hendak bawa sedikit pandangan sebab apa 54,400 keluarga petani di bawah Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu iaitu KADA, purata pendapatan mereka 10,500 setahun. Pendapatan keluarga bawah daripada RM1000. Kalau potongan macam ini apalah keluarga ini hendak makan? Macam mana kita hendak memartabatkan petani kalau kita tidak ambil kira tentang ini? Itu bukan marah, penekanan. Penekanan saya, maka dengan ini Tuan Pengerusi, saya merasakan bahawa cadangan yang diberi oleh Yang Berhormat bagi Ketereh, Yang Berhormat bagi Larut tadi juga oleh saya sendiri, saya mintalah supaya pihak kementerian supaya mengambil perhatian serius dan secara drastik. Dengan ini saya terima kasih.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih kerana mengizinkan saya untuk turut berbahas. Saya ada dua tiga tajuk saya akan pendekkan. Yang pertama saya hendak sebut mengenai dasar baru 16000,161200 iaitu Bank Pertanian. Bank Pertanian sebagaimana yang kita tahu diwujudkan oleh kerajaan untuk tolong petani. Tetapi yang menyedihkannya ialah saya dapati Bank Pertanian ini dia sudah jadi satu tempat yang sangat-sangat susah untuk dapat pinjaman. Saya ada pengalaman tersendiri Tuan Pengerusi sebagai Pengerusi Peladang Kawasan Sungai Ketereh sudah masuk tahun yang kesepuluh...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sebelum saya hendak pergi ke PWTC ini, saya setuju dengan Yang Berhormat tentang Bank Pertanian ini. Sekarang mungkin Yang Berhormat bagi Ketereh setuju, kena rombak balik. Di kawasan saya sendiri menghadapi masalah kalau di Bank Pertanian tempat kita sendiri tidak boleh diurus niaga mereka terpaksa pergi tempat lain, ini menimbulkan masalah. Saya bagi contoh tempat saya Tuan Pengerusi kena pergi tempat lain. Kononnya di tempat lain yang menyediakan perkhidmatan untuk membantu mereka untuk mendapatkan pinjaman. Ini menimbulkan masalah kalau ini sudah timbul masalah saya rasa kita rombak balik Bank Pertanian ini untuk mencapai sasaran yang sebenarnya. Kalau tidak sampai bila pun apa yang kita hendak cuba capai hasrat tersebut tidak akan dicapai. Apakah Yang Berhormat bagi Ketereh mungkin ke arah hala yang sama.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Itulah hala tuju saya, Yang Berhormat potong kereta saya. Saya setuju Yang Berhormat. Memang begitu saya hendak *relate* dengan izin pengalaman saya. Pertubuhan Peladang saya cuba hendak buat program untuk meringankan padi kawasan saya kawasan padi hendak buat pinjaman dengan Bank Pertanian. Saya mengambil masa dua tahun setengah untuk lulus Tuan Pengerusi. Itu pun prosedurnya terpaksa kita ikuti, mula-mula Pertubuhan Peladang kena ada cagar, okey cari cagar, harta peladang tidak ada akhirnya saya mencagar tanah Pengerusi Pertubuhan peladang. Rumah saya di kampung itu saya cagarkan kepada Bank Pertanian untuk membolehkan Pertubuhan Peladang saya membuat pinjaman. Kemudian sudah lulus semua hendak keluar duit *draw down take eight month* untuk *draw down* lepas itu hendak keluar duit pula mesti letak duit deposit RM100,000 hendak keluar RM500,000 dan hendak pinjam RM500,000 kena letak pula duit RM100,000. Di mana hendak cari dan jadi ertinya duit yang kita dapat hanya RM400,000.

Ini pengalaman yang berlaku pada saya. Saya mengadu kepada Ahli Lembaga Pertanian, kawan saya, sekarang Lembaga Pengerusi Bank Pertanian telah diubah. Alhamdulillah, Tuan Pengerusi, Pengerusi baru Bank Pertanian saya sudah bawa masalah ini dia kata inilah sebenarnya yang menyebabkan Bank Pertanian mesti disusun semula. Bank Pertanian mesti petani *friendly* itu nombor satu asas dia. Yang lain-lain itu tidak apalah hendak pindah, hendak ubah tetapi mesti petani *friendly*. Orang Melayu hendak pinjam duit hendak berniaga kalau sudah dua tahun Pertubuhan Peladang hendak berniaga, projek yang hendak buat itu sudah hancur sudah habis entah ke mana itu tajuk Bank Pertanian

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Ketereh. Saya memang tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat tadi bahawa Bank Pertanian perlulah petani *friendly*. Saya sudah meneliti apa Yang Berhormat

cakap tadi sebenarnya banyak kerenah birokrasi dalam Bank Pertanian dan menyebabkan ramai petani tidak dapat. Di kawasan saya juga Yang Berhormat, walaupun dinyatakan bahawa kawasan itu kawasan pertanian moden, tetapi sampai sekarang pekan Ayer Hitam kita sudah minta banyak kali Bank Pertanian tetapi dia pun tidak datang. Apa sebabnya Bank Pertanian itu begitu susah hendak membantu petani dan saya rasa Ayer Hitam tempat petani dapat menyara hidup. Apa pandangan Yang Berhormat, apa cara pembaharuan yang perlu dibawa?

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Saya setuju Yang Berhormat sebab memang saya pun selalu dahulu-dahulu semasa menjadi juruukur di Kementerian Tanah dahulu saya selalu lalu ikut Ayer Hitam, Ayer Hitam memang kawasan pertanian dan saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat itu saya setuju. Tidak ada cara lain sebenarnya, caranya ialah kita kena pilih, kita kena buat, kita kena ubah dasar supaya seperti yang saya kata tadi ialah dalam bahasa yang mudah ialah petani *friendly*. Bila petani *friendly* hendak buat pinjaman mudah, hendak buat cagaran mudah, hendak bayar pun kena mudah supaya kita boleh bantu petani sebagaimana kehendak Perdana Menteri. Saya ingat saya hendak pindah tajuk. Yang kedua saya hendak sebut hari ini ialah mengenai 0600 dan 05000 pemberian subsidi harga padi dan pemberian subsidi harga baja.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Pengerusi, berpatah balik kepada Bank Pertanian. Pada masa lampau saya tengok apabila ada permohonan untuk *loan*, pegawai bank lebih-lebih lagi Bank Tionghua dia pergi ke rumah Ketereh tengok rumah dia, tengok sawah dia, dan kalau dia rasa orang itu boleh bayar balik dia bagi *loan*. Dia pergi ke rumah Yang Berhormat bagi Lubuk Antu tengok ladang dia, dia fikir ini boleh bayar balik. Jadi, cagaran masa itu tidak diperlukan tetapi masih juga mereka memberi pinjaman kepada orang yang suka meminjam dan bank mereka juga tidak *bankrupt*. Tetapi sekarang apabila saya mendengar Bank Pertanian saya sudah muak sudah tidak ada *hope* hendak dapat pinjaman. Macam mana cadangan Yang Berhormat bagi Ketereh untuk mengatasi persepsi yang seperti ini.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Sebenarnya saya pun kalau saya cadangkan kena saya menjadi menteri barulah saya boleh cadangkan tetapi saya ingat yang ini Yang Berhormat Menteri kena jawab yang ini. Yang pentingnya saya setuju dengan Yang Berhormat, saya ada satu orang kawan lagi saya bercakap dengan peguam minta maaf dalam Parlimen ini tidak apa. Saya bercakap dengan peguam Bank pertanian yang mewakili Bank Pertanian untuk tandatangan dengan pertubuhan saya itu. Dia setuju dengan saya, dia kata Bank Pertanian ini memang teruk. *Lawyer* Bank Pertanian itu. Janganlah pula Bank Pertanian selepas ini senarai hitamkan dia.

Saya ada seorang kawan lagi bekas Senator dia buat kilang padi di Pasir Mas. Dia hendak pinjam RM3 juta untuk buat kilang padi dan pada masa itu tidak ada kilang padi. Dia punya *give-up* tiga tahun baru dia dapat lulus akhirnya dia mengadu kepada bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir. Dia mengadu pada Tun Dr. Mahathir, Tun Dr. Mahathir telefon Bank Pertanian baru lulus RM3 juta.

Saya tidak tahu di mana silapnya sama ada dia tiada perasaan mungkin juga pegawai-pegawai Bank Pertanian ini sebenarnya tidak petani. Dia tidak faham kehendak petani. Tetapi tidak apa saya ingat sudah cukup dia orang faham bahasa itu sebenarnya. Bahasanya ialah kita Parlimen hari ini bersetuju menubuhkan Bank Pertanian sebenarnya untuk membantu petani. Dalam waktu yang sama kita tidak hendak bank itu *bankrupt*, tetapi dalam hendak menjaga supaya bank itu tidak *bankrupt* itu longgarkanlah sedikit seolah-olah supaya rakyat tidak ada persepsi yang tadi mendapat gambaran Bank Pertanian ditubuhkan untuk membantu petani... Saya pun hendak pergi PWTC juga, hendak jumpa Presiden sekejap lagi.

Subsidi baja RM186 ribu, subsidi harga padi RM448 ribu. Yang saya tidak faham dengan sistem baja ini, sudah hampir 20 tahun kita menggunakan sistem baja yang sama, iaitu baja kimia. Saya berpendapat sudah sampai masanya dan saya menyeru kerajaan hari ini supaya menggubah strategi ini saya tidak faham jumlah duit yang digunakan untuk subsidi baja ini terlalu banyak. Tetapi, sebenarnya baja kita ini sudah tidak memberi hasil sebab tanah itu sudah menjadi masak. Saya rasa sistem pemberian subsidi baja itu betul, tetapi pemilihan bajanya salah.

Tanah tidak menjadi, kenapa kita tidak kembali kepada dahulu iaitu menggunakan baja organik. Saya menggunakan baja organik untuk kawasan padi kawasan saya, ada dua mini estet. Satu mini estet di Kampung Padang Lembek, satu lagi mini estet di kampung saya. Saya menggunakan tambahan baja iaitu baja organik. Baja organik ini dia memulihkan tanah. Yang Berhormat bagi Kepong tidak ada hari. Kalau badan kita sakit, sakit kulit apa semua, dia pakar kulit. Kita tidak menjadi, makan apa sekali pun asyuk menggaru sahaja, gatal sebab kulit kita sakit. Tanah juga begitu, kalau tanah ini tidak dipulihkan bubuhlah apa sekali pun hasilnya tidak menjadi. Apakah kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula? Saya bimbang, kita buat subsidi ini kerana hendak memenuhi kehendak satu persatuan, misalnya Pertubuhan Peladang Kebangsaan yang mendapat subsidi ini yang menjadi pengimport utama kepada baja ini, Nafas.

Saya risau Nafas dapat duit, Nafas ini sebenarnya sepatutnya dia berjuang untuk petani. Tetapi, Nafas dapat hak ini, dia pun *order* baja, baja itu tidak ada kajian sampai sekarang. Terus baja yang sama. Tambah petani tidak dapat manfaat, tetapi Nafas dapat manfaat. Beratus juta seratus. Apakah benar itu berlaku? Saya minta kerajaan mengkaji perkara ini. Kaji dan gunalah baja organik sebab saya yakin baja organik bukan sahaja boleh memulihkan tanah, tetapi hasilnya juga boleh memberi pulangan kepada kita yang makan. Subsidi harga padi, saya hendak sebut sekali lagi. Yang ini hendak suruh Kementerian betul-betul faham tentang potongan padi. Kalaulah betul seperti jawapan Dato' Setiausaha Parlimen bahawa tahun ini pemotongannya adalah berdasarkan kualiti padi, tahun lepas dia potong bukan kerana kualiti padi, tetapi saya tidak faham kenapa baru tahun ini hendak buat?

Apakah kerana harga padi sudah dinaikkan? Harga padi di Kelantan, di seluruh Malaysia sudah dinaikkan daripada RM55 kepada RM65. Daripada RM550 satu tan, kepada RM650, naik seratus ringgit. Di Kedah sudah lama bayar harga RM70 ini ataupun RM750 ini sudah lama di Kedah, di Selangor di Sekinchan baru di Kelantan. Tiba-tiba bila harga padi naik, potongan pula bertambah. Minggu lepas, dua hari lepas hari Sabtu, saya pergi ke tiga buah kilang padi, saya balik kawasan. Saya tanya petani, kenapa potong banyak sangat? Dia orang kata dia pun tidak faham. Saya tanya pengilang padi, dua orang pengilang padi bagi maklumat pada saya, kalau dia tidak potong seperti ini, tidak potong 25% atau 28%, kadang-kadang pergi sampai 30%, kami rugi dia kata.

Pengilang itu rugi sebenarnya. Saya kata kenapa rugi? Sebab dia kata, 'Kami terpaksa *absorb*, terpaksa ambil kos kenaikan harga padi itu dengan tidak boleh menjual harga beras dengan lebih tinggi. So, di mana kami hendak dapat duit ini? Caranya kami potong padi. Jadi saya bimbang niat kerajaan mengumumkan empat perkara yang sangat-sangat bagus ini, sebelum pada itu, saya hendak kena tahniah, yang marah, marah juga, yang tegur, tegur juga. Yang tahniah kepada kementerian pun bagus juga, yang buat empat perkara ini betul iaitu yang pertama memberi subsidi harga padi dikekalkan, iaitu tidak ada masalah.

Yang pertama memberi insentif, kalau dahulu padi ialah empat tan, kalau sekarang dia naik lima tan, dia dapat bantuan sebanyak RM650 insentif, itu bagus. Kemudian membagi insentif untuk baja RM140 satu hektar, membagi insentif untuk upah membajak RM100 satu hektar sudah RM240 satu hektar dan yang ketiga ialah, kenaikan harga padi.

Tetapi, saya bimbang kerana dilihat bahawa petani ini sudah dapat duit tambahan, hasil daripada Program Kerajaan ini, maka peniaga, orang tengah macam yang, Yang Berhormat bagi Larut sebut tadilah BERNAS yang menguasai penguasaan padi negara ini, yang menguasai hal-hal beras negara ini, BERNAS ambil kesempatan daripada perkara ini kemudian menindas petani. Ertinya kerajaan naikkan harga seratus ini, duit tidak sampai kepada petani, macam saya sebut selalu, tetapi duit itu sampai kepada pengilang padi, sampai kepada BERNAS. BERNAS yang ambil untung dari duit kenaikan ini. Ini adalah tidak adil. Kerajaan buat perkara ini untuk tolong rakyat, tetapi peniaga yang ambil kesempatan. Saya minta bahagian kawal selia. Saya diberitahu semalam kawal selia Kelantan telah bermesyuarat dengan petani, sebab sampai ada demonstrasi, Tuan Pengerusi.

Ada demonstrasi rakyat sebab tidak pernah tengok padi mereka dipotong sampai 28%, tidak masuk akal. Getah yang basah itu, air menitik, bertitik air yang ambil susu getah

itu, yang beku itu tidak dipotong 25%, Tuan Pengerusi. Tidakkah padi yang tidak ada air, padi yang hanya ada jerami ini dipotong sampai 28%. Pada saya 18% adil, 18%, 19% adil, 20% boleh lagi. Ada pula pekilang ini kebetulan saya ada di kilang hari itu, dia tengok pula petani ini daripada mana, Tuan Pengerusi.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: [Bangun]

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Sekejap. Petani ini ada dia kenal, dia kata yang ini tidak apalah 20%. Dia boleh runding pula macam itu. Jadi, mekanisme yang harus dibuat ialah dia hendak potong, mesti ada kaedah, mesti ada sifir, mesti ada orang yang berkuasa, jangan main runding-runding sahaja. Yang Berhormat bagi Mambong.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Mambong.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hairanlah bagaimana pihak yang membeli padi ini menetapkan kadar air untuk potongan ini, kandungan air untuk potongan ini. Tidak adakah peralatan untuk mengukur kadar air di dalam padi ini? Kerana untuk bahan-bahan yang lain *moisture* meter ataupun meter, untuk mengukur bahan-bahan air ini, di dalam apa sahaja *substance* memang sudah wujud, sudah ada. Saya sudah lama menggunakannya kenapa padi dibuat begini? Ini adalah satu penipuan saya agak. Kalau tidak ada peralatan digunakan, mohon penjelasan.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Yang Berhormat, saya sudah sebut tadi awal, saya pernah tengok dalam satu kilang padi, dia guna *moisture* meter. *Moisture* meter ini adalah satu alat yang dibuat khusus seperti Yang Berhormat bagi Mambong kata untuk mengukur tahap *water vapour content* dalam mana-mana dalam *grain*, dalam padi. Tetapi, *this moisture* meter ini bacaan dia tidak boleh baca kosong, sebab saya sebut tadi. Padi yang telah masuk 18 jam dalam *dryer*, ertinya sudah kering 100% kering. Apabila bubuh *moisture* meter ini dia bacaannya ada 14, paling kering 12. Maknanya kalau padi itu kering langsung tidak boleh. Jadi, kalau dia baca 25 atau 30, dia tidak boleh potong 14. Alat ini sudah ada, tetapi alat ini sebenarnya telah disalahgunakan. Lalu saya tanya, alat ini baca 25, potong 14. Dia kata, "Ya, kita potong 14." Tetapi, ada benda lain pula yang menjadi elemen baru sekarang ini.

laitu kononnya elemen sampah, elemen padi muda, elemen jerami dan perkara-perkara lain. Saya naik atas satu penuai. Penuai ini pun ada satu teknik dia, iaitu apabila kita menuai padi, dia ada *blower*, peniup angin yang akan memisahkan antara padi dengan sekam ataupun dengan padi yang tidak bernas atau dengan sampah. Oleh kerana di Kelantan, upah menuai ini dia ikut guni iaitu RM8 satu guni, kalau dapat 18 guni, dia kali dengan RM8. Maka tuan punya penuai ini pula, tuan punya mesin penuai ini akan memperlakan *blower*.

Apabila dia memperlakan *blower*, ertinya sampah akan bercampur sekali dengan padi. Maka dia akan dapat jumlah guni yang lebih. Tetapi, di Kedah mereka tidak menggunakan sistem ini. Mereka menggunakan upah menuai padi adalah berat. Maka saya cadangkan kepada kawal selia di Kelantan jangan lagi guna guni. Sebab satu guni sudah RM8, kalau campur dengan sampah sepatutnya hasil lapan guni, dia jadi 10 guni, sebab sampah ada semua ada dalam, dia sudah untung RM16. RM16 pada petani untuk satu tan, kalau dia dapat 10 tahun, sudah RM160, itu harga padi. Jadi, saya minta hendak menyeru kerajaan tolonglah selesaikan masalah ini.

Rakyat menunggu saya bercakap dalam Parlimen ini mengenai potongan harga padi. Pergilah ke Kelantan, pergilah ke kawasan Kemubu, cakap-cakap sekarang ialah kerajaan naikkan harga padi, tetapi sebenarnya rakyat tidak dapat. Saya yang jadi masalah dia, tidak marah pada BERNAS. Rakyat ini dia tidak marah pada pengilang padi, dia marah kepada kita, kepada wakil rakyat. Ini yang jadi masalah, kita terangkan juga, kita cakap dengan BERNAS, BERNAS pula monopoli. BERNAS ini pun satu hal juga, saya ingat kerajaan hendak kena kaji, kuasa BERNAS ini saya ingat sudah sampai masa untuk kita buka soal beras dan padi ini jangan bagi *sell* kepada BERNAS sahaja. Saya ingat sudah sampai masa.

Akhir sekali Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap mengenai FAMA. Petani di kawasan saya selain daripada tanam padi, baru-baru ini saya buat

program tanam lada. Tanam lada ini yang dibeli oleh pihak syarikat yang mengeluarkan cili sos. Yang saya tak faham dengan fungsi FAMA ini ialah sebenarnya apakah fungsi FAMA ini?

Setahu saya, fungsi FAMA ini ialah untuk memastikan bahawa petani boleh mendapat pasaran mengenai perkara-perkara yang mereka tanam. Kalau dia tanam *muskmelon*, FAMA beli. FAMA akan uruskan soal penjualan dan apa sahaja bentuk pertanian yang lain akan diuruskan oleh FAMA. Persoalannya, apakah FAMA buat begini sekarang? Dahulu ya, FAMA buat begini. Sekarang? Sekarang tak nampak. Saya risau penubuhan FAMA ini. Sekarang kita sudah ada pengerusi baru, Ahli Parlimen. Saya harap pengerusi baru kita ini akan memperbetulkan FAMA ini supaya menjadi betul-betul pembela kepada rakyat petani. Bukan sebagai pembeli, tetapi pembela. Bila dia bela, dia jadi orang yang mempertahankan petani.

Baru-baru ini, FAMA hendak lulus RM100 juta untuk buat terminal makanan di Kelantan. Saya cadang supaya kaji semula tempat itu. Tempat yang dipilih itu sangat-sangat tak sesuai. Kalau menambun sahaja tanah itu, tanah itu sebelah pula dengan tempat Kerajaan Negeri Kelantan buka kawasan baru, Perbadanan Bandar Baru Tunjong. Tiba-tiba kita nak buat terminal makanan. Saya ingat tanah itu tak sesuai, kena pindah tempat lain. Buat di Kelantan juga tapi pindah ke tempat lain sebab tidak sesuai...

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Yang Berhormat bagi Bera.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih. Ini soal FAMA. Saya nak dapatkan pandangan daripada Yang Berhormat. Saya tengok fokusnya, caranya masih lagi cara lama. Masih lagi pelannya hendak mewujudkan lebih banyak pasar tani dan sebagainya. Kalau kita lihat, majlis daerah buat pasar tani. Di kawasan saya, semua JKKR FELDA buat pasar malam sendiri untuk petani-petani menjual hasil pasaran mereka. Jadi saya rasa FAMA perlu berubah cara. Patut menjadi *marketing arms* untuk petani-petani.... [Disampuk] Tak buat! Kalau buat, takkan timbul masalah petani-petani tak boleh hendak memasarkan pasaran mereka. Kita kata, keluarkan kerepek banyak-banyak. Di tempat saya, di kawasan saya, penduduk FELDA mengeluarkan kerepek pisang dan kerepek ubi yang begitu banyak. Kita kata *packaging* nya tak elok. Pembungkusannya tak elok, macam mana nak dipasarkan? Betul.

Tapi soalnya, FAMA tak beli hasil daripada mereka. FAMA dok buka nak tambah pasar tani daripada dua hari seminggu nak ditambah jadi tiga, empat hari seminggu. Tak perlu! Saya rasa perlu ada cara-cara yang lebih baru. Saya ada buat soalan Parlimen dahulu, soalan lisan. Saya tak salahkan Pengerusi baru, sebab saya tahu tangan dia terikat sebab untuk pengiklanan misalnya, saya difahamkan RM2 juta sahaja untuk mengiklankan barang-barang yang hendak dikeluarkan oleh FAMA. RM2 juta termasuk iklan, promosi dan sebagainya. Tak cukup! Kalau betul-betul hendak jadi agen pemasaran, ia seperti syarikat swasta yang lain. Iklannya cukup, duitnya cukup untuk buat iklan. Sekarang hasil yang dikeluarkan oleh FAMA tidak nampak dalam televisyen. Tidak nampak dalam surat khabar hari-hari. So, macam mana nak pasarkan barangan kalau orang tak tahu barang-barang yang hendak dipasarkan? Jadi, saya harap, saya nak minta pandangan Yang Berhormat Keterehlah.

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Bera. FAMA tidak boleh jadi *neither here, nor there*. Hendak jadi pembeli barang petani atau hendak jadi *promoter* atau hendak jadi pengedar. Kita mesti buat satu keputusan yang jelas, ke mana sebenarnya FAMA hendak bawa FAMA ini? Saya minta kerajaan ambil perhatian. Yang Berhormat bagi Pasir Mas tadi?

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: [Menggelengkan kepala]

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Tak ada? Akhir sekali, saya...

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Bukan Pasir Mas, silap sebut.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Oh, *okay*.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Ketereh. Saya hendak tambah sikit sahaja lagi tentang FAMA tadi. Hari ini, kita dok galakkan pertanian secara integrasi. Timun madu, labu madu, jagung madu, semua madu. Tetapi kita tidak ada *factory* untuk jagung. Tidak ada FAMA tolong *marketingkan* untuk tanaman tadi, saya boleh beli RM5.00, berat bawa Tuan Pengerusi, buah tembikai. Lima biji RM5.00. Di sini harga RM5.00 sebiji. Maka saya hendak supaya FAMA berfungsi sebagai FAMA untuk *marketing* cara komersial, *global market*. Kita tak hendak untuk petani sahaja. Fasal petani, untuk petani beli. Tetapi *global market*. Itu nama baru. Terima kasih.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya hendak tutup ucapan ini dengan seruan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Baguslah dah hendak buat program pertanian. *Emphasis* kerajaan pun hendak buat, bagus memang bagus. Tetapi yang menjadi kerisauan kita di bawah ialah program ini tak sampai ke bawah. Tak sampai di bawah. Kawasan saya di Ketereh, ada pejabat haiwan, ada pejabat pertanian, sunyi!! Macam berhantu tempat itu. Tak tahu kenapa jadi begitu? Adakah kerana *emphasis* dulu telah ditinggal begitu lama, maka sekarang kita hendak perbetulkan?

Jadi seruan saya yang akhirnya kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, pastikan bahawa kita mempunyai kakitangan yang cukup, kakitangan yang terlatih, supaya peruntukan yang sebegini besar yang telah diperuntukkan, *realign* kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini terus sampai kepada rakyat supaya hasrat rakyat ini tercapai. Terima kasih, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

3.06 ptg.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat bagi Sabak Bernam ingin turut mengambil bahagian dan ingin memberi nilai tambah sebenarnya kepada program pertanian agar wawasan Kementerian ini untuk memastikan, mengimarah pertanian akan dapat membantu rakyat. Perkara yang pertama ialah Sabak Bernam ingin menyebut tentang Butiran 00300, iaitu MARDI. MARDI telah pun membuat kajian dan memiliki 300 teknologi, tetapi sehingga kini belum jelas ataupun belum begitu jelas mana satu sebenarnya daripada kajian MARDI ini yang telah dapat membantu rakyat?

Saya merakamkan penghargaan kepada MARDI khususnya baru-baru ini datang ke Sabak Bernam untuk membuat kajian mengenai masalah yang dihadapi oleh petani cili api di Sabak Bernam. Kita sedang melaksanakan satu program tanaman cili api secara besar-besaran. Sebenarnya persoalan itu mudah sahaja. Dalam satu kawasan lebih dua ekar yang ada 2,000 pokok cili, kita dapati di situ ada tanaman yang subur dengan hasil yang cukup baik. Tetapi di tempat yang sama juga, ada tanaman yang kering. Masalah perairan, masalah pembajaan, nampaknya tidak ada masalah. Tetapi walaupun sudah sebulan pihak MARDI datang ke Sabak Bernam, sehingga kini yang telah diambil hanya gambar sahaja. Tetapi tidak ada maklum balas untuk membantu petani.

Jadi kita sangat berharap supaya pihak MARDI akan mengambil tindakan segera kerana Sabak Bernam ingin mengalu-alukan kerana Yang Berhormat Menteri Pertanian, insya-Allah akan hadir melawat Sabak Bernam pada akhir Januari 2007 dan kita mengalu-alukan. Perkara kedua ialah Butiran 010600. Sila sahabat saya Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Oleh sebab Yang Berhormat bagi Sabak Bernam hendak beralih tajuk, saya berminat dengan MARDI sebentar tadi. Saya pernah mengutarakan satu soalan kepada Yang Berhormat Menteri tentang sikap MARDI kepada kajian ataupun penyelidikan yang dilaksanakan. Adakah setiap kajian dan penyelidikan yang dilaksanakan berbentuk

reactive, berasaskan kepada aduan-aduan ataupun rungutan yang diterima daripada petani-petani di kebun?

Jadi apa Yang Berhormat bangkitkan sebentar tadi menampakkan kepada kita bahawa sebenarnya masalahnya bukan di peringkat penyelidikan, bukan di peringkat kajian tetapi adalah masalah komunikasi dari makmal ke kebun. Apa yang berlaku di dalam makmal cuma mungkin boleh saya istilahkan sebagai 'syok sendiri' di dalam makmal. Tidak sampai ke peringkat pelaksanaan secara massa untuk petani-petani kita di kebun. Apa pendapat Yang Berhormat bagi Sabak Bernam? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Saya sebenarnya melihat kurangnya koordinasi antara jabatan di peringkat Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di sini. Sebagai contoh, MARDI sendiri. Kita ada laporan MARDI bahawa beratus kajian telah dibuat, seperti yang disebut tadi mengikut catatan ada lebih kurang 300 dan ramai di antara pengkaji ini telah menerima anugerah pingat emas, pingat perak dan pingat gangsa. Tetapi tidak turun ke bawah. Jadi kita difahamkan bahawa, yang akan melaksanakan segala kejayaan kajian ini ialah pihak pertanian. Tetapi bila ditanya pihak pertanian pula, tidak nampak pula apa yang telah dilaksanakan.

Oleh sebab itu, isu ini saya rasa sangat-sangat penting untuk pihak kementerian mengambil tindakan segera kerana daripada sinilah nanti kita boleh mewujudkan projek-projek ekonomi contoh yang boleh membantu para petani. Saya hendak teruskan Tuan Pengerusi kepada 010600 iaitu sistem perairan.

Sabak Bernam berharap supaya rancangan untuk membantu pesawah padi di kawasan Sungai Besar, sawah sepadan dan Sekinchan supaya dapat dilaksanakan segera khususnya masalah yang dihadapi waktu kemarau kekurangan air. Jadi kita sebenarnya sangat berterima kasih kerana pihak kementerian telah pun meluluskan untuk melaksanakan satu projek kolam takungan. Daripada tiga itu sebenarnya telah diluluskan satu iaitu di Sungai Nipah tapi sehingga kini belum dilaksanakan.

Sebenarnya projek ini apabila dilaksanakan akan sangat membantu petani-petani ini. Janganlah tunggu musim kemarau datang baru projek ini akan dilaksanakan dan kita harap di ketiga-tiga kawasan itu dapat disegerakan kerana Sabak Bernam tidaklah hendak bangga tetapi di kawasan ini sebenarnya ramai petani kita sudah mencapai pendapatan satu hektar 10 tan dan ia boleh dijadikan contoh, insya-Allah kepada petani-petani yang lain.

Perkara yang kedua ialah baru-baru ini berlaku hujan lebat yang tidak menentu di luar musim dan berlaku banjir di banyak kawasan kebun di kawasan Sabak Bernam khususnya di sungai air tawar. Pihak kementerian telah pun meluluskan kunci air bagi kawasan itu. Jadi kita sangat berharap supaya projek kunci air sungai air tawar ini dapat disegerakan kerana kita difahamkan telah diluluskan dalam RMK-9. Jadi walaupun petani telah dan sedang menanggung kerugian tetapi sebenarnya petani tidak akan buat apa-apa bantahan kerana pihak kerajaan telah pun menyediakan pelbagai kemudahan yang sedang dinikmati oleh rakyat. Tapi kita sangat berharap supaya dapat diambil tindakan segera perkara ini.

Dan yang akhir sekali Tuan Pengerusi, Sabak Bernam ingin pergi kepada Butiran 170900 - Industri Babi. Tapi tidak ada kaitan dengan mempromosikan pembangunan industri babi. Sebenarnya di Sabak Bernam pada masa ini terdapat tidak kurang daripada 50,000 babi hutan berkeliaran. Jadi babi-babi ini sebenarnya mengganggu penduduk khususnya dalam kumpulan mereka yang ingin bercucuk tanam. Sebenarnya saya difahamkan sahabat saya Yang Berhormat bagi Lubok Antu di sana kekurangan babi hutan ini. Jadi apabila kira-kira dua tahun yang lepas saya bercakap mengenai perkara ini dia kata rakyat Lubok Antu hendak datang kita Sabak Bernam untuk berburu.

Kita mengalu-alukan sebab Tuan Pengerusi, perkara ini memberikan kesan yang sangat besar kepada petani kerana banyak perusahaan pertanian ini yang telah diganggu gugat oleh babi dan sekarang ini ditambah pula dengan monyet atas nama lotong dan kera

yang sekarang ini berperang dengan masyarakat dan perkara ini tidak lucu sebenarnya, Tuan Pengerusi, sebab rakyat sekarang ini menanggung bebannya.

Oleh kerana itu, kita memohon pihak kementerian ini dapat berbuat sesuatu supaya masalah ini dapat diatasi segera dan insya-Allah rakyat akan mendapat manfaat. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

3.13 ptg.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat petang. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengambil kesempatan yang sama, insya-Allah, pada petang ini untuk sama-sama beri pandangan kepada butiran ataupun maksud Bekalan 21. Apa yang saya sempat catat sekejap tadi iaitu 010000 di bawah ibu pejabat. Apa yang saya hendak tekankan sebagaimana yang saya telah sebut pada tahun lepas iaitu saya melihat bahawa ibu pejabat di mana-mana sahaja baik di Kelantan ataupun di luar daripada negeri Kelantan, pengurusan ibu pejabat bagus.

Tetapi bila kita turun ke bawah saya rasa di situlah menampakkan suatu perkara yang semacam tak kena kerana petani-petani kita tahu bahawa sebahagian besar daripada petani-petani kita mewarisi daripada ibu bapa mereka pada tahun 40-an ataupun 50-an. Jadi mereka melaksanakan kerja mereka dengan secara tradisional ataupun setidak-tidaknya pandangan mereka, fikiran mereka dan konsepsi mereka tentang pertanian itu masih tidak berubah dan saya nampak bahawa gagal kita kerana mereka tidak dikursuskan. Kalau yang lain kursus tubi itu diadakan pada setiap musim. Apa lagi kalau dekat pilihan raya Tuan Pengerusi selalu diadakan kursus itu kursus ini. Mengapa petani-petani kita tidak dikursuskan.

Di dalam usaha kita untuk meningkatkan pemakanan di negara kita sebagai baluh ladang negara kita kerana kita tahu bahawa petani kita ini membekalkan makanan kepada negara. Kita jangan melihat kecil kepada petani-petani kita. Kita melihat petani kita sama dengan pegawai-pegawai kerajaan. Kalau tidak ada petani mana pegawai kerajaan boleh hidup. Tidak boleh. Beras daripada petani. Kerana itulah Tuan Pengerusi ada satu syair Arab mengatakan... [*Bercakap dalam bahasa Arab*] dan syair ini kalau tidak silapnya dikeluarkan oleh Yang Berhormat bagi Pasir Putih boleh membantu saya. Dalam mukadimah Ibn-Khaldun kalau tidak silap, menyebut bahawa manusia dengan manusia masing-masing memerlukan di antara satu sama lain dan masing-masing menjadi khadam. Orang berkhidmat kepada orang lain. Tuan Pengerusi berkhidmat kepada Parlimen, saya berkhidmat kepada rakyat, rakyat berkhidmat kepada saya dan saya berkhidmat kepada Parlimen.

Kita seolah-olahnya semacam air yang berputar tidak berkesudahan dan putaran ini sebenarnya memberi manfaat kepada kehidupan manusia. Kerana itulah, Allah S.W.T menyebut.... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Allah menurunkan hujan daripada langit, hujan daripada langit ulama-ulama mengatakan bahawa hujan ini hasil daripada sedutan wap yang naik daripada laut dengan meninggalkan masin di laut kemudian hari itu dengan secara tidak sedar oleh kita dihisap oleh matahari. Kemudian dihimpun di langit dibawa oleh awan-awan mendung di mana-mana kemudian diturunkan dengan ketetapan Allah S.W.T. Maka daripada air itu ada mengandungi buah sebagai rezeki kepada manusia.... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Oleh yang demikian jangan kamu menjadikan Allah itu syirik dalam memberi rezeki, tidak ada orang bagi rezeki. Tidak ada orang yang menyumbangkan rezeki melainkan Allah.

Ini adalah satu perkara yang mesti difahami kerana itulah mengikut Ibn Khaldun teori dan praktikalnya sekali yang menjadikan mukadimah Ibn Khaldun begitu termasyhur bagaimana Ibn Khaldun mengaitkan bahawa kehidupan manusia ini bergantung rapat di antara satu sama lain dan di antaranya pertanian. Kerana itulah kita mesti melihat ibu pejabat mesti melihat bahawa pak-pak tani di kampung itu merupakan satu saham yang paling besar untuk mengenyangkan negara kita. Kalau tidak mereka akal dan adat bukan syarak mengatakan bahawa penduduk akan menghadapi kebuluran. Kerana itulah mereka mesti dikursuskan dan kursus ini jangan hanya kursus oleh golongan-golongan yang

standard akal nya sama dengan mereka. Mesti ibu pejabat ini turun kepada mereka dan saya pernah sebut perkara ini kepada ucapan saya dalam sesi yang lepas.

Tapi saya melihat setahun dua tahun tidak ada apa-apa perkembangan. Kalau KADA panggil kursus saya tahu bahawa KADA di kampung saya panggil kursus yang baliknya saya dengar tidak lain untuk memujuk mereka supaya tinggal PAS masuk UMNO. Ini betul. Ini bukan satu dakwaan yang kosong. Saya tidak perlu berbohong di sini dan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani pergi di kampung saya, saya tahu. Orang ini orang PAS. Hasil daripada wangnya, hasil daripada pelbagai yang diberikan akhirnya dia masuk UMNO. Saya kata pergi, tak ada apa. Saya rela, saya biarkan.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Minta laluan.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Dia hendak pergi, pergilah kerana kita tidak....

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Saya hendak tambah. Saya akui Yang Berhormat bagi Pasir Mas bercakap tadi Tuan Pengerusi. Kursus yang dibuat ada berbagai-bagai tapi yang tinggal PAS tadi saya tak setuju. Ada yang tinggal UMNO masuk PAS. Tak kursus pun dia tinggal kalau dia hendak tinggal. Tapi saya hendak saya di Pasir Puteh, dengar ini Yang Berhormat bagi Pasir Mas saya kata berbeza parti matlamat sama. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin datang sebagai Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani dia bagi ucapan dia hendak buat perubahan kepada sektor pertanian. Tempat saya ketua unit imam itu PAS, 80% tempat saya tapi *join together around the table discussion*. Saya minta maaf hendak betulkan sedikit bukan kerana Tan Sri pergi dia masuk UMNO tapi dia sudah lama minat.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Puteh. Saya setuju tindakan Yang Berhormat Pasir Puteh yang menyebutkan jika sekiranya berlaku begitu, baguslah. Tapi apa yang saya dapati kalau kursus yang diadakan, di akhir kursus itu supaya mereka setidak-tidaknya mari sama-sama kita menyokong kerajaan. Saya juga, kita menyokong Kerajaan PAS, bukan tidak menyokong kerajaan. RM9 bilion yang dibawa ke Kelantan, yang dibincangkan sekarang ini, Tuan Guru Menteri Besar mengalu-alukan dan kita tidak menolak. Duit daripada pusat ke negeri-negeri kita tidak tolak kerana pusat ini pun makan daripada negeri. Tidak ada pusat kalau tidak ada negeri.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih Pasir Mas, terima kasih Tuan Pengerusi. Menyentuh masalah KADA kalau memberi kursus dan sebagainya. Adakah Yang Berhormat setuju, saya nak bandingkan di antara Pengerusi KADA yang dahulu, Tan Sri Hussin Ahmad dengan Pengerusi KADA baru, Dato' Seri Anuar Musa. Semasa Tan Sri Hussin Ahmad dahulu menjadi Pengerusi KADA, cukup berjaya.

Petani-petani bersatu padu, tidak ada diskriminasi dalam pembahagian subsidi dan sebagainya kerana satu sikap yang digunakan oleh Tan Sri Hussin ialah, beliau menyebut apabila beliau datang ke tempat majlis rasmi KADA, beliau meninggalkan UMNO di tangga rumahnya. Sekarang beliau berada sebagai orang KADA, tidak ada politik. Bila balik lepas daripada majlis KADA, balik rumah, saya sebagai pemimpin UMNO. Itu dasar dibuat oleh Tan Sri Hussin Ahmad.

Tetapi dasar baru, dasar yang dipegang oleh Pengerusi KADA yang baru ini juga, sebagai Pengerusi Badan Perundangan UMNO di Kelantan, tidak demikian. UMNO dibawa merata-rata, sebab itu berlaku diskriminasi dalam pembahagian subsidi dan sebagainya pada KADA. Adakah Yang Berhormat setuju sekarang ini?

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Saya setuju dengan pandangan ini.

Tuan Pengerusi: Tumpukan ucapan yang di khusus sahaja.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Saya sambung apa yang saya sebutkan tadi bahawa kita dah merasai bahawa walaupun dia petani di kampung, kita mesti memberi kursus tiga bulan sekali, dua bulan sekali, lebih kerap supaya *knowledge* mereka bertambah, pandangan mereka bertambah dan hasil negara bertambah.

Semalam saya bercakap sesudah solat Isyak, saya bercakap dengan petani sendiri. Saya tanya dia, bagaimana dengan pendapatan sekarang? Dia kata pendapatan, cakap Kelantan, tidak balas mana. Tidak balas mana ini, tidak sebagaimana yang disebut oleh Pasir Puteh sekejap tadi. Usahanya banyak, tenaganya dicurahkan tetapi hasilnya tidak lumayan kerana mereka bekerja dengan tulang empat keratnya, dengan tenaga yang ada pada dia. Dia tidak bekerja dengan akal fikiran dia.

Kita tengok di Korea, kita tengok di Jepun, kita tengok di negara-negara lain, mereka bukan bekerja semata-mata dengan kudrat dia, dengan tenaga yang ada pada mereka. Mereka bekerja dengan fikiran. Kita dapat melihat orang yang bekerja dengan fikiran dan orang yang bekerja dengan tenaga. Kekuatan ini lahir daripada timbang balas di antara kedua-duanya. Kalau hanya kadar tenaga sahaja, tidak jadi, tenaga dan fikiran yang dipandu oleh kursus-kursus yang dianjurkan oleh ibu pejabat.

Saya minta di sini supaya ibu pejabat turun dan bagi kursus. Kalau kelas perpaduan Tabika di kampung saya, setiap guru yang menghadiri ataupun menjalani kerja-kerja dia, berapa kali kursus dia? Buku-buku cadangan kursus itu sudah bertambun-tambun di rumah tetapi petani kita tidak ada kursus. Ini jadi masalah dan ini menjadi suatu perkara yang mesti diselesaikan segera. Jangan tunggu 10 tahun lagi sehingga orang akan tinggalkan bendang.

Sekarang ini Tuan Pengerusi, pemuda-pemuda tidak suka masuk ladang, tidak suka pergi ke tanah pertanian mereka. Tinggal begitu banyak, di kampung saya sendiri beratus-beratus ekar tanah terbiar. Dan bukan padi tetapi semak sekarang ini. Bendang sudah bertukar menjadi semak. Ini mesti dikaji oleh KADA, bukan sekadar kaji bagaimana nak takwilkan orang PAS kepada UMNO, bukan itu sahaja, jangan fikir itu sahaja.

Saya setuju apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Rantau Panjang tadi, bagaimana kita lihat Pengerusi KADA menumpukan sungguh, dan hasil daripada itu, rakyat alhamdulillah tidak meninggalkan ladang mereka, tidak meninggalkan tanah padi mereka, bendang mereka. Menggalakkan lagi generasi-generasi muda untuk turun ke sawah, tidak sebagaimana yang dilaporkan tadi, 20 ribu penganggur-penganggur yang terdiri daripada mahasiswakah, apakah, itu belum lagi SPM, belum lagi apa.

Tapi kalau kita bandingkan Tuan Pengerusi dengan Thailand, saya bersempadan dengan Thailand dan saya mempunyai keluarga di Thailand. Saya pergi selalu, sekarang ini baru saya tak pergi. Saya pergi Thailand, saya tengok sawah dia, saya perhatikan sawah dia, bagaimana orang-orang muda tak terlibat dengan dadah walaupun dia Buddha, ini yang kita pening kepala. Sini Islam, sini ada JAKIM, sini ada berbagai-bagai lagi dengan dadahnya, dengan masalahnya, dengan berbagai-bagai masalah yang berlaku di negara kita. Mengapa? Kena tanya mengapa yang berlaku begini? Kerana sikap acuh tak acuh, sikap tak bertanggungjawab sungguh, tidak ada perasaan *ubudiyah* buat kerja.

Kerana itulah Tuan Pengerusi, saya rasa negara mesti lihat, bukan saya nak mengagung-agungkan perkara yang tidak betul. Contoh sekarang ini kita ada 14 buah wilayah, negeri dalam negara kita Kelantan, Selangor, Perak, Johor semua ada. Nah Kelantan satu *state* di dalam *federation* kita, kita tengok Kelantan tidak banyak bergantung dengan pusat. Tidak berhutang dengan pusat, wangnya hanya RM300-RM400 juta boleh diurus dengan baik. Hutang boleh dibayar lagi dan tidak ada ketirisan berlaku, tak tiris. Tak apalah sedikit tak tiris, kalau banyak tiris buat apa? Kalau banyak tiris, kita bawa air sebaldi, tiba-tiba sana tiris, sini tiris, sampai rumah kita kosong..!.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, balik kepada khusus ini...

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Ya, saya berterima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya tekankan kursus ini kepada semua peringkat, daripada peringkat kementerian kepada peringkat pegawai-pegawai atasan, turun lagi, turun lagi, ilmu yang ada di atas itu jangan hanya berada dalam kepala kita sahaja. Jangan berada dalam buku ini sahaja, khusus ini. Saya tengok dalam buku ini begitu hebat, berapa juta, beratus juta peruntukan yang dibuat. Tetapi nak mengatasi masalah-masalah yang saya sebutkan tadi, tak boleh. Berbeza dengan Thailand, tapi kalau saya banding dengan Thailand maka

kawan-kawan saya, kawan-kawan kita akan menempelak saya pula. Saya kata kalau perbandingan, kita kena ada perbandingan baru ada kesungguhan.

Saya mengaji di sekolah dulu, bila kawan kita dapat nombor satu, nombor dua, kita pun bersungguh kata untuk dapat nombor satu, nombor dua, ada persaingan. Bila ada persaingan inilah maka berlaku musabaqah, berlaku pertandingan. Maka menghasilkan sesuatu yang terbaik. Di Thailand, pemuda-pemuda mereka berada di sawah-sawah padi, dan sawah padi mereka Tuan Pengerusi cukup-cukup elok, cukup-cukup hebat. Ini saya kagum, bagaimana mereka boleh melaksanakan kerja-kerja sedemikian. Saya akan teruskan dalam ucapan saya yang lain....

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Tapi saya nak minta sungguh, hari ini saya nak minta. Saya nak minta Tan Sri Menteri Pertanian bila dia pergi ke Kelantan, saya nak tengok kursus-kursus yang dianjurkan dan Tan Sri dibawa untuk merasmikan kursus-kursus ini. Begitu kalau kita tunjukkan satu sikap yang lebih sungguh, ada *ubudiyah*, ada *mas'uliyah*, ada iktikad, saya rasa kalau ada tiga perkara ini, Tuan Pengerusi, berjaya kita. Tanah kita subur, rakyat kita ramai, benih padi kita elok, tapi hasilnya tidak ada, kerana apa? Ini mesti disoal *imad'za* kerana apa?

Dan yang kedua saya masuk kepada 010400, Industri Padi dan Beras. Saya juga melihat bahawa beras yang dihasilkan oleh negara kita tidak elok. Tadi saya dengar Pasir Puteh bercakap, saya berada di atas tingkat 14. Pasir Puteh kata marilah kita sama-sama makan beras Malaysia, kita jangan makan beras Thailand. Baik, saya setuju dan saya mengalu-alukan apa yang disebut oleh Pasir Puteh rakan saya. Kita mengajak rakyat Malaysia ini tinggal daripada makanan yang diimport daripada luar, dan tidak berlaku import, kita minta tidak berlaku import.

Tetapi import beras terlalu banyak, import beras banyak, import daging banyak, import apa banyak, kicapnya apa dan sebagainya sedangkan negara kita maju, boleh, mengapa beras di negara kita tidak setanding dengan beras yang datang dari Kemboja, Thailand, Pakistan, dan lain-lain negara?

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Dato' Haji Che Min bin Haji Che Ahmad [Pasir Puteh]: Laos!

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Daripada Laos, daripada Amerika. Ini menjadi masalah. Barangkali industri padi kita ini, mesti kita bincangkan dan bukan setakat perbincangan biasa. Perbincangan mesti ditujukan daripada segenap peringkat supaya sampai kepada akar umbinya benar-benar kita menjadikan perindustrian beras makanan halal, makanan di negara kita ini.

Belum cakap masalah daging lagi, belum cakap masalah pertanian lagi, pertanian-pertanian, sayur-sayuran, buah-buahan dan sebagainya. Saya bercakap hanya masalah padi kerana bendang padi terbentang luas di hadapan rumah saya dalam jarak tidak jauh. Bendang padi, mengapa ia sedemikian rupa? Mengapa tidak dapat menghasilkan padi dan beras yang begitu elok? Barangkali kalau saya tanya Tuan Pengerusi, barangkali Tuan Pengerusi pun dia tidak makan beras Malaysia, secara ikhlaslah. Kalau saya tanya...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Makan Yang Berhormat, makan.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Hah? Makan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jarang beli beras Siam.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Hah, tetapi beras Siam ini menjadi pilihan. Ini beras elok, Thailand dari beras elok, saya di Pasir Mas saya tahu. Buatlah macam-macam pun Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya suka makan beras Bario, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Ya, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Beras Sarawak.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Bloklah sekian mana tetapi beras seludup mesti berjalan, ini tradisi sudah bagaimana kawalan, bagaimana itu dan bagaimana ini tetapi beras seludup itu mesti berjalan. Kemudian beras itu diguna oleh bukan rakyat biasa...

Dato' Haji Che Min bin Haji Che Ahmad [Pasir Puteh]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Pasir Puteh bangun.

Dato' Haji Che Min bin Haji Che Ahmad [Pasir Puteh]: Saya nak sambung, tambah yang tadi itu beras, saya maksud beras tempatan itu Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Pasir Mas yang saya kasihi supaya harga padi naik apabila semua makan beras Malaysia, apabila beri AP beras import daripada Thailand, padi kita jadi murah. Satu lagi saya hendak tanya adakah kaitan perangai anak-anak kita, remaja kita duduk terjebak dengan dadah, gejala negatif ini kerana makan beras Siam kerana beras Siam ini dia taruh jenis..., macam untuk tahan lama, bubuk-bubuk pun tidak mahu makan tetapi kita makan beras Siam, nampak comel. Ada atau tidak kaitan dengan perangai tidak comel?

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih. Barangkali, barangkali ada kaitannya dan saya minta Pasir Puteh kempen supaya orang tinggal kerana ada suatu anasir ataupun unsur yang tidak baik di sana walaupun nampak luarnya cantik tetapi sebenarnya tidak cantik. Jadi kita tinggalkan beras Thailand kita makan beras Malaysia tetapi dalam keadaan orang yang hendak tengok benda ini benda yang mana indah di hadapan matanya maka dia pilih yang indah. Kalau kita kaitkan lagi Tuan Pengerusi, masalah kewangan negara misalnya, saya tidak sempat bercakap dari segi kewangan tetapi saya sebut di sini sebagai suatu lanjutan dalam butiran ini.

Barangkali kalau Singapura melaksanakan Bank Islam dengan begitu baik dan telus pedagang Arab ini akan datang ke Singapura. Ini saya beri suatu peringatan kepada pengurusan Bank Islam di negara kita. Begitu juga orang, apabila dia tengok beras ini elok, dia tengok beras ini berkualiti elok walaupun mahal dia beli, dia tidak kira. Jadi maksud saya di sini bahawa negara kita mesti fikir dengan sungguh-sungguh sebagai jelapang padi, Kelantan jelapang padi, Kedah jelapang padi, Perlis jelapang padi, Selangor jelapang padi dan kita memang terikat dengan beras dengan padi ini. Kalau berlaku apa-apa di negara kita, semoga Allah dan minta Allah lindungi negara kita daripada perkara-perkara yang tidak baik.

Misalnya berlaku krisis sempadan, beras *distop*, penat kita, aniaya kita. Kita tidak ada tanaman alternatif, tidak ada tanaman padi gantian, kita bergantung pada beras. Di Kelantan, saya tahu di Kelantan kalau dahulu baluh-baluh padi ini, Tuan Pengerusi, baluh-baluh padi setiap rumah ada baluh. Tuan Pengerusi tahu baluh ini apa?...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Rumah padi!

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Hah?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Rumah padi.

Beberapa Ahli: Boleh percaya orang Kelantan, main-mainkah? Jangan main-main.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: [Ketawa] Rumah padi. Rumah padi. Setiap rumah dahulu ada rumah padinya bukan main, padinya begitu banyak kalau makan tiga tahun pun tidak habis dan padi-padi yang dia panggil padi usang, padi usang ini padi lama yang duduk dalam rumah padi tadi yang belum lagi digunakan, dua, tiga tahun.

Saya masih ingat lagi masa saya kecil-kecil dahulu, bapa saya dahulu petani. Padi usang ini begitu banyak berlapis-lapis terpaksa dengan gema padi, taruh dengan gema padi. Saya rasa nampaknya cara orang tua kita dahulu, cara negara sebenarnya cara Nabi Yusof AS mengendalikan ekonomi negara, "Jangan kamu makan semua, jangan kamu berbelanja semua, tinggallah makanan ini di tangkai-tangkainya...." [Membaca sepotong ayat Al-Quran] "Tinggallah makanan ini di tangkai-tangkainya nanti negara kamu akan

dilanda oleh kemalangan ataupun malapetaka". Ini ekonomi Nabi Yusof yang diajar oleh Al-Quran tetapi kita tidak bangkitkan perkara ini.

Sekarang ini di Kedah - saya pergi di Kedah. Bagaimana orang Kedah apabila tuai padi, jual padi di padang dan tidak pernah bawa balik, ambil wang. Bukan setakat ambil wang berhutang pula di pasar, berhutang sana kemudian semasa padi tuai, habis, masih sama juga. Sekarang ini penyakit ini berlaku di Kelantan. Padi sudah tidak bawa balik ke kampung lagi, tidak bawa ke rumah lagi, tidak ada baluh padi, tidak ada rumah padi, tidak ada sekarang lagi ini. Kalau berlaku apa-apa krisis sempadan dengan Thailand, mujur baru-baru ini Tuan Pengerusi tidak berlaku, kes Tak Bai baru ini tidak berlaku, mujur alhamdulillah. Walaupun orang tuduh Kelantan begitu begini, kita memang kita tidak buat.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Kerana Perdana Menteri bijak.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Hah...ialah di antaranya kerana Perdana Menteri bijak dan oleh kerana rakyat Kelantan pun cerdik.

Beberapa Ahli: [Ketawa] [Menyampuk]

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Perdana Menteri bijak, rakyat Kelantan cerdik. Tidak berlaku, sebagaimana berlaku di mana kampung apa di Kuala Lumpur, di Selangor krisis berlaku di antara kampung Medan, berlaku 13 Mei. Kelantan tidak berlaku pada masa itu, Kelantan sorak-sorak bulu roma orang bukan Islam, tidak gugur. Padahal rakyat Melayu Kelantan 98 peratus, bukan setakat Melayu beragama Islam bukan beragama Islam biasa, *solid* kuat, gagah dengan Islam tetapi kerana tok guru kita, menteri besar kita dan kita faham bahawa tidak boleh menganiyai orang, tidak berlaku benda-benda semacam ini.

Ini hendak cerita bahawa..., tak apalah saya setuju Perdana Menteri bijak, rakyat Kelantan cerdik. Saya hendak tekankan itu sebab itu rakyat Kelantan mempertahankan Kelantan dengan mengundi PAS

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Ya, walaupun satu kerusi...

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Walaupun satu kerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Walaupun satu kerusi dan harapannya pilihan raya nanti bukan satu tetapi 8 kerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Banyak, banyak sangat, Yang Berhormat, banyak sangat dasar itu Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Tidak apa, tidak apa, minta maaf Tuan Pengerusi.

Seorang Ahli: Tidak ada Butiran...

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Jadi industri padi dan beras tadi saya minta sungguh supaya negara kita dapat menghasilkan beras yang baik. Hendak dapat beras yang baik ini, mesti dimulai dengan cara pertaniannya. Saya tengok Tuan Pengerusi, kena kaji semula, sahabat-sahabat kita, pegawai-pegawai pertanian di peringkat negeri dan peringkat Persekutuan yang mempunyai pengajian yang begitu banyak dan begitu tinggi, kita kena kaji semula cara pertanian yang dilaksanakan. Sebenarnya mereka sedikit sebanyak mengikut arahan. Dahulu kita, orang-orang tua kita dahulu dengan cara kalau orang Kelantan kata, cedung, tidak tahu dalam persuratan apa dia? Cucuk, cuduk, cedung, cedung.. Oh! Dato' terima kasih. Itu kita cedung maknanya satu

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Rumpun.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Itu dia punya semaian tadi, maka cedung, cedung, dia punya cedung ini Tuan Pengerusi, dia punya tanam ini betul-betul macam orang ukur, keluasanya empat perseginya tepat betul. Cara datuk dan nenek kita dahulu menanam padi dan dapat menghasilkan hasil yang banyak. Saya tanya petani

kelmarin, dia kata pertama sekali bila kita tanam dengan cara itu mengurangkan musuh padi, kita tabur padi, cara taburan, apabila kita tabur padi, apabila kita tabur, mesti kita keringkan air, apabila kita keringkan air supaya biji-biji padi tadi naik, ada dia kena air itu kering, bila air itu kering rumput pun naik. Bila rumput naik, kena racun, bila kena racun..

Racun mahal, berapa kali racun? Racun rumput pertama, racun serangga yang kedua, racun 'kesin' yang ketiga, racun ulat yang keempat, tikus yang kelima, siput gundang babi yang keenam, akhir sekali padi kita yang tumbuh itu yang paling daif. Bagaimana nak menghasilkan sesuatu yang baik? Ini mesti dikaji oleh pegawai-pegawai penyelidik bagaimana cara. Apakah hendak mengembalikan dengan cara pertama atau meneruskan dengan cara yang kedua tetapi bajanya, racunnya mesti di kaji semula. Lima enam kali racun. Kerja apa ini, apa kerja?

Sehingga petani seolah-olah mesti berada di ladang mereka. Tidur situ, bangun situ... [*Bercakap di dalam bahasa Arab*] Tak tahu Asar, tak tahu Zuhur di mana. Begitukah kita? Saya rasa tak betul, tak betul. Kita bukan hendak melahirkan makanan sahaja, kita nak melahirkan makanan dan bersyukur kepada Allah... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Tetapi sekiranya bila putus dengan Allah S.W.T - sudah. Kerana itulah saya tengok, bagaimana rapatnya petani-petani dengan Allah S.W.T dan tidak kurang rapatnya orang-orang kilang dengan Allah. Kerana dia kira kilang ini dengan usaha dia, tak ada langsung dengan Allah.

Sebanyak mana dia *in touch* dia, dia mengeluarkan benda dia kata dengan tenaga dia. Kalau dia boleh kerja lapan jam banyak, kalau kerja sepuluh jam banyak. Tapi petani tidak, apa lagi di waktu kemarau, dia berdoa kepada Allah S.W.T. Dia berdoa... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] "Ya Allah, berikanlah rezeki kepada saya. Rezeki banyak. Kalau rezeki saya jauh tolong perdekatakan, kalau rezeki saya di bumi, tolong angkatkan. Kalau rezeki saya di laut tolong bawa ke daratan." Ertinya mereka rapat dengan Allah S.W.T. sekarang ini yang banyak berlaku perkara ini kerana lari daripada pertalian.

Bila masyarakat lari daripada pertalian, sikit demi sedikit lari daripada agama. Lari daripada ajaran Allah S.W.T kerana mereka lari daripada Allah. Jadi kita bimbang petani kita, 24 jam ataupun 18 jam berada di ladang-ladang ataupun di tanah-tanah ladang mereka, teruk mereka. Kalau lima kali, lima peringkat enam peringkat, belum lagi dikira dengan tikus. Belum lagi dikira dengan benda-benda lain sehingga Yang Berhormat Tan Sri Menteri Pertanian terpaksa turun ke kampung saya, minta rakyat keluar menangkap gondang emas. Bagaimana musuh mari terlalu ramai, banyak ini. Saya pun pelik. Dulu tak ada. Itu belum lagi dikira dengan penyakit kisar Tuan Pengerusi, penyakit kisar. Tuan Pengerusi tak tau penyakit kisar ini? Penyakit kisar ini Tuan Pengerusi macam padi kena bom. Jadi merah, merah punya merah dia tak naik dah. Yang naik itu tikus pula pergi makan. Tak adalah kita. Barangkali ada benda yang tak betul yang kita buat. Rahmat Allah S.W.T tidak ada.

Bila rahmat Allah S.W.T tidak ada, maka berlaku apa yang nak berlaku. Maaf saya sebut. Malam kelmarin saya bagi kuliah. Saya pergi ke sebuah masjid, tuan imam minta saya bagi tazkirah. Bukan tazkirah politik Tuan Pengerusi, tidak tazkirah politik. Bukan tazkirah politik. Saya kata, rahmat Allah S.W.T. Sekarang ini barangkali rahmat Allah S.W.T Allah tarik, beri ke lain pula. Kerana itulah orang tak kesian. Bunuh orang, bunuh, bom lagi. Saya tidak mahu bercakap tentang mahkamah tetapi bagaimana boleh tak kira siapalah. Dah sudah tembak kemudian bom lagi. Hancur luluh orang baru masuk Islam, baru *convert* Islam. Malu kita, negara kita.

Di jalan raya, kematian bergelimpangan. Berapa bilion dah harta kehabisan kerana tidak ada rahmat. Mengapa tidak ada rahmat? Kerana manusia sudah bertukar daripada mengharap kepada Allah S.W.T dengan mengharap kepada kebendaan semata-mata. Kerana apa? Kerana kita ajar begitu. Sedangkan Nabi S.A.W mengajar... [*Membaca sepotong hadis*] "Tidak ada satu kaum aku yang sentiasa mengingati aku. Baca Al-Quran, tadarus Al-Quran" dan hari ini pun saya tadarus Quran ini. "Tidak ada umat aku, melainkan kalau mereka tadarus Quran, mereka mengingati Quran, mengingati Allah, mengingati kebesaran akhirat, mengingati pahala, dosa, mengingati mati, maut dan sebagainya.".... [*Membaca sepotong hadis*]...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dah jauh dah tu Yang Berhormat. Dah jauh dah itu.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Tak, sikit. Sikit. Ini ilmu Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, butiran Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Butiran, ini masuk butiran juga ini. Kerana nak tarik padi, nak tarik beras padi negara kita.

Seorang Ahli: Butir dah hancur tadi.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Jadi, rahmat Allah S.W.T turun rahmat. Turun rahmat di waktu mana? Waktu kita bincang, waktu kita ingat kepada Allah S.W.T. jadi, bagaimana orang-orang dahulu mereka ada hanya sempit sahaja padi dan tidak ada jenis kelompok-kelompok ini. Ada satu ekar, setengah ekar. Tapi mereka boleh bela anak mereka lapan orang. Ayah saya ada anak lapan orang, Tuan Pengerusi. Lapan orang.

Seorang Ahli: Isteri seorang?

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Isteri seorang. Dia boleh jaga anak dia. Kerana apa? Kerana ada *barakah*... [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Ada berkat. Ada, tidak berkelahi rumah tangga, tidak. Anak pun tak ada masalah. Solat dan sebagainya. tapi sekarang ini, kerana berkat tidak ada. Bila berkat tidak ada, apa yang berlaku sekarang ini? Kerana itulah kita mesti memohon berkat daripada Allah S.W.T. Jadi padi di negara kita ini, industri padi dan beras ini mesti kita mulakan situ. Tinjau semula cara taburan inikah bagus atau kembali kepada cara yang dibuat oleh orang-orang tua kita dahulu bagus. Saya rasa cara orang tua kita dahulu pun, mereka ada cara dia. Ada *taqasus* dia, ada *taqasus*. Ada pengajian dia, dia tidak buat sesuatu perkara melainkan setelah mereka uji.

Beberapa kali uji. Mula-mula tanah itu ditugal. Tugalan ini saya masih ingat lagi. Dia bubuh biji dalam buluh kemudian tugal. Saya pernah menugal dulu di kampung saya. Kecil-kecil dahulu bapa menugal tanah, lepas tugal cara di bendang cara mencedung tadi. Lepas itu sekarang ini cara taburan. Cara taburan ini mengajak musuh terlalu banyak. Tetapi kalau kerajaan dapat menyediakan bekalan-bekalan yang rakyatnya berupaya untuk membeli, sekarang ini Tuan Pengerusi, hutang lebih banyak daripada keuntungan. Hutang daripada perusahaan mereka lebih banyak daripada tak ada untung. Dia kata, "Lelah saja ustaz. *Ambo* buat padi banyak dah lama, lelah saja. Tak leh wat apo. Sapu pi, sapu mari, sembahyang tak tahu mana. Zuhur tak tahu di mana, Asar tak tahu di mana, Maghrib baru sampai."

Sedap kecek Kelantan ini. Maknanya Maghrib baru ada di rumah, Maghrib itu lsyak baru nak solat. Jadi, kita hilang banyak. Dunia kita hilang, akhirat kita hilang. Kerana itu saya pesan kepada mereka, saya kata pegang agama. Bila kita pegang agama, rezeki Allah bagi dan akhirat kita dapat. Kita tak pegang agama, dunia kita tak boleh, dan di akhirat kita kosong tangan tidak ada apa-apa. Jadi, industri padi tadi daripada taburan dengan cara tanam pacak begitu, mana baik? Kalau baik yang ini, kita mulakan semula. Satu.

Yang kedua pula. Saya rasa dan saya yakin kalau kerajaan memulakan semula, berhentilah cara dua kali setahun ini. Setengah-tengah tempat berhenti sementara. Setahun kita kosongkan padang ataupun tanam sekali sahaja.

Jadi, untuk tanah ini mempunyai baja, baja asal. Baja apa dia panggil baja asal?...

Seorang Ahli: Organik.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Organik. Sekarang ini tanah tidak sempat melahirkan baja sendiri. Jadi bila tanah sudah tidak mempunyai baja sendiri walaupun kita buat baja sendiri tak sama dengan baja asal. Kalau kita *last* kan setahun, *freekan* setahun kemudian kita buat mengikut biasa, ada. Di Kemboja Tuan Pengerusi, saya pergi juga di Kemboja pergi tengok orang di Kemboja ladang-ladang dia, tanah-tanah padi dia, dia berjaya pada kita. Padahal Kemboja ini berperang berpuluh-puluh tahun. Berpuluh-puluh tahun Kemboja berperang tapi dia masih - bagaimana dia masih boleh menanam padi

dengan baik. Lembu dia segar dan petani-petani dia mampu, apa dia panggil itu yang masukkan benih ke dalam yang betina itu. Kita, petani kita tak mampu lagi Tuan Pengerusi. Tak tahulah di tempat lain, kalau di Pasir Mas tak mampu lagi. Tidak cara berkahwin, tidak cara jantan dia dengan betina dia...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tanya Yang Berhormat bagi Pendang. Dia tahu.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Ha, Yang Berhormat bagi Pendang, mana Yang Berhormat bagi Pendang?

Seorang Ahli: Permanian beradas.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Permanian beradas. Di Kemboja itu orang kampung dia. Orang kampung biasa.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Bukan klon?

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Tak, bukan klon, bukan klon. Klon itu satu hal lagi. Hak biasa sahaja. Jadi kita tak boleh buat lagi petani kita. Kalau kita bagi jarum dan bagi ubat, yang pandainya anak-anak kita yang masuk dalam hutan tu pandai, cocok sendiri tu pandai. Tapi nak masukkan, nak mandi hadas kepada lembu tak pandai. Terpaksa panggil Pegawai Pertanian. Pegawai Pertanian turun...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tiada lembu yang mandi hadas, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: ...[Ketawa] Biarlah apa pun, itu maksud saya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Permanian beradas.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Ya, permanian beradas. Ya kadang-kadang Tuan Pengerusi ada juga. Tapi tak apalah. Tapi Tuan Pengerusi faham maksud saya dak? Pentingnya Tuan Pengerusi dan pegawai kita faham. Bagaimana perkara ini di ajar kepada petani-petani mereka sehingga mereka mampu buat sendiri. Tidak payah tiap-tiap hari. Kalau boleh, baguslah. Tapi saya tengok dalam situasi sekarang ni masing-masing sibuk. Nak turun tiga jam nak menemui petani-petani tak mampu. Sebagaimana juga saya tak mampu nak jumpa semua pengundi saya ataupun rakyat-rakyat saya di kawasan saya.

Tapi dengan cara kursus yang saya kaitkan dengan pertama tadi barangkali mampu. Kumpul mereka dan bagi kursus satu hari. Bukan banyak sangat belanjanya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Itu dah tak tanam padi Yang Berhormat bagi Pasir Mas, itu ternakan lembu...

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Kemudian padi tadi, benih padi tadi mesti ada anjakan paradigma. Ada perubahan. Ada semacam perubahan. Jangan dua tahun, tiga tahun benih sama jugak. Dan sekali sekala kena lihat pada benih-benih padi lama. Benih padi lama ini saya tengok dia tahan, beras dia elok. Berasnya Tuan Pengerusi, panjang, biji besar. Yang kita ni beras kita pendek, mudah patah. Tak cantik pulak tu, dilihat tak cantik.

Beras Thailand, panjang, elok, putih, besar. Orang pun kita nak macam tu Tuan Pengerusi. Jadi pilihan manusia, naluri manusia, sudah menjadi manusia yang nak kepada yang... [Membaca sepotong ayat Al-Quran] Yang Berhormat bagi Pasir Puteh boleh terjemah. Tabiat manusia ni nak kepada yang elok... [Membaca sepotong ayat Al-Quran] Allah S.W.T indah, dan Dia suka kepada yang indah. Semua mahu indah. Pertanian mahu indah, perindustrian mahu indah, pelan pendidikan mahu indah, semua mahu indah. Kerana sifat Allah S.W.T indah. Jangan kita buat dengan tidak mempunyai matlamat dan tujuan sebagaimana dengan kehendak kita.

Baik, saya sebut juga dulu, barangkali lupa barangkali. Mesin-mesin padi kita Tuan Pengerusi, saya pernah bekerja di mesin padi. Masa belajar di sekolah Arab dulu kita

orang miskin, jadi terpaksa kita petang pergi dekat mesin padi angkat padi, masuk dalam itu dan kita yang kontrol punya mata mesin.

Mata mesin yang barangkali yang tak tahulah sekarang ni, kalau dulu mata mesin kelas tiga. Mata mesin inilah yang sebenarnya yang melahirkan beras yang elok. Kalau mata mesin ini tak elok, walau padi elok, berasnya tak jadi. Kerana itulah kita kena kaji mesin kita sendiri. Bagaimana mesin yang dibawa ke negara kita. Mesti mesin yang elok.

Saya nak sebut tadi, barangkali saya terlupa bila sebut mesin. Tahukah Tuan Pengerusi bahawa tanah-tanah bajak kita ditinggal begitu rupa kerana apa? Kerana tanah tidak boleh di masuki tidak boleh diteroka lagi sekarang. Apabila jentera-jentera yang terlalu berat masuk ke dalam tanah sawah kita, di Kedah tak tahu. Tetapi di Kelantan memang berlaku. Mesin ni Tuan Pengerusi, berat dia berapa tan? Sehingga dia masuk ke dalam tanah-tanah kita sehingga dia, istilah Kelantan kata jerlus. Jerlus ini maknanya masuk ke dalam. Sehingga bila kita masuk di sawah kita, barangkali hampir-hampir dengan pinggang kita. Kita jerlus masuk, nak angkat kaki tak mampu dah. Jadi bagaimana padi boleh hidup?

Itu belum di kira dengan sistem perairan. Bagaimana padi boleh hidup sedangkan biji padi ini dua hari dan dua malam sahaja Tuan Pengerusi. Lima malam, musnah dia. Air begitu dalam, kemudian dengan cara taburan pula, mati, mati, mati, mati dan akhir sekali orang tinggal.

Bagaimana kita mesti fikirkan negara kita ini jangan hanya semata-mata negara pengguna. Saya setuju dengan saranan Perdana Menteri mengatakan bahawa negara kita bukan negara pengguna, tetapi negara pembuat. Apakah kita pernah bincang kalau orang nak buat pun mengikut saiz yang kita nak, bukan saiz yang mereka nak. Jentera yang dibawa yang diimport ke negara kita ni dengan saiz yang mereka kehendak bukan saiz yang kita nak. Ini satu halnya. Kita buat baju kot dengan saiz orang, kita pakai, tak betul saya rasa. Barangkali tangannya panjang, barangkali labuh, barangkali besar kerana kita tak ukur dengan *body* kita.

Tanah ladang kita pun tak ukur dengan jentera yang masuk. Jentera terlalu besar, terlalu berat. Bila jentera terlalu berat, taburan yang dilakukan tidak melalui tanam mengikut tradisi orang tua kita. Padi ini, benih-benih ini akan mati. Tiga kali sorang tabur. Buat taburan tiga kali sorang. Tabur tak jadi, tabur tak jadi, terpaksa kering air. Nak pergi ke mana air? Kerana curahan air tu masuk dalam bendang. Akhir sekali mati, rakyat yang menanggung beban untuk mendapatkan benih ni berapa kali ganda terpaksa beli benih.

Ada orang yang membuat pengaduan kepada saya. Tak tahan la ustaz, kerana itulah kita dah tak mahu tanam padi. Airnya terlalu banyak, tanahnya dalam dan berbagai-bagai lagi. Jadi saya kira yang itu pun mesti ambil kira. Jentera yang bawa masuk. Apalagi jentera yang dibawa ke Kedah untuk di bawa ke Kelantan Tuan Pengerusi? Saya pun pelik. Saya kata kadar ini macam mana? Jentera dia yang dibawa ke Kelantan ni satu halnya, tidak dibersihkan dengan sebersih-bersihnya. Tidak dibersihkan dulu. Bawa penyakit.

Kelantan dulu saya tak pernah tengok padi kera, tadi ada sebut tadi padi hangit. Kelantan panggil padi kera. Tak tahulah daripada mana padi kera itu, Wallahuallam. Jadi, padi kera ini benih daripada padi angin ni di bawa melalui jentera bajak. Dan kerasnya padi kera ni Tuan Pengerusi racun tak jadi. Zuriat-zuriat dia pun begitu panjang sekali. Bakar pun tak jadi, racun pun tak jadi, keras, degil dia.

Kerana itulah jentera yang dibawa dari sana mesti dibersihkan dulu. Saya mintak di sini, orang Kelantan yang buat kerja ni dengan orang Kedah, jentera dia dibawa daripada Kedah, saya tahu banyak jentera di bawa daripada Kedah ataupun yang ada tu mesti dibersihkan terlebih dahulu. Kerana pastikan tidak berjangkit, penyakit-penyakit padi ni tidak berjangkit, dan akhir sekali padi tidak menjadi.

Kemudian 010600 – Pengairan dan Saliran. Tadi di sebut oleh kawan kita. Apa yang nak saya sebutkan di sini bahawa sistem pengairan, lain saya tak tahu saya tak tengok banyak. Walaupun saya pergi ke Perlis, ke Kedah, bukan nak tengok itu. Saya pergi saya nak mengempen PAS, ceramah PAS. Bukan nak tengok saluran air.

Tetapi saya tengok di Kelantan, tak sesuai dah sekarang ni. Saluran yang digunakan tahun 60-an memang tak sesuai. Kalau sayalah, kalau saya menjadi Menteri Pertanian saya arah supaya ditimbuskan semula, tutup semula. Mengapa Tuan Pengerusi? Tuan Pengerusi tak nak tanya saya mengapa? Mengapa saya bagi saranan sedemikian.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Pertama sekali Tuan Pengerusi, saya tengok punya saluran daripada 'Lema' sistem pengairan Kemubu daripada 'Lema' masuk, masuk terus ke bendang ke kampung saya. Luasnya Tuan Pengerusi hampir setengah ekar tanah di ambil. Sekarang ini menjadi hutan Tuan Pengerusi. Tebing kiri kanan sekarang ini, yang dalam parit jangan kiralah dalam punya saluran tu tak nampak air. Yang atasnya pula hutan. Mengapa terbiar begitu? Di mana KADA? Di bawah jagaan siapa sekarang ni? Saya tak tahu. Dulu hebat dulu, saluran air ini betul-betul berada di depan tangga rumah saya dulu, rumah bapa saya. Airnya elok, tiada sampah sarap, tiada rumput, tiada apa. Kita boleh mandi, petang-petang kita mandi.

Tapi sekarang ini bukan boleh mandi. Kalau jatuh pun bimbang kerana apa? Bukan lagi saluran air, saluran hutan Tuan Pengerusi. Penuh dengan hutan. Pergi la kalau ada pegawai pertanian silalah tengok. Saya sedih tengok. Nak harap pada siapa dia yang cuci menda ni? Dengan rumputnya, dengan apanya dan air yang masuk ke sungai Kelantan dan masuk dalam saluran air, dilema tadi, begitu banyak. Kemudian air ni tak sampai kepada tanah ladang. Ia memusnahkan tanaman-tanaman sampingan. Kalau orang ada dusun durian, ada dusun rambutan, ada getah, ada itu, ada ini, musnah habis. Ini kerana tabiat air ini ia menjalar melalui bawah tanah, yang matinya sana. Nasib baik penanam-penanam tembakau kita, tanam di Pasir Puteh dan di Bachok.

Tempat saya, Tuan Pengerusi, pokok durian tidak jadi, ubi kayu mati, tanam betik tidak jadi, ini kerana air di bawah itu terlalu banyak. Kita kehilangan air dari Sungai Kelantan, wallahualam, Tuan Pengerusi. Mengapa kita masih guna sistem yang lama? Saya sebut dahulu. Saya tengok di Mesir, saya tengok di Arab Saudi, bagaimana Arab Saudi menjadikan tanah pasirnya menjadi ladang, tanah ladang, satu wilayah negerinya. Saya sampai tahun 80-an, kemudian saya pergi lagi, saya mengaji lagi sampai tahun 1984. Berapa tahun boleh bertukar daripada padang pasir menjadi tanah ladang, boleh menghasilkan pelbagai tanaman.

Caranya, bukan ia mengambil terlalu luas, saluran air ini bukan mengambil terlalu luas. Barangkali daripada saya kepada Yang Berhormat bagi Tumpat, dekat sangat, [Disampuk] dan sempit lagi. Airnya dijaga dan kawasannya dijaga dan air ini sampai sungguh kepada tempat yang ia bawa. Parit jejarinya tidak dimusnahkan. Kemudian rakyatnya, orangnya diberi kursus, sehingga air-air yang sampai di kampung-kampung itu boleh menjadi bahan membasuh pakaian, walaupun tidak minuman. Ini padang pasir ia boleh buat, mengapa kita tidak boleh buat? Sampai air kita hilang di telan oleh bumi begitu banyak sekali. Ini adalah anugerah Allah S.W.T... [Membaca sepotong ayat Al-Quran] "Allah turunkan daripada langit itu air sebagai rezeki kepada kamu kerana di dalam air itu ada buah". Dalam air itu ada buah... [Membaca sepotong ayat Al-Quran] "Dan, kami jadikan daripada air itu, semua kehidupan daripada air". Yang Berhormat bagi Pasir Puteh menyebut bahawa sebahagian besar daripada tubuh kita ini adalah air. Allah S.W.T. lebih lama menyebut benda ini tetapi kita tidak menjaga air, air kehilangan begitu banyak.

Tadahan-tadahan air kita tidak jaga. Saluran-saluran air yang saya sebutkan tadi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sudah sampai mana?

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Ada satu lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ha! Ini air bukan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Saluran pengairan tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Oh! Baik.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Oleh kerana Tuan Pengerusi baru masuk tidak sempat hendak dengar.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab itu saya tanya...

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Ya, bagus, bagus.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak lagikah?

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Saya hendak habiskan 100600.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Sila, sila.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Tuan Pengerusi, bagaimana saluran air di tempat saya ini tidak elok? Siapakah yang menjaga? KADA kah jaga, MADA kah jaga, FAMA kah jaga, ...

Seorang Ahli: Semua tidak jaga air.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Ha! Ataupun semua tidak jaga air... *[Ketawa]* Sekarang ini kita memperindah. Pertama sekali menjaga alam sekitar. Anak-anak kita pergi sekolah, dia tengok alam sekitarnya tidak indah, maka dia pun jadi tidak indah. Dia sendiri tidak indah kerana tengok alam sekitarnya tidak indah. Rumah tangga kita, kita indahkan rumah tangga kita bagi menghasilkan anak-anak yang berjiwa indah.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: *[Bangun]*

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Sila, sila.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Tuan Pengerusi, hendak mencelah sedikit. Yang Berhormat bagi Pasir Mas, terima kasih. Tadi, Yang Berhormat ada menyebut tentang saluran, maknanya saluran yang kita ada sekarang ini mungkin sudah tidak sesuai lagi dengan suasana semasa. Saya tertarik melihat apa yang berlaku ataupun yang dibuat di Jawa Tengah, berhubung dengan saluran ini. Mereka menggunakan saluran daripada simen dalam dua kaki ataupun tiga kaki di atas permukaan tanah. Maknanya ia tidak terletak di atas tanah tetapi melalui atas tanah, maknanya tanah tidak digunakan langsung sebagai tempat letak saluran.

Maknanya saluran ini berterusan daripada sungai terus masuk ke bendang melalui saluran yang dibuat daripada simen di atas tanah. Apakah Yang Berhormat merasa ini boleh kita tiru dalam negara kita? Terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih, bukan setakat setuju tetapi masukkan ucapan Yang Berhormat bagi Pendang ini ke dalam ucapan saya. Perlu kita buat dan sistem ini perlu dikaji semula, jangan sistem 60-an dahulu. Rumah yang kita buat tahun 60-an, 50-an kita robohkan, kita buat rumah lain sekarang ini. Bagaimana saluran air ini masih lagi digunakan? Selain daripada digunakan tidak di jaga. Lebih baik buat macam apa yang disarankan oleh Yang Berhormat tadi. Jadi, simen di atas tanah tidak mengambil tanah rakyat begitu banyak dan rakyat menjadi mangsa, tanamannya rosak dan banyak lagi perkara-perkara yang saya sebutkan tadi.

Persekitaran ini tidak elok, jadi apabila anak-anak sekolah tengok persekitaran elok, maka dia pun jadi elok, insya-Allah. Jadi, kita hendak ini, kita hendak persekitaran kita elok, padi menguning, melambai. Sekarang kita tidak boleh lihat lagi. Saya tidak boleh melihat sekarang ini bagaimana anak-anak ikan yang berenang di dalam air kerana mati diracun. Dahulu saya pergi ke bendang, saya melihat bagaimana anak-anak ikan yang halus-halus, kita berada di atas tambaknya, tengok ikan berenang dengan senang-lenang. Sekarang tidak boleh, Tuan Pengerusi, hendak tengok ikan sudah tidak boleh. Ikan berenang sudah tidak boleh hendak tengok, bagaimana seninya Allah S.W.T. menjadikan air, menjadikan ikan-ikan, hidupan dalam bendang ini, tidak boleh. Mati di makan racun. Lima, enam kali racun.

Jadi, saluran ini saya minta diperelok dengan sebaik-baiknya sehingga air yang diberi oleh Allah S.W.T. tidak disia-siakan oleh kita. Kita berdosa di hadapan Allah S.W.T. di akhirat nanti, bagaimana air yang diberi oleh Allah S.W.T. diuruskan dengan tidak baik.

Bukan sekadar air minuman tetapi air penggunaan biasa, untuk tanaman dan sebagainya sehingga menghasilkan padi yang tidak sepadan dengan tenaga yang sepatutnya.

Kerana itulah apa yang saya tekankan, dua, tiga perkara itu, walaupun ada dua, tiga perkara lagi yang saya hendak sebut tidak boleh kerana saya menghormati apa yang disebutkan oleh Tuan Pengerusi dan ada kawan-kawan lagi untuk memberi pandangan, jadi saya menekankan dua, tiga perkara ini supaya diambil tanggungjawab bersungguh-sungguh oleh pihak kita supaya Malaysia dijadikan jelapang padi untuk kita dan untuk generasi-generasi yang kemudiannya. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada ramai lagi. Yang Berhormat bagi Pasir Mas sudah berucap berapa jam, ya? Yang Berhormat bagi Serdang. Saya minta Yang Berhormat semua, kalau boleh ringkaskan supaya dapat pihak kerajaan menjawab pada hari ini juga. Yang Berhormat bagi Serdang, sila.

4.07 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 22300 – Kawasan Penternakan Babi. Tuan Pengerusi, berdasarkan kepada keunggulan keadaan politik dan ekonomi negara kita industri babi mengalami masalah ketidakstabilan yang menghalang pengusaha industri ini daripada melabur secara besar-besaran. Ini kerana sistem kawalan pencemaran, peraturan kerajaan dan cara membaharui lesen yang sedia ada.

Disebabkan kerajaan tidak memberi jaminan nyata kepada industri penternakan babi dan lokasi ternakan yang sesuai, pengusaha babi tidak yakin dan berani untuk mengeluarkan modal besar untuk memperbaiki sistem sedia ada dan masalah yang wujud sekarang. Ini berikutan daripada polisi kerajaan yang tidak menawarkan langkah-langkah yang bersesuaian dan berpanjangan.

Tuan Pengerusi, mengikut statistik pada tahun 2004, jumlah nilai pengeluaran ternakan adalah seperti:

TAHUN 2004	
Ternakan	RM
Babi	1,225.31 juta
Lembu	334.56 juta
Kambing	28.95 juta
Ayam	4,801.10 juta

Tetapi pada tahun 2005.

TAHUN 2005	
Ternakan	RM
Babi	1,297.47 juta
Lembu	356.83 juta
Kambing	39.72 juta
Ayam	4,801.60 juta

Tuan Pengerusi, daripada statistik tadi jelas menunjukkan kepentingannya industri babi di dalam menyumbang kepada ekonomi negara. Sebelum langkah-langkah bagi mewujudkan kawasan penternakan babi bersepadu dapat dilaksanakan kerajaan tidak harus mengambil tindakan terhadap pengusaha industri ini.

Dari sudut ekonomi negara, saya berharap bahawa kerajaan dapat melihat masalah ini sebagai masalah ekonomi bagi membantu industri ini memulihkan semula daripada kejadian penyakit virus nipah yang berlaku pada tahun 1999 yang turut dialami oleh pengusaha industri pada ketika itu.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pernah mengumumkan bahawa Jemaah Menteri pada tahun 2003 telah menetapkan mulai daripada 1 Januari 2007, semua pusat penternakan babi akan dipusatkan bagi melaksanakan konsep industri babi bersepadu dan kerajaan-kerajaan negeri digesa untuk memberi bantuan bagi melaksanakan konsep ini sebelum 31 Disember 2006. Tetapi konsep ini difahamkan bahawa kelambatan pelaksanaan konsep kawasan penternakan bersepadu daripada kerajaan-kerajaan negeri yang menyebabkan 700 pengusaha penternak babi menghadapi masalah perpindahan.

Sehingga kini, pengusaha industri babi masih menunggu jawapan dan pendirian jelas daripada kerajaan terhadap konsep ini dengan tujuan menjamin kestabilan dan pembangunan industri penternakan ini.

Tuan Pengerusi, saya mendesak pihak kementerian supaya menubuhkan suatu jawatankuasa penasihat bagi menyelaraskan industri babi di setiap negeri serta merangka satu pelan pembangunan industri babi yang kolektif bukan sahaja membekalkan kemudahan asas malah membantu dalam penggantian pembuangan sisa yang lebih canggih. Melaksanakan modenisasi industri babi seterusnya dapat membantu pengusaha-pengusaha bagi terus menyumbang kepada ekonomi negara kita.

Dengan demikian saya harap kementerian akan memberi suatu penjelasan yang lebih lanjut berkaitan konsep itu dan adakah oleh kerana lambat untuk dilaksanakan oleh kerajaan-kerajaan negeri untuk menjayakan konsep itu akan ditangguhkan supaya tarikh yang ditentukan oleh Jemaah Menteri itu iaitu pada 31 Disember 2006, tidak akan mengambil tindakan terhadap penternak-penternak yang pada masa kini masih belum dapat dipusatkan di satu tempat lagi. Sekian, terima kasih.

4.13 ptg.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus menyentuh Butiran 020100 yang berkaitan dengan pengurusan dan regulatori racun makhluk perosak.

Tugas ini bagi kementerian adalah amat penting saya rasakan kerana kegunaan racun makhluk perosak ini adalah suatu perkara yang berbahaya dan juga ia mencemari alam sekitar. Tugas-tugas tertentu yang saya lihat bagi kementerian, yang pertama ialah memproses permohonan pendaftaran racun makhluk perosak.

Kalau kita lihat pada tahun 2005, 702 permohonan pendaftaran telah pun diluluskan. Saya ingin bertanya tentang hal ini. Adakah pendaftaran ini adalah pendaftaran baru untuk racun baru, untuk racun berjenama baru ataupun untuk racun-racun yang sedia ada di pasaran di negara kita pada hari ini?

Tugas yang kedua adalah memproses permohonan permit import racun makhluk perosak. Pada tahun 2005, ada 1,228 permohonan permit import telah pun diluluskan. Adakah permit-permit ini untuk jenis-jenis racun baru ataupun permit-permit ini adalah pembaharuan untuk mengimport racun-racun semula?

Yang ketiga, tugas ini yang penting kepada kementerian ialah memproses permohonan pelesenan menjual dan menyimpan racun. Ini amat penting kerana kalaulah lesen-lesen diberikan kepada mereka yang tidak mengetahui tentang racun dan mereka menyimpan dan menjual racun, ini adalah suatu perkara yang amat berbahaya. Jadi bagi pemohon-pemohon ini, apakah syarat-syarat yang tertentu dan *qualification* mereka ini yang boleh mendapat lesen untuk menjual dan menyimpan racun? Ini adalah penting.

Yang keempat, tugas kementerian di bawah butiran ini adalah memproses permohonan analisis racun perosak. Adakah kementerian yang membuat analisis ini dan jika kementerian yang membuat analisis ini, apakah kaedah-kaedah dan protokol yang tertentu yang digunakan untuk membuat analisis kerana banyak jenis racun baru yang diimport ataupun yang dibuat oleh pihak Malaysia sendiri. Oleh yang demikian, analisis dan protokol yang tertentu adalah amat penting bagi membuat satu analisis dan seterusnya meluluskan racun-racun yang seharusnya dijual di dalam negara kita.

Seterusnya saya ingin menyentuh Butiran 130000 – Bank Pertanian. Saya ada seorang kawan, dua tahun yang lepas beliau memohon pinjaman daripada Bank Pertanian. Lima orang Pegawai Bank Pertanian memeriksa tanah untuk projek menanam kelapa sawit. Tetapi selepas dua tahun, tiada sebarang jawapan sama ada tidak berjaya ataupun boleh mendapat pinjaman.

Beliau memohon RM1 juta untuk memajukan kawasan estet beliau seluas 130 ekar. Ini adalah satu masalah kerana kalau Bank Pertanian wujud untuk memberi pinjaman kepada petani-petani kita, kenapa kawan saya ini tidak boleh dapat walhal beliau sudah mengeluarkan hasil daripada estet yang lain sekurang-kurangnya 50 tan sebulan. Sama ada beliau mampu atau tidak mampu bayar balik pinjaman itu, saya rasa beliau mampu. Dengan 50 tan sebulan buah kelapa sawit, saya rasa sudah tentu beliau mampu membayar pinjaman balik.

Seterusnya saya ingin hendak menyentuh Butiran P.22503 iaitu peningkatan kualiti stok akuakultur. Kualiti stok akuakultur adalah penting bagi memastikan bahawa pasaran itu berterusan. Di Sarawak, akuakultur udang harimau. Sekarang industri akuakultur udang harimau di Sarawak hampir tidak ada lagi kerana pada suatu ketika terlalu ramai yang menceburi diri dalam aktiviti ini dan mereka menyimpan stok yang melebihi di dalam satu kolam.

Oleh itu udang harimau yang ada di dalam kolam itu terkena penyakit kulit putih. Apabila mereka melihat bahawa udang-udang harimau ini terkena penyakit, mereka menggunakan antibiotik yang dibeli daripada Taiwan untuk menyembuhkan penyakit ini tetapi kesan antibiotik masih ada dalam udang tersebut. Oleh yang demikian udang harimau daripada Sarawak susah untuk dipasarkan sekarang ke pasaran antarabangsa kerana kegunaan antibiotik yang berlebihan.

Apakah tindakan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Ya, saya hendak gulung. Satu lagi, apakah tindakan kementerian untuk mengawal peningkatan kualiti stok akuakultur ini.

Seterusnya saya menyentuh Butiran P 15800 - Rancangan-rancangan Saliran. Saya tidak bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Pendang tadi yang menyebut di Jawa Tengah mereka menggunakan saluran konkrit untuk menyalurkan air ke sawah-sawah di atas tanah. Kalau kita menggunakan saluran konkrit pelbagai masalah kualiti alam sekitar akan terjadi.

Yang pertama, suhu air itu akan meningkat, Yang Berhormat. Apabila suhu air itu meningkat, maka ia akan menjejaskan tanaman, kalau ia terlalu panas. Yang kedua, oleh sebab kegunaan konkrit yang mengandungi pelbagai bahan kimia ini akan menyebabkan pertukaran PH air itu dan ia akan menjejaskan tanaman kita. Ini kerana saluran konkrit ini seperti longkang kita juga. Kalau kita lihat longkang begitulah air di dalamnya akan tercemar. Sekian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Putatan.

4.22 ptg.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin membawa satu perkara sahaja. Tetapi terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kerana berada di dalam Dewan untuk mendengar apa yang kita utarakan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu adalah tanggungjawab, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ya. Terima kasih juga kerana bantuan-bantuan daripada Kementerian. Bagi pihak nelayan dan pihak petani di kawasan saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian. Saya ingin terus kepada P.21 Butiran 273300... [Disampuk] Betul itu. Saya harap dengan ucapan terima kasih ini bantuan itu kena bagi tambahan lagi dan ini bagi pihak Sabah, yang lain mohonlah termasuk Tuan Pengerusi.

Dalam butiran ini, Butiran 273300 - Penguatkuasaan dan Perlindungan. Saya lebih kepada perlindungan yang saya tahu adalah dikuatkuasakan dalam Akta Perikanan Negara. Ada dua perkara, satu berkenaan dengan bot tunda dan keduanya penyu. Kalau Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ingat, saya telah membangkitkan perkara ini pada perbahasan yang terlebih dahulu berkenaan dengan bot tunda yang haram, yang aktivitiinya terlalu dekat dengan pesisiran di kawasan Putatan. Jawapannya dulu dia sudah diambil tindakan tetapi pada 19 Oktober, apabila saya menyerahkan pukat-pukat dari Kementerian kepada nelayan itu, aktiviti penundaan bot ini masih berlaku - dengan TV3 yang membuat penggambaran itu, Tuan Pengerusi. Ini saya mohonlah mengapa penguatkuasaan ini - mungkin RM2 juta ini tidak cukup, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Pada 19 hari bulan saya ada kes penyerahan pukat itu, bot tunda itu di depan mata kami, nelayan dekat pantai. Jadi, ini mengakibatkan kemarahan daripada nelayan-nelayan kecil. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, tolonglah, kalau boleh penguatkuasaan ini dipanjangkan ke negeri Sabah. Jangan biarkan dan katakan ini bidang kuasa negeri. Ini selalunya mendapat jawapan yang sangat sedih.

Kedua ialah perkara penyu. Saya rasa ini perkara perlindungan. Kalau kita ingat dalam perbahasan perkara TUMEC ini, saya pun tidak tahu apa erti TUMEC ini. *Turtle and Marine Ecosystem Centre*, kalau saya tidak silap dan satu lagi India *Ocean Turtle Conservation Protection*. Ini saya rasa tidak ada keberkesanan. Saya tidak tahu mungkin ada di tempat yang lain. Tetapi di tempat saya, apabila saya melawat Pulau Gaya, satu tempat pulau yang indah dan juga telah keluar di surat khabar baru-baru ini, konsesi seluas 20 ekar di tempat *police beach* ini yang kami lawati pada 10 Oktober. Kononnya saya mahu buat kempen kesedaran, Tuan Pengerusi. Begitu penting kita memelihara dan melindungi penyu-penyu yang seperti mana yang kita tahu di dalam surat-surat khabar, nelayan-nelayan daripada negara asing telah mencerooboh kawasan di pesisiran Putatan ini, di Kota Kinabalu Sabah *in general*, menangkap, membunuh dan dibawa ke negara masing-masing. Ini ada gambar dalam surat khabar dan disebarikan melalui kaca-kaca televisyen - media elektronik.

Jadi, Tuan Pengerusi, dengan peruntukan yang sebanyak RM30,000 - banyaklah itu, daripada Kementerian Pelancongan, saya akan membelanjakan bagi kempen ini pada dua minggu akan datang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat boleh gulung.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ini butiran penting, Tuan Pengerusi. Saya mohonlah jawapan daripada Kementerian kalau boleh membantu dan apakah peranan Kementerian terhadap perlindungan penyu-penyu ini. Kalau boleh buat jugalah di kawasan Putatan. Sekian, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pensiangan.

4.27 ptg.

Tuan Bernard S. Maraat [Pensiangan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Setiausaha Parlimen yang sentiasa segar mendengar ucapan-ucapan kita. Saya ada tiga butiran sahaja, yang pendek, yang perlu kita lihat iaitu di bawah Butiran 16600 - Rancangan Pengairan Sabah dan juga Butiran 16700 - Rancangan-rancangan Saliran Sabah.

Apabila kita lihat peruntukan yang diberi pada tahun 2006 ialah RM10 juta dan sama juga dengan Butiran 16700 bagi rancangan-rancangan saluran Sabah turut RM10 juta.

Tetapi bagi tahun ini, 2007, kosong. Saya rasa ini ada sedikit kepincangan. Tidak ada penyelarasan di peringkat Persekutuan dan juga mungkin di peringkat negeri sedangkan kita sedang berusaha untuk menjadikan Sabah ini sebagai hab pertanian. Jikalau kita tidak mempunyai peruntukan untuk membuat parit-parit atau perairan dan juga saluran ini untuk kita menanam padi dan tanaman-tanaman pertanian yang lain, saya pasti kita tidak mencapai matlamat yang kita idam-idamkan ataupun dalam igauan kita ini, yang mana kalau kita tengok dalam dasar pertanian negara kita hendak memperkasa asas tani ini supaya negara ini lebih maju lagi. Lebih-lebih lagi kita sedang berusaha untuk mengeksportkan bahan-bahan pertanian kita di peringkat global.

Tetapi kalau yang kita lihat ini pun tidak dapat peruntukan untuk 2007, saya amat bimbang sekali untuk dapat capai apa yang kita impi-impikan ini. Saya mohon kepada kementerian untuk melihat dan mengkaji semula kenapa mendapat peruntukan kosong - kosong. Kosong ringgit ini. Kalau RM10 itu sebagai *token*, mungkin ada lagi, Tuan Pengerusi. Tetapi ini langsung tidak ada. Jadi saya minta kementerian untuk melihat ini.

Saya juga ingin menyentuh mengenai dengan Butiran P 21800 iaitu Pusat Latihan Menternak Sabah. Tahun 2007 ini, di kawasan saya, saya diperuntukkan lebih kurang RM24 juta untuk membangunkan ternakan lembu (*cattle farming*) di kawasan saya. Terima kasih kepada kementerian yang telah memberi satu keprihatinan terhadap kawasan saya yang perlu dimajukan ini.

Tetapi malangnya sekali peruntukan untuk 2007 ini hanya *token* RM10 sahaja. Saya tahu dalam *mid term review* ini kemungkinan besar kementerian akan memberi tambahan mungkin berjuta-juta lagi tetapi saya pasti untuk Pusat Latihan Menternak Sabah ini, apakah persiapan dan persediaan kementerian dalam memperkasa kita dalam bidang-bidang penternakan ini. Kalau kita hendak majukan ternakan ini kita perlu pekerja-pekerja kita dan warga kerja kita itu yang mempunyai kemahiran, pengetahuan, pengalaman, supaya mereka itu mempunyai satu kematangan dalam menternak binatang ini.

Tetapi kalau yang ini tidak ada peruntukan untuk latihan, saya sangat bimbang sebab bukan apa kalau kita lihat macam ini tidak ada peruntukannya untuk 2007 hanya *token* sahaja, saya rasa ini akan memberi satu kesan yang tidak baik kepada objek ataupun perkara yang akan kita buat ini khususnya bagi latihan menternak di Sabah ini. Sekarang ini pun kita tahu bahawa kita sudah pun mengimport daging-daging lembu dan sebagainya yang beratus juta dan ini di antara lain, saya bimbang juga kalau kita macam ini tidak ada lagi warga kerja kita yang mahir, kemungkinan besar kita import lagi pekerja-pekerja daripada luar untuk bekerja di pusat-pusat ternakan lembu kita ini.

Jadi saya mintalah supaya kementerian membuat satu perhatian terhadap ini dan melihat secara terperinci dan buat satu koordinasi dengan kerajaan negeri supaya kerajaan negeri dan Persekutuan ini dapat kita selaraskan dengan lebih sempurna lagi, lebih cemerlang lagi dan lebih terbilang lagi. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat bagi Tumpat. Berapa ramai lagi? Satu, dua tiga, empat. Ahli Yang Berhormat saya akan tutup perbincangan lebih kurang pukul lima, jadi saya sama-sama kena tolong-menolonglah. Yang Berhormat bagi Tumpat.

4.32 ptg.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Pengerusi saya akan cakap amat ringkas sekali. Pertamanya saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan Malaysia kerana meneruskan sidang Parlimen ini walaupun perhimpunan agung parti kerajaan sedang berlaku. Ini adalah suatu tindakan yang betul, seperti juga betulnya tindakan Kerajaan Negeri Kelantan mengadakan sidang Dewan Undangan Negerinya pada hari ini bermula daripada minggu lepas walaupun dikritik oleh ADUN-ADUN UMNO di Kelantan kononnya kita tidak menghiraukan Perhimpunan Agung UMNO.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat selama ini memang kita bersidang.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Bagus-bagus, itu saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Persekutuan kerana semangatnya sama dengan Kerajaan PAS di Kelantan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Minta cara ini dikekalkanlah.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Ya saya pun minta begitu juga. Tuan Pengerusi saya rujuk kepada Butiran 23300, Pengurusan dan Pemuliharaan Ikan dan Butiran 25600, Pembangunan Industri Ternakan Ikan Sangkar.

Seperti sahabat saya Yang Berhormat bagi Pensiangan saya juga sedih kerana dalam Butiran yang kedua saya baca tadi untuk ternakan ikan sangkar belanjanya untuk tahun 2007, kosong. Tetapi saya harapkan bahawa ikan sangkar akan dibela menerusi peruntukan 23300, Pengurusan Pemuliharaan Ikan sebab ikan sangkar ini ada peminatnya, ada orang yang makannya dan ikannya bermutu tinggi.

Di kawasan saya di Tumpat ada dua, tiga tempat di mana ikan dalam sangkar ini ditenak dan beberapa kali ada masalah-masalah sebab ikan dalam sangkar dalam kes di Tumpat ini ialah ikan air payau dan oleh itu keadaan air di dua tempat khususnya di kawasan Sri Tujuh dan di kawasan Geting, beberapa kali ikan kematian apabila berlaku perubahan air sama ada, ada operasi-operasi perikanan atau perairan yang tertentu berlaku di dua tempat tersebut. Jadi saya ingin merayu kepada pihak kementerian untuk memberi tumpuan untuk membela penternak-penternak ikan sangkar ini dan cuba mengadakan satu program jangka panjang supaya jika pembersihan kawasan, pembersihan permukaan sungai yang terlibat itu hendak dilakukan maka penternak-penternak itu dimaklumkan lebih awal supaya mereka tidak mengadakan operasi penternakan ikan di masa itu.

Oleh itu apabila operasi membersihkan kawasan itu berlaku ianya tidak akan menjejaskan penternak-penternak dan ikan-ikan mereka yang mereka labur beberapa ribu ringgit itu tidak mati dan musnah oleh sebab tindakan yang dibuat yang mungkin bertujuan baik untuk menjaga kawasan tersebut. Jadi saya mohon pemerhatian daripada pihak kementerian.

Seterusnya Butiran 22500, Projek Lembu Pedaging. Saya dapat maklum daripada orang-orang yang berkaitan bahawa kerajaan telah memberikan *costing* dengan izin, penilaian tiap-tiap seekor lembu itu RM4,000. Jadi saya dimaklumkan bahawa harga sebenarnya jauh lebih rendah daripada itu.

Maklumat yang saya peroleh bahawa biasanya kerajaan ataupun orang-orang yang terlibat dalam industri membeli lembu-lembu ini *costing* dengan izinnnya lebih kurang RM1,000 sahaja. Jadi kalau inilah yang diletakkan oleh orang-orang yang terlibat sama ada dalam proses kontrak dan sebagainya pada tahap RM4,000 untuk satu ekor lembu, walhal sepatutnya nilainya hanya kerajaan boleh beli RM1,000 satu ekor lembu, maka kerajaan sebenarnya telah rugi dari segi membekalkan hanya $\frac{1}{4}$ jumlah ekor lembu berbanding jika harga sebenar kerajaan bayar.

Maksud saya ialah sudah tentu ada suatu sindiket, suatu operasi tertentu yang berhasrat untuk memberi keuntungan bukan kepada petani tetapi kepada orang-orang tengah yang berniaga dan mengambil keuntungan yang amat tidak munasabah dalam industri membekalkan lembu kepada kementerian ini. Seterusnya 10770, Pengeluaran Baka dan Ternakan Itik. Ini juga saya mendapati maklumat yang hampir sama diberikan kepada saya khususnya dalam kes di negeri Kelantan di mana sekali lagi mungkin kadangkala itik dan projek itu tidak berjalan langsung tetapi kementerian kononnya membayar beratus-ratus ribu ringgit nilai untuk projek ternakan itik ini.

Saya mendapat maklumat yang khusus bahawa dalam Pilihan Raya Kecil Pangkalan Pasir, Pasir Mas pada tahun lalu sebenarnya tidak ada langsung projek ternakan itik tetapi dalam masa kempen pilihan raya kecil itu, beratus-ratus ribu ringgit dikeluarkan oleh kementerian dan apabila pegawai-pegawai yang terlibat di Jabatan Haiwan yang mempunyai perasaan bahawa suatu penipuan sudah berlaku enggan untuk bekerjasama maka pegawai-pegawai haiwan tersebut telah dengan dalam masa 24 jam ditukarkan ke kawasan-kawasan yang lain.

Jadi saya mohon pemerhatian dan jawapan daripada kementerian supaya rasuah yang begitu tidak berlaku walaupun saya dimaklumkan bahawa Pemangku Ketua Pengarah Haiwan ketika itu sudah pun tidak lagi menjadi Ketua Pengarah dan tidak pun menjadi Pemangku Ketua Pengarah, Ketua Pengarah yang lain telah dipilih tetapi ini adalah satu amalan yang amat buruk bagi imej kita sebagai Kerajaan Malaysia yang mana kedudukan rasuah kita sudah pun menjadi lebih teruk dalam tahun yang terakhir ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kuala Selangor.

4.37 ptg.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 01100, Projek Pertanian Bersepadu Barat Laut Selangor.

Saya ingin mengucapkan jutaan penghargaan dan terima kasih bagi pihak rakyat dan pengundi bagi kawasan Parlimen Kuala Selangor kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan juga Projek Barat Laut Selangor kerana kawasan ini sudah dimasukkan semula ke dalam kawasan pembangunan bersepadu Projek Barat Laut Selangor setelah Rancangan Malaysia Ketujuh dan Rancangan Malaysia Kelapan ditinggalkan kerana tumpuan kepada industri padi.

Ini adalah selari dengan rancangan tempatan yang disediakan oleh Majlis Daerah Kuala Selangor untuk menjadikan Kuala Selangor maju 2015 khususnya dalam sektor pertanian dan saya berharap kepada kementerian, khususnya Projek Barat Laut Selangor dapat menyediakan satu rancangan yang komprehensif dengan peruntukan yang secukupnya bagi memajukan petani, penternak dan nelayan agar Daerah Kuala Selangor terus kekal dikenali sebagai sebuah daerah pertanian selain daripada pelancongan. Jadi dalam konteks ini oleh sebab Jabatan Pengairan Saliran atau JPS, kegiatan selama ini sekadar menyelenggarakan sistem perparitan dan juga mengadakan beberapa rancangan yang melibatkan sungai dan saya berharap supaya JPS dapat mengadakan *reengineering*, dengan izin, Tuan Pengerusi untuk melihat semula kesan-kesan sistem perparitan yang telah dibina sekian lama.

Ini disebabkan sesetengah kawasan sudah tidak lagi subur kerana kandungan mineral tanahnya yang sudah terjejas akibat daripada kejadian-kejadian banjir yang kesannya hari ini pokok kelapa yang menjadi tumpuan industri pembangunan kelapa agak terjejas kerana Kuala Selangor selain daripada Sabak Bernam dan Bagan Datok menjadi harapan kepada negara untuk mengekalkan industri ini. Tetapi yang jadi masalah buah kelapa menjadi basal dan juga akibat masalah kekeringan tadi, pokok durian yang ditanam tidak berbuah dan ini merupakan satu perkara yang serius.

Begitu juga pertukaran syarat tanah. Hari ini peladang lebih suka menanam kelapa sawit daripada kelapa kerana didapati kelapa mungkin tidak berpotensi selain daripada faktor benih kelapa yang dibekalkan tidak berkualiti dan dibekalkan oleh satu pengusaha. Ini terbukti bahawa industri pembangunan kelapa di Kuala Selangor sudah merosot. Kalau dalam tahun 80-an dahulu lebih kurang 120 lebih pengusaha tetapi hari ini tinggal lebih kurang 48. Jadi kalau kementerian atau kerajaan ingin mengekalkan industri kelapa ini, sesuatu tindakan perlu dibuat.

Umpamanya memberi subsidi harga kepada pengusaha kelapa ataupun menyekat pengimportan kelapa daripada Indonesia dan juga mengatasi masalah bekalan seperti yang saya sebutkan tadi dan kalau juga tumpuan hari ini kerajaan mahu memperhebatkan promosi kelapa muda dan tidak menggalakkan usaha memperbanyakkan industri santan kelapa dan kita harus menentukan hala tuju yang sebenarnya dalam keadaan ini.

Selain daripada itu saya berharap soal *delivery system*, dengan izin, sistem penyampaian jabatan dan agensi kerajaan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan juga lain-lain jabatan yang bersangkutan dengan sektor pertanian dapat diselaraskan secara bersepadu dan kita harapkan Jawatankuasa Pertanian Daerah, Jawatankuasa Pemandu ataupun Jawatankuasa Pelaksanaan Projek Barat Laut Selangor dapat digerakkan semula agar pembangunan pertanian ini dapat kita tingkatkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulung.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Ada sedikit lagi, Tuan Pengerusi. Di samping itu saya berharap Projek Barat Laut Selangor dapat melihat masalah tanah terbiar akibat daripada masalah tanah pusaka atau bicara pusaka yang belum selesai atau masalah teknikal perparitan dan yang lebih penting dalam usaha kita memajukan sektor pertanian di negara kita, kita harus melihat juga kegagalan sesetengah jabatan dan agensi, khususnya PPK dalam mencungkil bakat peladang-peladang muda agar kita tidak ketandusan petani muda di seluruh negara.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Tuan Pengerusi, sedikit lagi. Di samping itu masalah makhluk perosak seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, usaha giat kita membangunkan pertanian tetapi babi, monyet dan lotong terus menghantui para petani dan saya harap jabatan dan agensi termasuk jabatan yang di luar daripada kementerian, Jabatan PERHILITAN dapat meningkatkan usaha untuk mengatasi masalah ini.

Dan akhirnya, Tuan Pengerusi, saya harap kerajaan atau kementerian dapat mewujudkan Muzium Pertanian sebagai salah satu sumber...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dapat berucap sudah lupakan kawan lainlah.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:untuk tarikan pelancongan di negara ini. Minta maaf. Terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Yang Berhormat bagi Bukit Mas.

4.44 ptg.

Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi kesempatan yang dekat-dekat terakhir ini kepada saya. Pada Jumaat lepas, Tuan Pengerusi, iaitu pada 10 November tahun ini iaitu minggu lepas, saya mengikuti rombongan Yang Berhormat Dato' Seri Abdul Aziz bin Shamsuddin, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ke kawasan Bario dan kawasan Bario ini seperti mana yang kita ketahui adalah tempat di mana satu hasil pertanian iaitu Beras Bario dihasilkan.

Saya berterima kasih dengan Yang Berhormat Menteri kerana keprihatinan beliau dan kerajaan melawat ke kawasan ini sungguh jauh dengan menggunakan penerbangan-penerbangan *charter* pada hari tersebut. Semasa di sana, Tuan Pengerusi, saya akan menyentuh tiga butiran. Pertama, Butiran 010400 – Industri Padi dan Beras.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, teruskan kepada masalah itu.

Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]: Ya. Itu mengenai Beras Bario ini. Sebenarnya kami, rombongan Yang Berhormat Menteri sewaktu di Bario diberitahu bahawa petani-petani di kawasan Bario pada musim padi ini tidak dapat mengerjakan kawasan sawah mereka dengan sepenuhnya disebabkan pengairan dan saluran air ke kawasan sawah mereka tidak lancar dan air tidak ada di kawasan sawah mereka lagi. Oleh sebab itu mereka tidak dapat mengerjakan sawah mereka dengan sepenuhnya.

Apa yang penting di sini, pengeluaran padi ataupun beras di Bario ini iaitu beras halus, tadi diperkatakan oleh Yang Berhormat bagi Pasir Mas, beras yang besar sahaja baik tetapi beras halus ini hasil daripada kawasan Bario ini pun tidak kurang baiknya. Sebenarnya lebih sedap lagi beras halus daripada kawasan ini. Oleh itu saya berharap supaya satu kajian dibuat di kawasan ini supaya dapat menyalurkan air ke sawah-sawah padi mereka agar kawasan sawah mereka di Bario dapat diguna pakai pada musim padi tahun depan.

Satu butiran iaitu di bawah Butiran 04000 – Perikanan. Terdapat masalah di kawasan Parlimen saya, khususnya di daerah Limbang di mana nelayan-nelayan di daerah Limbang yang berjumlah lebih kurang 200 orang tidak ada kebebasan untuk menangkap ikan kerana tempat mereka menangkap ikan di sana ialah di perairan Teluk Brunei dan

beberapa daripada nelayan-nelayan kita daripada kawasan daerah Limbang ini kena tangkap oleh pihak berkuasa di negara Brunei Darussalam.

Jadi ada daripada mereka kena hukum dan ada juga yang masuk jail satu, dua malam. Ini merupakan satu masalah. Oleh itu saya minta supaya perkara ini dilihat oleh pihak berkuasa perikanan kerana kawasan ini, perairan Teluk Brunei ini sebenarnya memang kawasan tangkapan tradisi bagi nelayan-nelayan dari kedua-dua pihak iaitu daerah Limbang dan juga Brunei Darussalam. Jadi hanya sekarang terdapat masalah seperti ini. Oleh itu saya minta supaya perkara ini dilihat oleh jabatan ataupun agensi-agensi yang berkenaan.

Satu lagi masalah yang terdapat di kawasan khususnya daerah Lawas di mana masalah yang dikatakan tadi masalah pukut tunda yang sering mengadakan aktiviti mereka berdekatan satu kampung iaitu Kampung Awat-Awat di daerah Lawas. Mereka ini datang, tidak tahulah...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulung Yang Berhormat.

Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]: ..mungkin daripada kawasan persekitaran sebelah Sabah kerana kawasan ini berdekatan dengan Sabah. Jadi ini merupakan satu masalah yang terdapat di kawasan ini. Nelayan-nelayan merungut kerana mereka tidak ada pukut tunda seperti apa yang ada dengan nelayan-nelayan yang ada ini dan peluang itu seperti dirampas oleh pihak yang datang.

Itu sahaja yang saya bawa dan akhirnya...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu sahaja sudah cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]: Saya minta Tuan Pengerusi ini satu lagi Bahagian Limbang...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]: Sebenarnya memang terkenal dengan ternakan kerbau dan lembu, di seluruh kawasan Bahagian Limbang. Jadi saya minta pihak pertanian atau kementerian untuk memperluaskan lagi kegiatan ternakan di Bahagian Limbang, khususnya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tanah Merah.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 10750 - Pengeluaran Bibit dan Baka Lembu.

Hari kita tahu negara kita masih lagi mengimport banyak daging lembu daripada luar negara kerana keperluan di dalam negara tidak mencukupi dan hanya beberapa peratus sahaja iaitu 20% sahaja pengeluaran daging lembu di dalam negara untuk pasaran dalam negara. Bagi baka lembu saya hendak tanya kementerian berapa tempat kah yang mengusahakan baka lembu ini, dan saya pasti sekiranya pengeluaran baka ini diperkembangkan secara lebih banyak lagi sudah pasti ia dapat mengembangkan lagi industri penternakan lembu di dalam negara kita. Kerana hari ini kita mengimport baka lembu daripada luar negara dan harga untuk mendapatkan baka-baka lembu ini sudah pasti tinggi disebabkan oleh pengangkutan contohnya daripada Australia, New Zealand dan sebagainya...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat, kerajaan pada akhir-akhir ini telah mengorak pelbagai langkah iaitu memberi galakan kepada petani, penternak supaya membela lembu tetapi nampaknya usaha ini gagal dan apakah Yang Berhormat ada keyakinan bahawa usaha yang diinginkan oleh kerajaan ini akan menjadi kenyataan ataupun cuma uar-uar sahaja. Minta penjelasan.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih sahabat saya dari Kinabatangan. Sebenarnya ini yang menjadi persoalan kita sekiranya baka lembu tidak

dikembangkan secara lebih serius lagi oleh kerajaan sudah pasti sekiranya baka lembu atau anak lembu diambil dari Johor ke negeri Kelantan, maksudnya jumlah bilangan lembu itu masih sama di dalam negara kita. Dan sudah pasti tidak boleh menambah peningkatan pengeluaran di dalam negara. Jadi hari ini saya saran kepada kementerian supaya mengembangkan pengeluaran baka ini kepada satu kaedah ataupun cara pendekatan untuk memperbanyakkan lembu di dalam negara kita. Kalau perlu buat sementara ini kita import, kerajaan perlu memainkan peranan - secara di bawah kementerian mengimport baka ini seberapa banyak yang boleh untuk penternak-penternak di dalam negara kita. Kalaulah baka ini diimport antara negeri pertambahan kepada bilangan lembu sudah pasti tidak ada pertambahan.

Jadi saya minta kementerian supaya ambil perhatian yang serius kepada ini. Kalau boleh pada suatu masa nanti kerajaan menyasarkan setiap sebuah rumah ada seekor lembu. Ini sudah pasti pengembangan lembu ini akan bertambah dan dari tahun ke tahun lembu ini akan membiak dan sudah pasti pendekatan ini akan lebih baik untuk negara kita mencapai sasaran, untuk kita bekalkan daging lembu di dalam negara kita. Saya pasti dalam keadaan sekarang ini kerajaan tidak boleh mencapai *target* berapa peratus untuk menampung keperluan daging di dalam negara kita kerana peratusannya masih kecil lagi, masih berada di tahap yang agak kecil mengikut peratusannya. Kalau tidak silap saya 20% sahaja bekalan daging negara ini daripada dalam negara yang lainnya diimport.

Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh gulung.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Berkenaan dengan pembangunan industri ayam daging Butiran 10700.

Saya yakin bahawa ayam ini perkara yang mudah ditenak di dalam negara kita. Jadi saya mintalah kementerian supaya mengambil pendekatanlah tidak perlu kita import ayam ini dari negeri China seperti sekarang ini, kerana ramai rakyat yang boleh memelihara ayam dan kerajaan kena mengambil pendekatan bagaimana untuk mempertingkatkan lagi pengeluaran ayam di negara kita. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Puchong dua minit ya.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Saya cubalah. Terima kasih, Tuan Pengerusi kerana membenarkan saya membahaskan dalam Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Saya terus kepada Butiran 030500 iaitu mengenai penguat kuasa.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini kita pun tahu ada satu penyakit atau satu enzim telah disuntik ke dalam daging khinzir yang telah menimbulkan banyak kekeliruan di kalangan masyarakat, dan ini telah memberikan satu kebimbangan orang ramai untuk menggunakan daging khinzir ini dan enzim ini dipanggil *beta-agonist* kalau tidak silap saya, iaitu ia boleh menggemukkan ataupun mempercepatkan proses pertumbuhan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu semua sudah tahu Yang Berhormat. Yang Berhormat tahu, saya pun tahulah.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Tetapi sekarang masalah ialah mengenai penguatkuasaan. Bahawa kementerian sampai hari ini kita macam masih dalam dunia yang ketiga. Dan ini penguatkuasaan masih tidak dapat dikawal sehingga ada penternak-penternak yang tamak telah menyalahgunakan enzim-enzim yang tertentu kerana keuntungan. Dan saya hendak tanya kepada kementerian, apakah jaminan di masa depan ini bagaimana kita boleh mempertingkatkan lagi keyakinan orang ramai mengenai proses penguatkuasaan kementerian terhadap enzim yang dikatakan sangat bahaya kepada kesihatan, khasnya pertumbuhan badan kanak-kanak itu.

Kerana pada masa yang sama juga industri babi juga merupakan satu industri komersial yang besar, seperti mana yang telah diberi satu angka oleh Yang Berhormat bagi Serdang tadi, misalnya sehingga 2004 lebih kurang RM1.3 bilion dan kalau tidak silap saya sehingga hari ini lebih kurang industri ini, RM2 bilion. Saya berharap kementerian

menganggap ini satu industri komersial yang boleh menjimatkan defisit ataupun kadar pengeluaran negara. Bayangkan kalau hari ini kita tidak mengembangkan industri ini, maka kalau kita terpaksa mengimport, ini bermakna negara kita terpaksa menanggung RM2 bilion defisit. Saya berharap kementerian memberikan perhatian ini kerana kesuntukan masa saya terus kepada...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah lebih dua minit. Ada kawan lain hendak berucap lagi Yang Berhormat, sudah lebih daripada dua minit. Satu minit lagi.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Okay. Ada satu lagi yang akhir. Tuan Pengerusi, mengenai pembangunan industri babi dan juga kawasan penternakan babi yang dalam Butiran 10740 ataupun Butiran 22300 ini.

Saya hendak tanya mengapa peruntukan untuk anggaran tahun 2007 ini telah dikurangkan? Kerana kalau kita masih ingat semasa krisis JE dahulu ratusan manusia telah terkorban. Saya hendak tahu bagaimana pihak kementerian dengan kerjasama mungkin dengan kerajaan negeri ataupun pihak berkuasa tempatan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Akhir sekali saya difahamkan bahawa ada negeri-negeri seolah-olah atau ada ura-ura untuk menutup kawasan penternakan ini kerana dengan alasan bahawa pencemaran dan juga faktor-faktor kesihatan.

Pada masa yang sama saya hendak tahu, apakah tindakan ataupun perancangan kementerian untuk membangunkan industri ini supaya kita dapat jimatkan wang ringgit kita dan pada masa yang sama, tidak bergantung kepada negara lain untuk perkara begini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Kepong sudah lama tunggu...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tetapi masa tidak panjang jugalah Yang Berhormat bagi Kepong. Sama jugalah, dua tiga minitlah.

5.00 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, 030000 - Perkhidmatan Haiwan.

Lebih 20 tahun yang lepas, saya bangkit di sini penggunaan beta-agonist dan waktu itu saya diberi jaminan bahawa pihak Jabatan Veterinar akan mengambil tindakan untuk menyelesaikan masalah. Nampaknya 20 tahun, dua dekad kemudian kita tidak nampak ada penyelesaian dan di sini saya hendak menanya yang pertama keberkesanan....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: 20 tahun memang panjang.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Panjang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Empat penggal...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, ya lebih panjang. Yang pertama, perkhidmatan veterinar...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Veterinar.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Sama ada pihak kementerian boleh mengkaji dari segi keberkesanan, bilangan kakitangan yang terlatih yang beriltizam untuk mengatasi masalah kimia ataupun ubat untuk semua jenis haiwan. Kemudian kita mesti membentangkan satu laporan di dalam Dewan yang mulia ini, saya percaya bukan semua penternak menggunakan beta-agonist, mungkin segelintir sahaja.

Jadi, tidak adillah bagi yang tidak gunakan beta-agonist iaitu dikenakan tindakan dan sebagainya. Bukan sahaja tindakan daripada jabatan perkhidmatan veterinar, bahkan juga kerana ada media, ada *exposure*, pendedahan maka ramai tidak makan daging itu. Ini memang tidak adil. Walau bagaimanapun, bolehkah kita membentangkan satu laporan di dalam Dewan yang mulia ini untuk mengetahui setakat mana-mana ubat-ubat ini digunakan

ke atas setiap jenis haiwan di negara ini. Bukan sahaja khinzir, bahkan lembu, kambing dan sebagainya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ayam.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ini memang satu perkara yang penting kerana kita hendak memastikan tugas dan kerja dan tanggungjawab Jabatan Perkhidmatan Veterinar adalah dijalankan dengan baik berkesan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Sekian, terima kasih.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bagan lambat sedikit, sebab tadi sudah ucap lama. Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu dahulu. Nanti, nanti.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Dua minit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa, tidak apa.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Dua minit sahaja.

5.03 ptg.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Saya ingin tarik perhatian berhubung dengan 02000 iaitu Pertanian. Saya ingin tanya kepada setiausaha Parlimen di sini apakah fokus kegiatan pertanian kita, apakah ia merupakan sesuatu yang memberi tumpuan kepada tenaga kerja yang ramai ataupun kepada penggunaan teknologi canggih. Sebab saya difahamkan di Amerika sendiri jumlah petani itu hanya 3% daripada keseluruhan penduduk di Amerika, namun dia telah dapat memberi makan dan meraikan keseluruhan penduduk di Amerika itu. Cuma 3% merupakan petani. Jadi, dalam konteks ini, saya hendak tanya setakat manakah kita sekarang ini telah mempertingkatkan dengan kecanggihan Sains teknologi dan serba macam *research development and commercialization*, ke arah kita memberi impak yang lebih besar dengan pengurangan tenaga kerja ini.

Saya harap, kalau sekiranya pihak kementerian dapat memberi jawapan, sebab dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dinyatakan hendak membentuk hampir 10 ribu orang usahawan-usahawan dalam bidang industri ini. Setakat manakah, apakah dia memberi penekanan kepada bilangan ramainya, manusia sebagai petani, ataupun memberi penekanan kepada teknologi yang tinggi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, terima kasih. Yang Berhormat, ringkaskan sebab tadi...

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Sangat ringkas.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: RM10 ringgit punya fasal sudah ambil 90 minit.

5.04 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Berikutan dengan RM10 punya pasal, saya ingin menanya di sini, memandangkan Persatuan Nelayan kawasan masing-masing iaitu Persatuan Nelayan kawasan masing-masing adalah sebuah pertubuhan swasta yang didaftarkan di bawah pejabat pendaftaran pertubuhan. Adakah dia berhak untuk mengutip *charges* e-pendaratan seperti yang direstukan oleh LKIM dan jikalau nelayan enggan membayar *charges* e-pondaparan ini, adakah ia menjadi satu kesalahan di bawah Akta Perikanan? Saya ingin meminta penjelasan.

Saya pun sependapat dengan Yang Berhormat bagi Puchong dan Yang Berhormat bagi Kepong, ingin menanya berkenaan dengan pemakaian ubat beta-agonist di kalangan-kalangan penternak-penternak iaitu haiwan penternakan. Bukan sahaja di

kalangan khinzir, malah ayam, kambing, lembu, itik semua juga terlibat dalam golongan ini. Tuan Pengerusi, kementerian janganlah tolak tanggungjawab bahawa ini adalah Kementerian Kesihatan yang perlu menjalankan peperiksaan ini. Ini perlu ditangani dari akar umbi iaitu dari ladang-ladang.

Tuan Pengerusi, ini berkenaan dengan 060000 - Padi. Iaitu baru-baru ini berlaku banjir atau air bah berlaku di kawasan Kedah di mana dikatakan 10 ribu hektar sawah padi telah musnah dalam air bah dan banjir ini. Saya ingin menanya kepada Yang Berhormat bagaimana caranya pampasan atau bayaran sagu hati atau apa-apa pertolongan yang boleh diberi kepada para petani, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab sila.

5.06 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan apa-apa perkara di bawah Jawatankuasa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Di mana segala teguran maklum balas dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat sangat dihargai dan akan diguna untuk membaiki lagi kalau adalah khasnya yang menjejaskan prestasi, sektor pertanian dan segala maklum balas yang diberikan dalam perbahasan bagi kami sangat berharga. Ia adalah untuk kita sama-sama membaiki dan juga memastikan bahawa pembangunan pertanian sentiasa berjalan seperti yang kita harapkan atau sasarkan. Jadi Yang Berhormat, ramai daripada Yang Berhormat menyentuh dari segi pemotongan padi. Iaitu yang dilaksanakan di mana ianya berlandaskan pada mutu padi tersebut. Jadi, oleh yang demikian Yang Berhormat saya sebenarnya telah menjawab di Dewan yang mulia ini bahawa padi yang berkualiti akan mendapat potongan yang lebih rendah berbanding dengan padi yang tidak baik. Ini sebenarnya untuk kita memastikan bahawa semua petani, khasnya penanam padi menjaga kualiti padi yang dihasilkan.

Sebab tadi di dalam perbahasan pun ada juga disebutkan bahawa kalau dibandingkan dengan kualiti padi kita, padi tempatan dengan yang diimport memang jauh bezanya. Jadi oleh yang demikian, satulah bukanlah semestinya sebab dinaikkan harga padi itu kita terus hendak potong banyak bukan. Tidak kena-mengena, tetapi pada masa yang sama memang kementerian telah berbincang dan didapati memang yang ini akan membuat ramai penanam padi marah. Tetapi, pada masa yang sama, kita hendak meningkatkan kualiti padi kita, kalau dapat sama dengan padi-padi khasnya atau beras yang kita import.

Jadi, oleh yang demikian, kita naikkan harga padi, pada masa yang sama, kita juga meningkatkan kualiti pemutuan. Saya juga telah maklumkan bahawa kualiti mutu ini berlandaskan kepada bermacam-macam faktor. Iaitu satu daripadanya ialah peratusan padi rosak. Lepas itu kita melihat kepada peratusan kelembapan dan selepas itu kepada peratusan kotoran yang ada di dalam padi itu dan juga peratusan padi muda. Jadi semua ini dicantum, sebelum ini memang hanya dilakukan secara rundingan di antara penanam padi, orang tengah dan juga pengilang. Walau bagaimanapun didapati jika menggunakan rundingan, memang mutu yang tepat itu tidak didapati dan saya berharap Yang Berhormat sekalian jangan mengatakan bahawa kita terus pergi ke 25% potongan, tidak.

Sebenarnya Yang Berhormat, ada juga yang seharusnya dipotong lebih daripada 25% sebab kualiti yang begitu teruk. Tetapi, ada juga kita baru-baru ini dapat satu kualiti padi yang begitu baik iaitu hanya dipotong 14%. Iaitu di rekod di BERNAS Tumpat. Jadi oleh yang demikian, kita ingin memaklumkan di sini bahawa boleh, petani-petani boleh sampai kepada satu kualiti yang baik, tetapi harus membiasakan dengan amalan pertanian yang baik. Jadi, insya-Allah ini akan tercapai. Bukan itu sahaja Yang Berhormat, sebenarnya kita juga memberi insentif selain daripada harga padi baru. Insentif adalah dinamakan insentif pengeluaran padi iaitu maksimum kita berikan RM240.00 sehektar. Iaitu RM100.00 bagi upah bajak, dan RM140.00 bagi input seperti baja dan racun.

Sebab kita pun maklum ya, barang ini semua naik harga sekarang ini. Jadi, pembayaran insentif upah bajak akan dibuat kepada pemberi perkhidmatan bajak yang berdaftar melalui Pertubuhan Peladang dan pemberian input akan dilaksanakan melalui Pertubuhan Peladang kawasan masing-masing. Input-input yang bersesuaian dengan keperluan petani dan kawasan yang akan dikenal pasti. Satu lagi insentif tambahan adalah insentif peningkatan hasil padi iaitu berjumlah RM650.00 se tan metrik. Di mana syaratnya adalah peningkatan hasil sekurang-kurangnya 1% berbanding purata hasil musim asas iaitu ditentukan berdasarkan hasil tiga musim.

Jadi bermakna, kalau pada tiga musim yang lepas tiga tan, tapi musim ini dapat naik empat tan, jadi kita akan bayar RM650.00 penambahan satu tan itu. Jadi, ini adalah penambahan-penambahan yang kita rasakan akan membantu petani-petani untuk memastikan bahawa peningkatan dari segi kuantiti dan juga kualiti.

Yang Berhormat bagi Ketereh ada menyebut mengenai baja subsidi yang tak pernah kita tukar-tukar. Asyik baja itu sahaja. Jadi oleh yang demikian, ingin saya maklumkan di sini bahawa baja subsidi telah ditukar daripada baja campuran kepada baja sebatian iaitu mulai Julai 2005. Tujuannya adalah bagi membekalkan baja yang mempunyai kualiti yang lebih sesuai dan bermutu tinggi dan di mana pihak kementerian akan memantau keberkesanan baja subsidi ini dan juga baja sebatian dari semasa ke semasa. Tetapi terima kasihlah juga kepada Yang Berhormat sebab memberitahu mengenai baja organik. Jadi, dari semasa ke semasa, sebab saya memberitahu pertanian ini tidak statik. Dia sentiasa berubah mengikut keadaan dan keperluan.

Yang Berhormat bagi Ketereh juga memberitahu bahawa peranan dan cara penuaian oleh pemberi perkhidmatan penuaian di mana pada masa ini upah penuaian dikenakan mengikut bilangan guni. Jadi, untuk makluman kementerian telah mengadakan mesyuarat dan perbincangan pada awal Oktober 2006 dengan petani-petani dan pembekal perkhidmatan penuaian di kawasan KEMUBU atau KADA. Melalui perbincangan tersebut, mereka dinasihatkan supaya upah menuai tidak lagi dibuat mengikut bilangan guni. Sebab masa sudah beredar. Tetapi mengikut keluasan sawah yang dituai. Mereka juga telah diterangkan bahawa perkara ini adalah selaras dengan perancangan kerajaan untuk melaksanakan penentuan mutu yang saya ceritakan tadi. Di mana mutu sebenar padi dan mereka digesa untuk berusaha meningkatkan kualiti padi yang dihasilkan. Kempen amalan pertanian baik juga akan dipergiatkan untuk memastikan padi yang dihasilkan oleh petani-petani adalah yang lebih berkualiti.

Yang Berhormat bagi Ketereh juga menyebut mengenai Bank Pertanian Malaysia dan beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain juga, telah menyentuh mengenai Bank Pertanian Malaysia. Jadi, Bank Pertanian Malaysia sentiasa berusaha untuk meningkatkan *delivery system* dan skop perniagaannya bagi memenuhi dengan izin, *total need* masyarakat tani. Usaha semasa yang sedang dibuat ialah penyusunan semula Bank Pertanian Malaysia melalui pengkorporatan Bank Pertanian Malaysia yang akan dilaksanakan pada tahun hadapan, tahun 2007. Pengkorporatan Bank Pertanian Malaysia akan meningkatkan kecekapan sistem, *delivery system* melalui:-

- (i) meningkatkan modal berbayar dari RM50 juta kepada RM2 bilion bagi meningkatkan kapasiti Bank Pertanian Malaysia untuk membiayai projek pertanian yang lebih besar;
- (ii) meningkatkan kapasiti dan *capability* kakitangan Bank Pertanian Malaysia supaya dapat melaksanakan mandat dengan lebih berkesan; dan
- (iii) meluaskan skop pinjaman dan perkhidmatan lain supaya memenuhi *the total need* dengan izin, petani, penternak, nelayan dan pengusaha pertanian.

Jadi segala yang ditegur oleh Ahli Yang Berhormat memang diambil kira dan ingin dimaklumkan di sini juga bahawa Piagam Pelanggan Bank Pertanian mengenai *delivery* atau pinjaman ialah bahawa satu permohonan yang lengkap akan mendapat keputusan dalam tempoh tidak melebihi 11 hari bagi kelulusan di peringkat cawangan. 24 hari bagi kelulusan di peringkat pejabat negeri. 35 hari bagi kelulusan jawatankuasa pengurusan dan

48 hari bagi kelulusan Lembaga Pengarah. Jadi permohonan pinjaman yang mendapat keputusan melebihi dari ketetapan di atas, biasanya disebabkan permohonan yang tidak lengkap atau pemohon telah mengubah cadangan asal projek atau permohonan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Santubong ingin bercakap.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Setiausaha Parlimen. Kita memang sudah biasalah dengar *window dressing* ini. Apa yang saya bimbangkan, kita tambahlah modal. Kita ubahlah piagam dan kita tambahlah pegawai. Tetapi kalau konsep pengeluaran sumber kewangan daripada bank masih perlukan jaminan, masih perlukan cagaran, masih perlukan kalau nak pinjam RM1 juta mesti ada RM400 ribu dalam bank *cash*, saya ingat bank ini akan bagi pinjaman kepada orang yang kaya, menjadi kaya lebih lagi. Dan yang miskin itu, biarlah dia miskin habis begitu sahaja.

Ini teori Darwinism punya teori ini, *the survival of the fittest*. Pekerjaan menerusi instrument, apa sahaja agensinya akan syor ataupun sokong teori Darwinism ini yang untuk *survival of the fittest*. Untuk yang miskin itu, jadi miskin. Yang kaya itu diperkaya lebih-lebih lagi. Jadi, persoalannya adakah soalan benar-benar nak tolong masyarakat tani, masyarakat nelayan, pihak-pihak mungkin juga lepasan graduan-graduan yang tidak ada kerja, yang menganggur ini direalisasikan menerusi *instrument* Bank Pertanian ini supaya pengolahan pinjaman tidak menekankan kepada cagaran, *cash* dalam bank dan jaminan daripada seseorang yang *credible, substantially credible*, dengan izin.

Jadi kalau ini tidak diubah, kita akan mendengar lagi berterusan Ahli Parlimen mengatakan ini akan juga menghadapi kegagalan di peringkat Ahli Parlimen oleh sebab Ahli Parlimen kebanyakannya mewakili pihak yang memang dalam keadaan yang berkehendakkan pinjaman ini. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Santubong. Memang satu daripada perkara, kalau sentuh sahaja Bank Pertanian Malaysia isu cagaran inilah menjadi satu faktor yang begitu besar disebut dan memang kami sentiasa mengambil maklum. Sehingga saya juga bertanya kepada pegawai-pegawai di Bank Pertanian, adakah cagaran ini yang terutama untuk kita mempertimbangkan permohonan? Jadi jawapan daripada pegawai kepada saya, cagaran bukan yang terutama.

Sebenarnya Yang Berhormat sebutkan tadi lagi penting kredibiliti, *capability*. Bermakna lebih kepada projek. Tetapi Yang Berhormat memanglah sekarang ini Yang Berhormat pun sudah tahu bahawa sebelum ini Bank Pertanian Malaysia memang ada hadnya atau ada limitnya. Sebab itulah sekarang, dengan pengkorporatan Bank Pertanian Malaysia bila dinaikkan modal berbayar sampai ke RM2 bilion, jadi kita ada kelonggaran sedikit-sebanyak. Dan sebenarnya juga Yang Berhormat, kalau kita mengambil pendekatan MoA Incorporated, jadi jumlah cagaran itu memang dapat diturunkan sebab dengan penglibatan secara *integrated*, semua agensi dan juga pegawai-pegawai yang ada di kementerian untuk memastikan projek itu berjaya. Jadi prosesnya bermacam-macam.

Tapi walau bagaimanapun Yang Berhormat, saya mengucapkan jutaan terima kasih sebab pandangan ini memang selalu dibawa dan ini juga menjadi satu desakan kami kepada Bank Pertanian Malaysia untuk memastikan bahawa kita adakan kelonggaran untuk kita memastikan kejayaan kepada sektor pertanian. Sebab satu saya hendak tekankan di sini Yang Berhormat, hanya Bank Pertanian Malaysia sahaja yang memberi pinjaman kepada pembangunan pertanian di negara kita.

Jadi itu pun kita berharap dengan teguran dan pandangan daripada Ahli Yang Berhormat, kita dapat memantapkan lagi dari segi peranan Bank Pertanian Malaysia, insya-Allah.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Sebagai wakil yang saya sebutkan pagi tadi, mewakili masyarakat yang begitu banyak komposisinya daripada pihak nelayan dan petani.

Dahulu saya di Batang Lupar memang boleh dikatakan 70%, Yang Berhormat sendiri sudah wakilkkan sekarang. Jadi saya bercakap ini bukan sahaja bagi pihak saya tapi juga bagi pihak Yang Berhormat sendiri. Sekarang di Santubong boleh dikatakan masih

ada sekurang-kurangnya 30% orang Santubong itu nelayan dan mungkin ada 15% sekarang masih petani. Jadi kita mempunyai tanah yang besar Yang Berhormat. Yang Berhormat sedar di Sarawak mempunyai tanah adat yang besar dan tanah ini tidak mempunyai geran dan mereka ini menjadi begitu bermasalah sekali oleh kerana hendak pinjam duit bank, geran tanah tidak ada.

Jadi sepatutnya kita melihat apa yang dibuat di negara lain. Saya tahu Yang Berhormat ini MBA tapi hendak beri nasihat dalam kementerian mungkin kementerian tak dengar sangat. Cuba lantik orang macam sayalah, jadi penasihat kementerian boleh menasihatkan soalan *business* ini...

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya ingat Setiausaha Parlimen tak ada kuasa lantik Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Dia MBA Tuan Pengerusi, bukan sembarangan ini. Jadi saya boleh menasihati soalan *business* ini. Kalau kita lihat daripada apa yang berlaku di Amerika, *DotCom Company*. Kalau *DotCom Company* dahulu dimulakan dengan orang bertanya di mana letaknya harta, di mana letaknya benda untuk di cagar. Semua *DotCom Company* pada akhir tahun 80an dan awal tahun 20an tidak akan boleh memperkayakan semua *yahoo.com*, *e-bay* dan sebagainya.

Jadi kita sepatutnya melihat daripada potensinya. Potensi *business* yang dirancang dan di cadang. Jadi di situlah letaknya kemampuan kita nanti mengguna pakai graduan-graduan yang tidak bekerja sekarang dan menarik mereka ini ke jurusan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Pertanian yang boleh memperkayakan seseorang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau boleh kita ringkaskan hujah-hujah Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Sedikit lagi. Sebab saya tak cakap satu hari Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tak cakap satu hari?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sedia akur dengan Tuan Pengerusi ini. Saya minta kalau dapat soalan potensi ini menjadi satu kriteria yang tinggi sekali daripada melihat soalan jaminan dan cagar. Apakah jaminan kementerian, boleh buat ini ataupun tidak? Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya katakan tadi, kita boleh bincang dan kita memang sentiasa ingin hendak mendapatkan segala pandangan sebab kita sentiasa mencari jalan untuk kita memperbaiki.

Jadi melalui pengkorporatan ini, kita berharap banyak lagi idea-idea daripada Yang Berhormat ini akan dapat kita gunakan untuk kita memperbaiki lagi dan untuk kita betul-betul sampai kepada sasaran dari segi permohonan-permohonan yang telah diminta khasnya dari segi modal. Bagi saya modal itu satu hal tapi sebenarnya semangat. Semangat itu juga penting supaya mereka betul-betul komited untuk menjalankan pertanian, khasnya pertanian komersial yang kita syorkan sekarang ini.

Yang Berhormat bagi Ketereh telah bertanya atau mencadangkan peranan FAMA dikaji semula supaya dapat membantu petani-petani kecil dan juga mengkaji semula tapak TEMAN atau Terminal Makanan Negara yang telah dicadangkan di Tanjong, Kota Bharu kerana kurang sesuai. Jadi fungsi atau peranan FAMA memang untuk membantu petani kecil. FAMA tidak boleh membeli semua hasil pertanian atau hasil petani kerana memerlukan peruntukan yang besar. Tapi apa yang dilakukan oleh FAMA ialah menyediakan lokasi strategik dan menggalakkan petani dalam pemasaran melalui pasar tani dan supaya petani menjadi usahawan atau pemasar.

Jadi dari segi mengkaji semula tapak terminal makanan, lokasi Terminal Makanan Negara (TEMAN) di Kota Bharu adalah sesuai cuma kos penambahan agak tinggi sedikit. Di Kota Bharu adalah agak sukar mendapatkan tapak yang betul-betul sesuai berhampiran dengan bandar kerana pembangunan yang pesat. Jadi oleh yang demikian, FAMA memerlukan kawasan 50 ekar untuk pembinaan pasar moden yang lengkap. Jadi saya berharap Yang Berhormat pun dapat membantulah dari segi lokasi dan sebagainya.

Mengenai celahan daripada Yang Berhormat bagi Bera yang mencadangkan peruntukan pengiklanan dan promosi ditambah iaitu hanya RM2 juta sahaja dipertambah supaya ada iklan di TV dan akhbar. FAMA akan mengkaji semula peruntukan pengiklanan ini supaya dapat ditambah kerana pada masa ini peruntukan adalah kecil. Sebenarnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani juga membantu dan menambah peruntukan promosi FAMA seperti promosi ke luar negara, penganjuran ekspo iaitu dengan mengadakan MAHA dan sebagainya. Jadi ini semua ditambah. Walaupun kecil di bawah FAMA tetapi kementerian juga membantu.

Celahan daripada Yang Berhormat bagi Larut iaitu peranan pembelian padi diberikan kepada pihak-pihak lain selain daripada BERNAS untuk menambahkan kecekapan. Pada masa ini terdapat 181 pemegang lesen pengilang padi yang aktif di seluruh negara. Daripada jumlah ini, 27 adalah kilang BERNAS dan 154 lagi adalah kilang kepunyaan pengilang-pengilang swasta. Bermakna memang sudah ada. Walau bagaimanapun bagi menyelaras pemberian subsidi harga padi, prosedur telah mensyaratkan supaya seseorang Pegawai atau Kerani BERNAS ditempatkan di setiap kilang bagi menjadi wakil atau saksi semasa pembelian padi dibuat. BERNAS cuma menjalankan salah satu obligasi sosial sebagaimana yang dipersetujui dalam perjanjian penswastaannya. Obligasi sosial BERNAS adalah:

- (i) mengurus dan mengagihkan subsidi harga padi;
- (ii) bertindak sebagai *buyer of last resort*;
- (iii) membantu pengilang-pengilang di dalam skim bumiputera;
- (iv) menjaga stok fail negara; dan
- (v) melaksanakan pemutuan padi.

Jadi ini adalah obligasi sosial BERNAS. Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, masalah air di kawasan Sungai Besar dan Sekinchan. Projek membina satu kolam takungan bagi mengatasi masalah air di kawasan ini sedang dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran dengan peruntukan berjumlah RM18 juta. Memandangkan kawasan yang terlibat mempunyai tanah jenis gambut, Jabatan Pengairan dan Saliran perlu membuat penilaian yang lebih teliti bagi menentukan jenis dan binaan kolam yang lebih sesuai dapat dilaksanakan.

Yang Berhormat bagi Sabak Bernam juga ingin mengetahui kajian yang dibuat oleh MARDI yang mana difahamkan sebanyak 300 buah kajian yang dihasilkan. Walau bagaimanapun tidak didapati sebarang koordinasi di antara jabatan-jabatan di bawah kementerian. Jadi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Untuk makluman...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. banyak lagi?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Saya percepatkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sepuluh minit cukupkah?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Saya cuba.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: *Okay, okay.* Cukupkah sepuluh minit?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Mungkin tambah sedikit lagi sebab beta-agonis ini satu daripada yang saya hendak terangkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah. Yang Berhormat boleh sambung esok.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Sambung esok?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, sambung esok.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tangguhkan mesyuarat ini sehingga jam 10 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.